

Jilid III  
Bil. 43



Hari Rabu  
8hb November, 1989

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 7813]

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

**Mengalu-alukan Kedatangan T.Y.T. Menteri Luar Ozbek dan Rombongan**  
[Ruangan 7860]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 7861]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1990 [Ruangan 7861]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1990 [Ruangan 7861]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S. (Kubang  
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar  
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.  
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,  
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ  
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR  
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.  
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG  
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.  
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUALI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

Yang Berhormat TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernani).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOHO (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jejebu).

- Yang Berhormat Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik  
Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J.,  
A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEN SUNG SENG @ TIU SING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P.  
(Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P.  
(Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.  
(Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 8hb November, 1989
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *memper-*  
*ngurusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

MAJLIS PERUNDINGAN BELIA  
NEGARA

1. Tuan Mohd. Noh bin Rajab minta Menteri Belia dan Sukan menerangkan fungsi dan peranan Majlis Perundingan Belia Negara. Adakah Majlis ini masih aktif. Jika tidak, apakah rancangan yang telah diatur bagi menggerakkannya semula sesuai dengan kehendak dan "expectation" belia-belia dan negara sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, fungsi dan peranan Majlis Perundingan Belia Negara, mengikut Perkara 2 Perlembagaan Majlis adalah seperti berikut:

- (a) untuk membincangkan masalah-masalah belia dan bertindak sebagai penasihat kepada Menteri Belia dengan membentuk dan mengkaji semula rancangan belia;
- (b) bertindak sebagai satu badan perundingan dan penasihat bagi semua Pertubuhan Belia Negara di Malaysia;
- (c) menyelaras rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan semua pertubuhan belia;

(d) menyalurkan minat dan tenaga belia untuk membangunkan negara; dan

(e) berusaha ke arah menanamkan perasaan taat setia terhadap negara dan mewujudkan semangat kebangsaan di kalangan belia.

Majlis Perundingan Belia Negara masih aktif dan telah mengadakan persidangannya sekurang-kurangnya sekali setiap tahun. Persidangan yang akhir telah diadakan pada 27hb Julai, 1989 yang lalu.

Walau bagaimanapun, untuk memperkemas dan memperhebatkan lagi peranan dan tanggungjawab Majlis Perundingan Belia Negara ini, Perlembagaannya telah diubahsuai dan disusun semula mengikut keadaan semasa.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar Majlis Perundingan Belia Negara ini sudah menjadi begitu lesu dan tidak bermaya kalau dibandingkan dengan peranan awal-awal dahulu? Apakah ini kerana anggota-anggota yang dilantik tidak dapat memainkan peranan yang aktif ataupun sebaliknya? Keduanya, apakah Kementerian bercadang supaya Persidangan MPBN ini diadakan dua, tiga kali setahun dan bukan sekali setahun sebagaimana sekarang?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah keaktifan satu-satu organisasi itu kita melihat dari sudut aktiviti mereka. Jadi, Majlis Perundingan adalah merupakan satu badan untuk mendesak, menyalurkan pandangan-pandangan kepada Kerajaan untuk kepentingan belia.

Dari sejak ianya ditubuhkan, banyak masalah-masalah belia yang sudah dicapai menerusi platform Majlis ini. Maka oleh kerana itu pada masa-masa akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, kelihatan semacam tidak ada kegiatan kerana masalah-masalah belia banyak sudah diselesaikan.

**Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapakah banyaknya pertubuhan Belia yang terlibat yang diundang masuk di dalam Majlis Perundingan Belia Negara dan adakah Gerakan Belia 4B di-jemput masuk? Apakah ada usaha ataupun saranan cadangan daripada Kementerian untuk menasihati ataupun melalui Majlis Perundingan Belia Negara menasihati Gerakan Belia 4B untuk menyelesaikan masalah dalaman, terutama sekali sehingga hari ini tidak mengadakan mesyuarat agung?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan Majlis Perundingan Belia Negara adalah terdiri, satunya, kesemua ahli Dewan Tertinggi Majlis Belia Malaysia; dan yang keduanya, enam orang daripada anggota Majlis Tertinggi Malaysia terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha Agung dan tiga naibnya; kemudian 10 orang dilantik oleh Menteri Belia dan Sukan daripada agensi-agensi Kerajaan ataupun institusi-institusi pengajian tinggi yang difikirkan mereka ini boleh memberi sumbangan kepada perkembangan belia di tanahair kita ini.

Mengenai Belia 4B ini bukan sahaja Majlis Perundingan Belia Negara yang menasihati, tetapi Kerajaan menerusi Akta Pertubuhan Malaysia sudah menasihati supaya melaksanakan mesyuarat agung untuk memperkemas kedudukan Belia 4B di dalam negara kita ini.

## SUMBANGAN MALAYSIA MEM-BASMI KEMELARATAN

2. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sumbangan Malaysia kepada usaha

membasmi kemelaratan kemiskinan dan kelaparan yang dideritai oleh rakyat di beberapa buah negeri di dunia terutama sekali di Sudan dan di Habshah (Ethiopia). Apakah forum-foram antarabangsa yang disertai oleh Malaysia bagi mencapai matlamat itu dan apakah rumusan-rumusan yang telah dapat dicapai bagi mengatasi masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa bersimpati penuh dengan negara-negara yang menghadapi kemelaratan. Di samping Sudan dan Habshah (Ethiopia), negara-negara miskin yang lain di Afrika dan Asia juga menerima perhatian kita. Bagi negeri Sudan, Malaysia telah memberi bantuan kecemasan bernilai hampir \$200,000 untuk mangsa-mangsa banjir pada bulan September, 1988. Pada tahun itu juga Malaysia telah memberi bantuan bernilai \$100,000 bagi mangsa-mangsa kemarau dan kebuluran.

Kemelaratan ini ada yang berpunca dari kemelesetan pertumbuhan ekonomi, menanggung beban hutang yang terlalu tinggi dan adakalanya disebabkan oleh bencana alam. Sumbangan Malaysia untuk meringankan kemelaratan mereka ada yang berbentuk kebendaan seperti ubat-ubatan dan alat kelengkapan atau biasiswa; bantuan penasihat pakar dan latihan kemahiran di dalam berbagai lapangan.

Institusi-institusi di Malaysia seperti INTAN, KTM, Lembaga Pelabuhan Kelang dan Kementerian Pertanian mempunyai beberapa program bantuan untuk negara-negara sedang membangun dengan tujuan membantu pembangunan mereka. Program Kerjasama Teknikal Malaysia ataupun MTCP adalah asas bantuan-bantuan kita kepada negara-negara yang memerlukan pertolongan.

Forum-forum yang disertai oleh Malaysia bagi tujuan di antara lain mencari jalan untuk menolong negara-negara miskin termasuklah Persidangan-persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa (PBB), Persidangan Negara-negara Berkecuali, Kumpulan 77

ataupun G77' dengan izin, Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel, Suruhanjaya Selatan-Selatan, Persidangan Bank Dunia, Persidangan International Monetary Fund, dan yang lain-lain bagi seperti Persidangan-persidangan dengan izin, General Agreement on Tariffs and Trade ataupun GATT, the Multilateral Trade Negotiation (MTN) serta Persidangan mengenai Global System of Trade Preferences.

Banyak rumusan-rumusan yang telah dibuat bagi meringankan beban-beban yang dihadapi oleh negara-negara miskin. Di antara lain-lain rumusan itu ialah menguatkan lagi kerjasama di antara negara-negara membangun agar mereka tidak terlalu bergantung kepada negara-negara maju sahaja. Tertubuhnya Suruhanjaya Selatan-Selatan ataupun South Commission, dengan izin, iaitu satu-satunya hasil daripada inisiatif Malaysia adalah untuk meningkatkan kerjasama di antara negara-negara sedang membangun.

Rumusan-rumusan yang lain adalah seperti melanjutkan tempoh bayaran pinjaman, menukar pinjaman menjadi "grant" atau melupuskannya sama sekali. IMF misalnya telah mengadakan "The Structural Adjustment Facility" and the Enhanced Structural Adjustment Facility ataupun ESAF. Malaysia menyokong kuat usaha ini dan telah pun menyumbangkan sebanyak \$40 juta kepada badan ini. ESAF ini ialah untuk membantu negara-negara yang mahu mengubahsuaikan struktur ekonominya dan mengurangkan hutang antarabangsa.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan bantuan yang dihantar kepada negeri-negeri yang mengalami masalah kemelaratan, kemiskinan dan kebuluran. Saya ingin mendapat tahu apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa bantuan ini akan dapat sampai ke mangsa-mangsa yang berkenaan dan tidak akan disalurkan ke tempat yang lain ataupun disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita membuat perhubungan terus dengan pemimpin negara-negara berkenaan dan kadangkalanya ketua pimpinan negara itu sendiri. Sumbangan kita adalah melalui pimpinan kerajaan negara tersebut. Dengan itu kita mendapat keyakinan bahawasanya sumbangan yang diberi oleh Malaysia akan tentu sampai kepada sasarannya.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah amaun sumbangan kewangan Malaysia setiap tahun kepada tabung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mempunyai peranan membasmi kemiskinan dan ancaman kelaparan. Sebagai negara anggota OIC adakah Malaysia memainkan peranan penting untuk menyarankan supaya organisasi tersebut membuat sumbangan yang lebih besar kepada negara-negara yang diancam oleh kelaparan terutamanya negara-negara Islam seperti Sudan, Chad, Mali dan sebagainya.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, PBB sesungguhnya tidak ada tabung khusus untuk membantu masalah kelaparan, kemelaratan ekonomi sesebuah negara. Kita hanya menyumbangkan terus kepada Kerajaan yang berkenaan dan jumlahnya tidak ditetapkan bagi tiap-tiap tahun mengikut kemampuan kita dan keadaan keperluan negara-negara yang demikian.

Yang keduanya tentang peranan OIC, mereka ada memainkan peranan untuk berbincang dan mengajak anggota-anggota negara dalam OIC untuk sama-sama menyumbang kepada negara yang memerlukan sumbangan daripada negara-negara yang lebih maju. Pada umumnya antara negara-negara yang menyertai OIC yang lebih maju dan kaya sentiasa memberi sumbangan yang termampu pada mereka untuk membantu negara-negara yang mengalami keadaan kemelesetan ekonomi dan sebagainya. Pada umumnya pihak kita berpuas hati dengan peranan anggota negara dalam OIC dalam usaha mereka membantu negara-negara yang memerlukan bantuan.

**PEMANDU TEKSI BER-  
PENGKALAN DI GENTING  
HIGHLANDS**

**3. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada permohonan telah diterima daripada Menteri Pengangkutan dan Menteri Buruh bagi pihak pemandu-pemandu teksi Genting Highlands untuk meluaskan laluan perkhidmatan mereka dari Genting Highlands ke Lapanganterbang Subang. Jika ada, sama ada apa-apa keputusan telah dibuat ke atas rayuan; dan
- (b) berikan sebab-sebab mengapa permohonan tersebut ditolak.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah diberi maklum oleh Kementerian Pengangkutan mengenai masalah pemandu-pemandu teksi berpangkalan di Genting Highlands. Pemandu-pemandu berkenaan ingin membawa penumpang-penumpang dari Genting Highlands terus ke Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan belum lagi menimbang kes ini.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah baru-baru ini ada dua orang Menteri iaitu Yang Berhormat Menteri Buruh dan Yang Berhormat Menteri Perumahan telah memberi jaminan kepada para pemandu-pemandu teksi Genting Highlands bahawa rayuan mereka akan dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri sendiri. Saya ingin tahu pernahkah Yang Berhormat Menteri menerima rayuan itu?

**Dato Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga telah diberi maklumat oleh Menteri Pengangkutan dan juga Menteri Buruh ini, berkenaan dengan masalah pemandu-pemandu ini dan juga nota perjumpaan pemandu-pemandu berkenaan dengan Menteri Pengangkutan telah pun diberi kepada Lembaga dan

Lembaga menerima maklumat ini pada 9hb Oktober 1989.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri beliau ada menyatakan bahawa nota telah diterima daripada Kementerian Pengangkutan pada 9hb Oktober. Adakah pihak Lembaga Pelesenan itu bercadang untuk menimbang apa yang termaktub di dalam nota itu ataupun adakah Lembaga sudah pun mengambil keputusan untuk tidak menimbang sama sekali rayuan ataupun isi kandungan nota itu yang meminta supaya pemandu-pemandu teksi yang berpangkalan di Genting Highlands itu dibenarkan untuk menjalankan perkhidmatan teksi dari Genting Highlands ke Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

**Dato Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga akan menimbang permohonan sekiranya pemandu-pemandu itu sendiri memohon secara rasminya.

Yang kedua, ingin saya memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa pemegang lesen berkenaan di mana pemandu-pemandu itu membawa teksi adalah Seri Highlands Carriage Sendirian Berhad. Permohonan untuk membawa penumpang terus dari Genting Highlands ke Lapanganterbang Antarabangsa Subang telah pun dibuat pada tahun 1988 dan ditolak oleh Lembaga kerana teksi-teksi ini pada asalnya disyaratkan beroperasi daripada pengkalannya iaitu Genting Highlands ke Kuala Lumpur pergi balik dan keduanya perkhidmatan pengangkutan teksi dari Kuala Lumpur ke Lapanganterbang Antarabangsa Subang sudah diadakan melalui pelesenan syarikat-syarikat tertentu. Sememangnya ditugaskan untuk membawa penumpang-penumpang di antara Kuala Lumpur ke Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan sebaliknya. Perkhidmatan pengangkutan daripada Kuala Lumpur ke Subang ini mudah diperolehi. Jadi ini sahajalah kalaunya pula kita membenarkan pemandu-pemandu teksi daripada Genting Highlands ini untuk membawa penumpang terus ke Lapanganterbang Antarabangsa Subang tentulah pemandu-pemandu teksi di bandaraya pula akan membantah.

## HARGA BIJIH TIMAH

4. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah sebabnya harga bijih timah masih berada di paras yang tidak memuaskan. Bukankah ini bermakna sistem yang digunakan pada masa kini melalui Kumpulan ATPC kurang berkesan jika dibandingkan dengan sistem quota yang telah digunakan pada masa dahulu. Apakah sebabnya kita tidak boleh berpulang kepada sistem lama;
- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk negara Brazil memasuki dalam kumpulan ATPC. Apakah sebabnya Negara itu masih enggan untuk memasuki dalam Kumpulan ini; dan
- (c) adakah beliau sedar masalah tanah yang sedang dihadapi oleh pihak-pihak pengurusan perlombongan dengan pihak negeri-negeri masih menjadi masalah pokok untuk industri ini. Sebab apakah Kerajaan Pusat tidak boleh mengambil inisiatif untuk memberi lebih hasil daripada pendapatan perlombongan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pihak Negeri memberi lebih tanah kepada sistem perlombongan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan harga timah pada masa ini tidaklah boleh dianggap sebagai satu perkembangan negatif yang tetap memandang bahawa naik-turunnya harga timah adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti keadaan permintaan, bekalan, lebihan stok di dalam pasaran, perubahan pertukangan wang asing, spekulasi oleh pedagang dan sebagainya. Walaupun Skim Rasionalisasi Bekalan Bijih Timah dilaksanakan oleh ATPC, pasaran timah tidak terlepas daripada unsur-unsur pasaran seperti yang saya nyatakan tadi. Matlamat utama Skim ATPC tersebut ialah untuk menyusun atau mengurangkan lebihan bekalan timah di dalam pasaran. Skim ini

ternyata berkesan memandangkan bahawa stok timah telah dapat dikurangkan daripada 73,000 tonne semasa ianya dimulakan pada tahun 1987 kepada 31,700 tonne pada penghujung Ogos 1989.

Saya ingin nyatakan bahawa Skim yang dilaksanakan oleh ATPC dan sistem yang digunakan di bawah Majlis Timah Antarabangsa adalah sama iaitu mengawal eksport timah daripada negara-negara anggota untuk menyusun lebihan di dalam pasaran. Dalam pada itu, Skim ATPC ini pula adalah lebih berkesan oleh kerana selain daripada negara-negara anggotanya, dua buah lagi negara pengeluar yang bukan anggota ATPC, iaitu Brazil dan negeri China, turut juga menyertai Skim berkenaan, manakala di bawah sistem yang digunakan oleh Majlis Timah Antarabangsa, kedua-dua negara berkenaan tidak terlibat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Timah Antarabangsa telah pun luput pada 30hb Jun, 1989 dan tidak lagi berkuatkuasa untuk menjalankan apa-apa aktiviti pasaran.

Mengenai soalan yang No. 2, urusan menganggotai kumpulan antarabangsa oleh mana-mana negara yang berdaulat adalah merupakan tanggungjawab sendiri negara-negara yang berkenaan. Lain-lain negara tidak boleh memaksa tetapi hanya boleh membuat gesaan sahaja. Dan berhubung dengan keanggotaan Brazil di dalam ATPC, negara-negara anggota ATPC secara kumpulan dan juga secara individu, termasuk negara kita sendiri, telah beberapa kali membuat pendekatan iaitu memujuk negara tersebut supaya menjadi anggota ATPC. Negara tersebut mempunyai alasannya tersendiri, dan kedudukan yang terakhir menunjukkan bahawa negara tersebut memerlukan masa dua tahun untuk membuat keputusan. Walaupun Brazil tidak menganggotai ATPC, pihaknya menyertai Skim Rasionalisasi Bekalan Timah ATPC sejak ianya dilancarkan pada tahun 1987 dan, mulai tahun 1990, negara berkenaan juga akan menyumbang kepada aktiviti penyelidikan dan kemajuan penggunaan timah yang dijalankan oleh ATPC. Negara-negara anggota ATPC, termasuk Malaysia, akan meneruskan usaha

mereka untuk memujuk Brazil supaya menganggotai ATPC dalam tempoh yang lebih awal lagi.

Mengenai soalan yang ketiga, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal ehwal tanah adalah urusan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan, termasuklah pemberian pajakan melombong. Bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh perusahaan perlombongan, pihak Kerajaan telah pun melancarkan projek Dasar Pembangunan Mineral yang bertujuan untuk mengemaskinikan perundangan dan tata-cara berhubung dengan perlombongan termasuk galakan-galakan yang perlu diberikan untuk menarik pelaburan asing di bidang perusahaan mineral di negara ini. Projek ini juga akan menghasilkan satu sistem perlombongan yang moden di negara ini di mana kepentingan serta keperluan Kerajaan-kerajaan Negeri akan diberikan perhatian yang sewajarnya supaya dapat menggalakkan pihak mereka melepaskan lebih banyak lagi kawasan bagi maksud perlombongan. Dengan adanya dasar yang menyeluruh ini, sektor mineral dijangka akan dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada kemajuan negara dan pada masa yang sama mendatangkan hasil yang lebih banyak kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang dasar Kerajaan berkenaan dengan pengimportan tanah dan pasir yang bercampuran dengan timah yang diimport dari negeri seperti negeri Burma dan India untuk memproseskan di negara kita. Dan apakah dasar Kerajaan tentang pengimportan itu sebab sekarang Kerajaan telah pun mengenakan kuota tentang pengeluaran timah dari lombong-lombong yang sedang menjalankan kegiatan ini. Adakah kuota ini juga dikenakan pada pengimport-pengimport ini? Setakat ini, saya dapat tahu MMC adalah sebuah syarikat yang mengimport bahan ini untuk diproses di negara kita. Adakah Kerajaan membenarkan pengimportan ini?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, semua barang keluaran timah yang dieksport daripada negara ini adalah tertakluk kepada kuota yang diluluskan kepada syarikat masing-masing dan kiranya kuota ini tidak dapat dipenuhi maka kemungkinan untuk melonggarkan syarat ini adalah terbuka. Walau bagaimanapun, kita memastikan dahulu bahawa kegiatan pengimportan timah daripada luar negeri ini tidak akan menjejaskan pengeluaran dalam negeri dan pasaran timah daripada negeri ini sendiri.

#### PELAJAR PERSENDIRIAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

5. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah penuntut Malaysia yang belajar secara persendirian di luar negeri dan apakah kawalan yang dikenakan oleh Kementerian kepada mereka sebelum dan semasa menuntut serta sejauhmana MSD, Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri mempunyai hubungan dengan mereka.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini Kementerian Pendidikan belum dapat memberi satu angka sebenar mengenai jumlah pelajar-pelajar persendirian Malaysia yang menuntut di luar negeri, memandangkan mereka tidak diwajibkan mendaftar di Jabatan Penuntut Malaysia berkenaan. Walau bagaimanapun, setakat ini jumlah pelajar persendirian Malaysia di luar negeri adalah dianggarkan seramai 40,000 orang. Kini Jabatan Penuntut Malaysia sedang menjalankan usaha menggalakkan pelajar-pelajar berkenaan mendaftarkan diri masing-masing, di Jabatan berkenaan. Malangnya masih ramai yang belum dapat berbuat demikian.

Serentak dengan langkah pendaftaran ini maka usaha-usaha sentiasa dijalankan oleh pegawai-pegawai Jabatan Penuntut Malaysia dari semasa ke semasa untuk merapatkan perhubungan dengan pelajar-pelajar tersebut dengan mengadakan

lawatan, ceramah dan majlis-majlis penerangan mengenai peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penuntut Malaysia terutamanya dalam bidang kebajikan dan bimbingan. Dengan demikian, langkah-langkah kawalan dapat dilakukan secara langsung dan tidak langsung.

**Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latif:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah yang telah disebutkan tadi, bolehkah Yang Berhormat jelaskan di negara manakah paling banyak sekali pelajar kita telah pergi belajar secara persendirian?

Dan juga keduanya, dari segi kaum, dapatkah Yang Berhormat terangkan perbezaan jumlah pelajar persendirian di luar negeri.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan yang lebih ramai penuntut kita adalah di USA dan pecahan mengikut kaum, saya tidak dapat memberikan peratusan atau percentage tetapi ramai di antara mereka adalah dari kaum Cina.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan yang diberikan tadi, saya ingin bertanya, bilakah agaknya pihak Kementerian atau pihak MSD dapat mengesan jumlah sebenar penuntut kita yang belajar di luar negeri, kerana dalam jawapan tadi mengatakan bahawa sekarang ini usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi mendaftarkan penuntut-penuntut kita yang belajar di luar negeri. Soalnya, sejak bilakah usaha ini telah dilaksanakan dan bilakah target supaya perkara ini dapat dikenalpasti jumlah sebenar penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Soalan yang kedua, adakah kelewatan mendaftarkan atau mengkaji dan mengenalpasti penuntut-penuntut kita di luar negeri berpunca daripada kurangnya kakitangan MSD kita di luar negeri dan kalau itulah puncanya, adakah cadangan Kementerian untuk menambahkan kakitangan ini?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, ramai penuntut-penuntut Malaysia yang keluar dari negara kita ini, apabila

mereka memohon passport untuk keluar negeri tidak menyebutkan maksud mereka sebenar tetapi ramai di antara mereka menyebutkan tujuannya untuk melancong sahaja. Dengan sebab itu, dari Pejabat Imigresen kita tidak dapat menentukan bilangan mereka yang benar-benar pergi untuk menuntut di luar negeri dan di luar negeri pula, Jabatan Penuntut Malaysia seperti di Amerika Syarikat bertempat di dua-tiga pusat seperti di Washington, Chicago, Los Angeles dan New York, sedangkan Amerika Syarikat adalah satu negara yang sangat luas dan jarak untuk perhubungan adalah lebih jauh dan sebab itu Jabatan Penuntut Malaysia tidak dapat pergi ke tiap-tiap universiti yang penuntut kita belajar di sana. Dengan sebab itu, mengenai perhubungan, saya rasa adalah susah sedikit dan sekiranya kita tidak meminda Akta Imigresen atau Akta Pasport, saya bimbang kita tidak dapat memberikan angka-angka yang betul berkaitan bilangan penuntut di luar negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy.

*(Soalan No. 6 Y. B. Tuan Chew Kam Hoy tidak hadir).*

#### QUARTERS KAKITANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN

7. **Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latiff** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian bercahangan menambah bilangan Quarters (tempat tinggal) bagi kakitangan Kementerianya lebih-lebih lagi bagi mereka yang berkhidmatan di pendalaman dan kawasan-kawasan luar bandar. Kalau ia, berapa buahkah jumlahnya dan di kawasan manakah yang akan dimulakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$10.76 juta telah diluluskan untuk membina asrama dan rumah rasmi jabatan bagi seluruh negara.

Ini termasuk quarters tambahan untuk pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital yang sedia ada.

Selain daripada itu, rumah kediaman untuk kakitangan juga disediakan di bawah projek-projek baru seperti Klinik Desa, Pusat Kesihatan Fasa I, Pusat Kesihatan dan Hospital-hospital Baru yang merangkumi komponen kediaman.

Pada dasarnya Kementerian Kesihatan menyediakan quarters untuk kakitangan yang bertugas dalam panggilan yang berdekatan tempat bertugas untuk membolehkan mereka datang berkhidmat dengan segera. Keutamaan tinggi diberi bagi kakitangan yang bertugas di kawasan luar bandar dan pendalaman serta di negeri Sabah dan Sarawak di mana rumah-rumah sewa sukar didapati. Sekiranya quarters tidak mencukupi, Kementerian Kesihatan berusaha menyewa rumah untuk pegawai-pegawai berkenaan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan quarters-quarters akan dibuat untuk Kementerian Kesihatan. Di sini saya ingin bertanya, adakah pihak Kementerian mengambil kira tentang quarters yang ada sekarang ini adalah begitu lama dan telah bertahun-tahun peninggalan penjajah dahulu dan ada yang kopak-kapik, begitu juga pendawaian-pendawaian tidak betul lagi, adakah pihak Kerajaan bercadang perkara ini supaya dapat dibetulkan kerana kita tidak mahu lagi ada berlaku kebakaran dan sebagainya, selepas itu baru hendak diadakan penyiasatan. Adakah perancangan untuk memperbaiki soal ini?

**Tuan Chua Jui Meng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Kerajaan sentiasa mengambil berat perkara-perkara yang dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat seperti quarters-quarters yang dikatakan kopak-kapik. Umpamanya baru-baru ini kita sudah mengesan quarters bagi Attendants dan pekerja Kumpulan D di Hospital Daerah Batu Pahat yang ada di dalam keadaan yang uzur dan kita telah mengambil tindakan

untuk membaikinya dan kita akan memberikan peruntukan yang sewajarnya untuk membaiki quarters-quarters yang terdapat di seluruh negara sebagaimana masalah yang kita hadapi di Hospital Daerah Batu Pahat.

### MENGOREK MUARA SUNGAI YANG CETEK

**8. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar** minta Manteri Pengangkutan Menyatakan;

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah muara sungai yang cetek, yang menyebabkan kesukaran pendaratan kepada nelayan;
- (b) setakat ini berapa buah muara sungai yang telah digali dan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan. Berapa banyak lagi muara-muara sungai yang akan digali dan bilakah akan digali; dan
- (c) apakah perancangan masa depan bagi menghadapi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah untuk mengorek beberapa buah kuala-kuala sungai yang cetek yang menyebabkan kesukaran pendaratan kepada para nelayan. Kerja-kerja pengorekan ini dibuat oleh Jabatan Laut iaitu untuk kuala-kuala sungai yang diwartakan di bawah Ordinan Perkapalan 1952 dengan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi kuala-kuala sungai yang lain. Kerja mengorek kuala-kuala sungai adalah kerja yang berterusan dan dilaksanakan dari masa ke semasa.

Bagi menjawab soalan (b), di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sungai-sungai yang telah dan sedang dikorek adalah seperti berikut:

*Yang telah dikorek:*

Kuala Perlis, Perlis.

Kuala Terengganu, Terengganu.

Kuala Besut, Terengganu.

Kuala Kurung Tengar, Perlis.  
 Kuala Muda, Kedah.  
 Kuala Sg. Aceh, Pulau Pinang.  
 Kuala Sg. Changkat, Pulau Pinang.

*Yang sedang dikorek:*

Kuala Besar, Kelantan.  
 Tumpat, Kelantan.  
 Kuala Dungun, Terengganu.  
 Kuala Sg. Beruas, Perak.

Dari tahun 1986 sehingga 1988, peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kedua-dua Jabatan itu untuk melaksanakan program ini adalah sebanyak \$10.04 juta. Dari jumlah ini \$8.44 juta telah dibelanjakan oleh Jabatan Laut dan \$1.6 juta oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.

Untuk tempoh baki Rancangan Malaysia Kelima bagi 1989 dan 1990 peruntukan yang dijangkakan akan dibelanjakan ialah sebanyak \$9.4 juta iaitu \$6 juta bagi Jabatan Laut dan \$3.4 juta bagi Jabatan Pengairan dan Saliran.

Oleh kerana bilangan kuala sungai yang menghadapi masalah ini adalah banyak, maka kerja-kerja harus dibuat mengikut keutamaan. Pengorekan akan dibuat dari masa ke semasa mengikut senarai keutamaan dan sehingga kini selain dari kerja-kerja di kuala yang telah disebutkan, kerja-kerja ukur dan penyiasatan telah pun dibuat di Kuala Sungai Kuantan, Pahang; di Tanjong Piandang, Perak dan Marang, Terengganu.

Menjawab soalan (c), masalah penutupan kuala sungai ini adalah merupakan satu masalah yang kompleks. Ia melibatkan masalah aliran sungai, pasang surut serta angkutan pasir oleh ombak dan arus pesisir pantai. Kerajaan memang menyedari mengenai masalah ini, terutamanya di Pantai Timur Semenanjung.

Sehubungan dengan ini, pihak Kerajaan telah pun memohon bantuan dari Kerajaan Jepun untuk menjalankan kajian mengenai masalah kuala sungai ini secara menyeluruh. Kajian ini dijangka akan dimulakan tahun

hadapan. Sementara itu kerja-kerja pengorekan akan terus dibuat bagi mengurangkan kesukaran para nelayan keluar masuk ke laut.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari pada jawapan Yang Berhormat tadi, apakah Yang Berhormat sedar bahawa proses pembalakan dan juga lain-lain proses di darat menyebabkan tambunan di kuala, cukup cepat; nombor satu.

Nombor duanya di antara sebab muara ini bertambah cetek adalah disebabkan oleh arus yang sentiasa bertukar. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi menunjukkan bahawa kuala-kuala ini dikorek mengikut keutamaan. Maknanya yang lain itu yang menghadapi masalah akan terus menghadapi masalah. Contohnya, ada sebuah kuala di Perlis, Kuala Sanglang namanya. Sekarang tidak ada lagi. Oleh kerana muara sungai telah bertukar ke negeri Kedah, Perlis tidak ada lagi muara sungai di Kuala Sanglang oleh kerana kapal-kapal korek Yang Berhormat lambat mengorek (*Ketawa*). Jadi, saya ingin bertanya apakah Kementerian tidak memikirkan masalah ini, masalah . . .

**Seorang Ahli:** Apa soalnya!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Soalnya ialah berapa banyakkah kapal korek yang telah disediakan untuk mengorek muara sungai-sungai yang bermasalah berdasarkan keadaan pembangunan yang begitu pesat di ulu yang menyebabkan muara tertimbun-timbun atau bertambun-tambun tanahnya

**Tuan Ong Tim Kim:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan pertama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau itu, saya sendiri tidak dapat laporan bahawa balak itu menyebabkan kecekatan muara atau kuala sungai. Kalau ada kes-kes seperti ini, saya sukalah Yang Berhormat boleh beri maklumat yang terperinci atau lebih lanjut lagi kepada Kementerian saya supaya tindakan akan diambil terhadap sesiapa yang membuat sedemikian.

Bagi soalan kedua itu, kerana di dalam negara kita banyak sungai-sungai dan kualakuala dan kerana kecetekan ini disebabkan oleh arus, pasang-surut air dan juga pasir-pasir yang dibawa oleh arus itu, jadi kita tidak dapat mengorek semua sungai pada satu masa. Cuma dapat mengorek itu mengikut senarai keutamaan yang disenaraikan oleh pihak-pihak yang tertentu. Jadi kebanyakan pengorekan ini dikontrak oleh pengswastaan, di tender out oleh kontraktor-kontraktor dan kerja-kerja pengorekan ini akan diteruskan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Jikalau kuala Sungai Sanglang di Perlis itu adalah menjadi satu masalah yang penting saya menyeru kepada Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan nama sungai itu kepada Kementerian saya supaya ia dimasukkan ke senarai keutamaan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak maklumkan bahawa muara itu pun sudah hilang; tanah pun sudah bertambah 300 ekar. Jadi tidak ada sungai yang boleh dikorekkan lagi. (*Ketawa*)

#### TANDAS AWAM— MEMBERSIHKAN

9. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada Kementerianya telah menubuhkan sebuah yunit khas untuk membersihkan semua tandas awam di negara ini kerana majoriti tandas-tandas berkenaan adalah dalam keadaan kotor dan teruk memandangkan ramalan bahawa 4 juta pelancong akan melawat Malaysia dalam Tahun Melawat Malaysia 1990 dan sama ada satu kempen khas akan dijalankan untuk mendidik rakyat Malaysia bagaimana mereka harus menyimpan tandas-tandas bersih dan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan tandas-tandas awam di seluruh negara untuk menampung jangkaan permintaan baginya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan

Pelancongan tidak menubuhkan unit khas untuk membersihkan tandas awam oleh kerana perkara ini adalah di bawah kawalan pihak-pihak berkuasa tempatan yang terdapat di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah melancarkan Kempen Kebersihan Tandas Awam peringkat Kebangsaan daripada 30-6-1989 hingga 8-8-1989 yang lalu. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sepanjang tempoh kempen itu ialah seperti berikut:

- (i) mengadakan seminar mengenai keperluan menjaga kebersihan tandas awam;
- (ii) Kempen Penguatkuasaan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

Di samping itu Kementerian ini telah mengadakan satu "hot-line" di mana orang ramai dari Kuala Lumpur boleh membuat aduan mengenai tandas-tandas awam yang kotor, khasnya di sekitar Bandaraya ini. Mana-mana tandas awam yang didapati kotor telah diberi amaran dan kompaun oleh Dewan Bandaraya. Kementerian ini dengan kerjasama Dewan Bandaraya telah juga membuat lawatan mengejut ke kompleks membeli belah dan restoran-restoran di Kuala Lumpur untuk memastikan kebersihan tandas awam adalah terjamin oleh pengusaha-pengusaha tempat-tempat tertentu.

Kempen Peringkat Negeri pula diadakan secara berasingan. Beberapa negeri seperti negeri-negeri Johor, Melaka dan Perak telah pun melancarkan kempen ini di negeri masing-masing. Negeri-negeri lain akan mengadakan kempen ini selawat-lewatnya pada akhir tahun ini iaitu sebelum Tahun Melawat Malaysia 1990.

Dalam pada itu, pertandingan kebersihan tandas awam telah dirancang pada peringkat negeri untuk beberapa kategori tandas awam seperti berikut:

- (i) Panggung wayang;
- (ii) Restoran;
- (iii) Kompleks membeli belah;
- (iv) Stesen minyak;

- (v) Tandas awam bukan milik kuasa tempatan; dan
- (vi) Pejabat-pejabat Kerajaan.

Setakat ini berapa negeri setelah mengadakan pertandingan ini sempena Kempen Pelancaran Tandas Awam di peringkat negeri. Berhubung dengan pembinaan tandas awam di seluruh negara, Kementerian ini memang berharap dan menggalakkan supaya didirikan tandas-tandas awam di seluruh negara, khususnya di tempat-tempat yang menjadi tumpuan para pelancong. Walau bagaimanapun, kempen kebersihan tandas awam dan pembinaan tandas awam oleh Kerajaan tidak akan mendatangkan apa-apa kesan yang positif jika sekiranya pihak orang ramai tidak memahami dan sedar kenapa perlunya kita menjaga dan menyelenggara kemudahan awam demi untuk kebaikan kita sendiri dan juga untuk menjaga imej negara ini sebagai satu negara yang bersih supaya bukan sahaja lebih ramai pelancong akan suka mengunjungi negara Malaysia, bahkan yang lebih penting lagi iaitu kesedaran kepada seluruh rakyat Malaysia sendiri.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mungkin lucu tetapi penting iaitu kalau kita lihat tandas-tandas awam di seluruh negara, ada tandas-tandas yang tidak sesuai bagi penganut setengah agama. Macam kita lihat tandas itu dia pakai kertas tisu sahaja. Mana ada orang Islam boleh buat macam itu? Jadi, adakah pihak kementerian bercadang melihat perkara ini sebagai satu masalah pokok di mana yang pakai tisu itu diganti dengan air di seluruh negara sebab perkara ini melibatkan agama dan juga melibatkan hukum. Jika kita lihat ini bukan satu perkara yang kecil. Soalannya bilakah pihak Kementerian mahu bertindak supaya perkara-perkara "kesat tisu" ini tidak lagi ada, terutama di hotel-hotel.

**Seorang Ahli:** Apa "kesat tisu" itu?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Fahamlah "kesat tisu" itu.

**Tuan Haji Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, itulah seperti saya sebutkan tadi kita mahu menyedarkan seluruh rakyat bahawa tandas bukan lagi tempat yang kotor tetapi tempat yang bersih. Jadi kalau boleh kita mahu mewujudkan satu keadaan tandas bukan sahaja tempat kita mengambil air sembahyang, bahkan boleh sembahyang di kawasan sekitar tandas yang tersebut. Jadi, memanglah cadangan Yang Berhormat itu sentiasa di dalam perhatian kita dan kita akan ambil perhatian mengenai perkara tersebut.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi nampaknya soal tandas ini memang penting. Tetapi adakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dapat memberi perhatian kepada tempat-tempat kunjungan orang-ramai seperti Muzium Negara, Zoo Negara; yang memang ada tandas baik tetapi hanya sedikit sangat, tidak mencukupi keperluan pengunjung-pengunjung di tempat tersebut. Tidakkah juga Kementerian ini menggesa pihak-pihak berkenaan di mana-mana yang perlu supaya tandas disediakan lebih baik. Seperti mana di Zoo Negara kalau orang hendak melawat kawasan itu, jauh pula hendak jumpa tandas. Tidakkah dapat diadakan tandas-tandas yang lebih baik.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, itulah saya katakan tadi bahawa untuk membangunkan tandas bukan di bawah Kementerian. Kementerian telah menjalankan kempen membersihkan tandas ataupun tandas yang bersih. Jadi, kita walau bagaimanapun telah meminta pihak-pihak yang berkenaan seperti yang saya sebutkan tadi bukan sahaja tempat-tempat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, bahkan dalam pertandingan pun kita masuk, termasuk panggung wayang ini tempat orang ramai, stesen minyak, bahkan tandas-tandas awam yang bukan milik kuasa tempatan pun. Jadi untuk makluman juga bahawa kita telah memberi perhatian kepada perkara ini, tetapi di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, seperti yang disebut oleh

Ahli Yang Berhormat tadi Muzium Negara, kita telah pun memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk mengadakan tandas awam yang selesa. Insya Allah, pada tahun hadapan Yang Berhormat bolehlah melawat tandas yang berkenaan.

### PENGANGGURAN— MEWUJUDKAN PEKERJAAN BARU

10. Tuan Madatang bin Morejal minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah tertentu yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran di seluruh negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, pengangguran dapat dikurangkan menerusi pengwujudan peluang-peluang pekerjaan baru, di mana ianya bergantung rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itulah Kerajaan telah memberi penekanan terhadap usaha-usaha menggalakkan pertumbuhan pelaburan dan penglibatan sektor swasta bagi mengukuhkan ekonomi negara dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) membuat beberapa kelonggaran dan pengubahsuaian kepada dasar-dasar pelaburan;
- (ii) mengubahsuaikan dasar percukaian dan memberi galakan-galakan kepada pertumbuhan sektor-sektor ekonomi;
- (iii) mengukuhkan pasaran modal; dan
- (iv) menubuhkan pusat penyelarasan pelaburan di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi mempercepatkan pemerosesan dan kelulusan lesen pengilangan.

Di samping itu Kerajaan juga telah melaksanakan langkah-langkah jangka pendek yang lebih khusus untuk mengatasi masalah pengangguran. Setengah daripada langkah-langkah ini ialah:

- (a) skim pembinaan rumah kos rendah;

- (b) kelonggaran syarat kepada penaja kecil;
- (c) pengubahsuaian tanah lombong untuk kegunaan pertanian;
- (d) melaksanakan projek-projek kejuruteraan besar seperti pembinaan jalanraya.

Seterusnya, Kerajaan dalam usaha mengatasi pengangguran di kalangan siswazah, telah mengadakan beberapa program jangka pendek dan jangka panjang. Sebagaimana Ahli-ahli yang Berhormat termaklum, usaha Kerajaan adalah jelas. Dalam Belanjawan tahun 1990 Kerajaan juga telah mencadangkan beberapa langkah yang menggalakkan lagi perkembangan ekonomi seperti langkah memajukan industri pelancongan, membantu industri pembinaan dan perumahan, galakan cukai industri berasaskan rotan dan kayu dan bantuan untuk industri kecil dan sederhana.

Banyak peluang-peluang pekerjaan baru diwujudkan dan keadaan ini dijangka dapat mengurangkan kadar pengangguran daripada 8.1% pada tahun 1988 kepada 7.9% pada tahun ini.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengenai keberkesanan program-program latihan dan penempatan penganggur-penganggur yang berijazah yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan di dalam lebih kurang dua tahun yang lalu.

Kedua, di kalangan penganggur-penganggur yang berijazah ini, kumpulan manakah yang terbanyak sekali atau kumpulan ijazah manakah yang terbanyak sekali?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Terap kerana mengemukakan soalan tadi. Terutamanya dari segi skim siswazah ini, sebenarnya beberapa skim terutama berkenaan siswazah pertanian, siswazah peniaga dan beberapa skim-skim yang lain boleh dikatakan kejayaannya agak berbeza-beza daripada

satu kumpulan ke satu kumpulan tidak semestinya terikat kepada siswazah dalam jurusan tertentu.

Keduanya, berkenaan dengan ijazah manakah yang terbanyak yang terdapat di dalam pengangguran, pada peringkat awalnya iaitu dalam dua tahun yang lalu, kita dapati banyak siswazah-siswazah khususnya di dalam bidang teknikal, bidang kejuruteraan yang menganggur. Tetapi alhamdulillah, dengan perkembangan terbaru iaitu dengan adanya banyak pelabur-pelabur yang masuk melabur di dalam bidang industri-industri tertentu, pada masa kini didapati bahawa di dalam bidang-bidang tertentu khusus kejuruteraan elektrik dan elektronik, kita menghadapi masalah kekurangan pula. Tetapi walau bagaimanapun, di dalam bidang-bidang yang lain seperti geology dan beberapa bidang yang lain lagi, masalah mendapat kerja bagi siswazah-siswazah dalam bidang ini masih lagi ketara.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi adalah tidak memuaskan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk menggalakkan lebih persaingan di dalam pasaran buruh sekarang dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan lebih liberalisation dan deregulation of the economy. Yang ketiga, dengan perancangan keluarga, adakah langkah yang lebih positif untuk merancang keluarga dan juga langkah-langkah yang lebih tegas untuk mencegah pendatang haram; dan keempat, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengurangkan subsidi-subsidi pendidikan dan penyesuaian untuk gaji-gaji bagi graduan siswazah-siswazah.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya agak pertamanya soalan Yang Berhormat juga kurang memuaskan. (*Ketawa*) Saya pun tidak tahu dia heret merata ceruk.

Pertamanya, adakah Kerajaan hendak memberi galakan lebih persaingan dalam bidang gunatenaga. Saya ingat tidak ada

cadangan Kerajaan untuk mewujudkan persaingan, Kerajaan berasa bertanggungjawab kepada rakyat di dalam negara kita ini, maka kita memberikan peluang-peluang yang amat luas di dalam bidang pendidikan. Kita ada sekolah-sekolah di merata-rata ceruk rantau di dalam negara ini dan kita membenarkan rakyat mengikuti pendidikan di sekolah-sekolah di dalam berbagai-bagai aliran dan kita memberikan peluang kepada mereka untuk mengikuti atau mengejar pelajaran sehingga mencapai ke peringkat universiti baikpun di dalam negara mahupun di luar negara dan tidak ada sekatan sebagaimana dibuat oleh setengah-setengah negara. Maka dengan cara itu, wujudlah gunatenaga yang berkelulusan yang berlebihan.

Yang Berhormat bertanyakan adakah Kerajaan hendak mengadakan perancangan keluarga? Perancangan keluarga ini, kita serahkanlah kepada diri masing-masing kerana negara kita bebas, kita tidak mahu supaya kita rancang atau kita jadualkan, seumpama, orang ini patut ada berapa orang anak, orang itu berapa orang anak dan sebagainya sebagaimana sentiasa disarankan oleh pihak DAP meminta supaya negara ini dijalankan secara bebas kepada rakyat.

Berkenaan dengan pendatang haram, ada yang kita boleh kawal dan ada yang tidak boleh kita kawal. Sebagaimana pendatang haram dari Vietnam, ini bukan sahaja kita sebut di dalam negara tetapi kita bangkitkan juga masalah ini di peringkat antarabangsa. Ada negara-negara asing yang sanggup membantu kita dalam hal ini. Semua ini adalah usaha-usaha Kerajaan untuk hendak menjaga kepentingan dan kesejahteraan rakyat di dalam negara ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri belum menjawab lagi soalan saya berkenaan dengan persaingan di pasaran buruh, dan soalan ketiga saya, sama ada Kerajaan akan mengurangkan subsidi-subsidi pendidikan dan penyesuaian untuk siswazah-siswazah di negara ini. Ini belum dijawab lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sebab soalan Yang Berhormat panjang sangat.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat mengenai subsidi pendidikan, saya sudah jawab tadi-tiada subsidi yang sebenarnya. Semua rakyat diberi pendidikan secara percuma daripada sekolah rendah hinggalah sampai ke peringkat universiti. Itu telah dijawab secara langsung.

Yang Berhormat hendak tanya apa lagi? Lagi satu yang tidak puas hati tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Oh! . . . cukup! Terima kasih. (*Ketawa*)

#### JAMBATAN PASIR MAS-SALOR— PEMBINAAN

**11. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sejauh mana kemajuan dari segi peratus mengenai pembinaan jambatan Pasir Mas-Salor. Apakah pembinaannya mengikut jadual dan apakah Kerajaan berpuashati dengan kontraktor yang mengendalikan projek tersebut.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan kerja pembinaan Jambatan Pasir Mas-Salor sehingga 15hb Oktober 1989 adalah 40%. Kemajuannya adalah terlewat sebanyak 14% berbanding dengan kemajuan yang sepatutnya dicapai mengikut jadual iaitu sebanyak 54%. Pada tahap itu Kerajaan kurang berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai.

Walau bagaimanapun, dengan pengawasan dan perhatian yang lebih teliti oleh JKR negeri Kelantan, pihak kontraktor berkenaan telah pun berusaha untuk meningkatkan kemajuan kerja dengan menambah bilangan pekerja-pekerja, alat-alat dan jentera. Dengan adanya peningkatan

kemajuan kerja tersebut, Kementerian ini pada masa sekarang berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh kontraktor berkenaan.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah agaknya Jambatan Pasir Mas-Salor dapat disiapkan dan boleh digunakan 100%?

**Tuan Luhut Wan:** Kalau mengikut jadual, Tuan Yang di-Pertua, projek ini akan siap pada bulan November 1990.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada 6hb bulan lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat ke tapak projek dan berkesempatan mendengar taklimat bersama dengan Yang Amat Berhormat Tan Sri. Dalam taklimat didapati sedikit teguran, kalau boleh iaitu cadangan bulatan antara jalan Rantau Panjang disambungkan ke Cabang Empat kerana terlampau suntuk. Adakah cadangan daripada Kementerian untuk memindahkan atau meminda daripada bulatan ke jejantas atau sebagainya yang lebih sesuai?

**Tuan Luhut Wan:** Oleh kerana ini satu cadangan yang baru daripada pihak Yang Berhormat, kita mengambil perhatian.

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(*Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 6 dan 12 hingga 29 adalah diberi di bawah ini*).

#### PELABURAN SEKTOR AWAM—SENARAI

**6. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Senarai pelaburan sektor awam dalam perusahaan awam dan swasta mengikut pelaburan serta peratusnya sejak 10 tahun yang lalu hingga hari ini;

- (b) sejauh manakah Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dikawal oleh sektor awam dan pihak lain yang terlibat, dan apakah yang ditakrifkan sebagai milik agensi Bumiputera; dan
- (c) setakat manakah prestasi dan kedudukan kewangan PABK sejak 10 tahun yang lalu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan sektor awam di dalam perusahaan awam yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan adalah melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) atau menerusi Badan-Badan Berkanun. Di samping itu Kerajaan-Kerajaan Negeri juga melabur dalam perusahaan awam, iaitu menerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Perbadanan Menteri Besar. Pelaburan Kerajaan serta peratusnya sentiasa berubah-ubah dari masa ke semasa.

Sehingga 19 Oktober 1989, Kerajaan telah melabur di dalam beberapa buah syarikat dan saiz pelaburan ini adalah di antara \$1/- hingga \$845,982,000. Dari segi peratusan jumlah, ekuiti syarikat ianya adalah di antara 1.45% hingga 100%. Oleh kerana bilangannya adalah 1016 saya tidak dapat menyenaraikannya satu persatu.

- (b) Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) pada kebiasannya diawasi melalui wakil-wakil Kerajaan di dalam Lembaga Pengarahnya. Di samping itu, agensi-agensinya Kerajaan yang memegang ekuiti di dalam PABK tersebut juga mengkaji akaun-akaun syarikat untuk mengawal prestasi syarikat-syarikat berkenaan. Dalam pada itu Unit Pengawasan Syarikat dan Agensi Kerajaan, Kementerian Kewangan juga dipertanggung-

jawabkan untuk mengawasi Syarikat Kerajaan khususnya yang mengalami masalah kewangan.

Mengenai agensi bumiputera, ia sebenarnya terdiri daripada agensi-agensi amanah seperti Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Permodalan Nasional Bhd. (PNB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Pembangunan Malaysia Bhd. (BPMB) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

- (c) Walaupun ada PABK yang menghadapi masalah pada umumnya, prestasi dan kedudukan kewangan PABK semenjak 10 tahun dahulu adalah memuaskan. Ada di antara PABK-PABK yang telah mencatatkan keuntungan dan ada juga yang telah mengalami kerugian. Kerajaan sentiasa mengawasi prestasi PABK-PABK, terutamanya melalui unit Pengawasan Syarikat dan Agensi Kerajaan, Kementerian Kewangan.

**TUDM—LATIHAN  
MENGEBOM DI PULAU  
SONG SONG**

12. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah rancangan Kementerian untuk mengubah latihan mengebom oleh TUDM di Pulau Song-Song Daerah Yan, Kedah ke tempat lain, kerana ianya mengganggu kerja-kerja nelayan di pantai di situ.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Pulau Song Song yang terdapat di Daerah Yan telah digazetkan sebagai sebuah lapang sasar latihan menembak dan mengebom untuk pesawat-pesawat helikopter dan pejuang TUDM. Ia adalah satu di antara dua lapang-sasar untuk pesawat-pesawat udara yang terdapat di negara kita. Lapang-sasar ini amat penting sekali demi mengasah

kecekapan dan kebolehan pilot menembak dan megebom dalam usaha latihan untuk mempertahankan negara.

Nelayan tidak dibenarkan memasuki kawasan tersebut pada bila-bila masapun kerana ia sudah digazetkan sebagai kawasan bahaya yang berkekalan. Pemeriksaan keselamatan dibuat setiap sebelum latihan dijalankan disamping diadakan pengawal keselamatan di pinggir kawasan bahaya.

Memandangkan pentingnya menjaga kecekapan dan kemahiran pilot, TUDM tidak ada rancangan untuk memberhentikan pengurusan lapang-sasar ini kerana sehingga kini belum ada sebarang tapak alternatif untuknya.

#### JALAN RAYA PERGUNUNGAN— KAJIAN

**13. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada sebarang kajian telah dijalankan bagi menilai kerosakan yang mungkin ditimbulkan kepada alam sekitar disebabkan oleh pembinaan jalan raya pergunungan yang menyambung Cameron Highlands, Fraser's Hill dan Genting Highlands yang berharga \$600 juta.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan):** Untuk makluman ahli yang berhormat Kementerian Kerjaraya belum lagi menjalankan kajian mengenai kesan terhadap alam sekitar berkaitan dengan cadangan membina jalan raya pergunungan yang menyambung Cameron Highlands, Bukit Fraser dan Genting Highlands. Ini adalah kerana kerajaan masih belum membuat keputusan sama ada akan melaksanakan atau tidak projek berkenaan. Untuk makluman ahli yang berhormat seterusnya kerajaan telahpun melantik juruperunding bagi menjalankan kerja-kerja ukur dan kajian rekabentuk awalan menggunakan teknik "Airborne Laser Terrain Profile" (ALTP) bagi bahagian jalan Genting Highlands ke Bukit Fraser sahaja sepanjang 55 km yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Untuk makluman ahli yang berhormat selanjutnya, Kerajaan telah memilih teknik ALTP oleh kerana kerajaan sangat mementingkan berat terhadap aspek-aspek alam sekitar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Teknik ini akan menjamin tidak berlaku gangguan terhadap kawasan kajian yang memang berbukit-bukau dan diselubungi hutan tebal. Ini adalah kerana teknik ini akan melibatkan penggunaan helikopter yang dipasang dengan alat laser dan tidak melibatkan kerja-kerja di muka bumi. Maklumat yang diperolehi hasil dari kajian ini akan membantu kerajaan menimbang sama ada untuk melaksanakan jalan Genting Highlands ke Bukit Fraser berdasarkan kepada pemilihan jajaran (Alignment) serta rekabentuk yang paling sesuai setelah mengambilkira keperluan memelihara alam sekitar.

#### BAHASA MALAYSIA— PENGUNAAN DAN PENGUASAAN

**14. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada penggunaan dan penguasaan Malaysia oleh rakyat di negara ini telah mencapai tahap yang diinginkan. Jika tidak/ya, kenapa; dan
- (b) setakat manakah konsep dan tujuan memperkenalkan Bahasa Malaysia baku telah berjaya/berkesan di kalangan murid-murid sekolah.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Penggunaan dan penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat boleh dikatakan sebagai sudah mencapai tahap yang diinginkan khususnya dalam urusan kenegaraan seperti pendidikan, pentadbiran dan perdagangan. Satu lagi kemajuan yang dicapai ialah dalam urusan mahkamah dengan lulusnya Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) di Dewan Rakyat baru-baru ini. Kini telah

wujud lebih daripada 400,000 istilah untuk 300 bidang ilmu pengetahuan dan bidang profesional dan sekaligus menjadikan Bahasa Malaysia sebagai alat pengembang kebudayaan, ilmu dan teknologi.

- (b) Selama ini Bahasa Malaysia yang diajar di sekolah-sekolah kita ialah Bahasa Malaysia baku tetapi apa yang baru dilaksanakan ialah sebutan baku. Semenjak arahan rasmi tentang pelaksanaan sebutan baku Bahasa Malaysia dikeluarkan melalui Pekeliling Iktisas Bil. II/1988 bertarikh 2hb April 1988 ke sekolah-sekolah, semakin ramai murid yang berjaya menuturkan bahasa lisan yang terkawal tata-bahasa, istilah dan pemilihan katanya dalam situasi formal.

#### GURU NAIK PANGKAT— BILANGAN BERJAYA

15. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan guru-guru dari semua jenis sekolah di negeri Pulau Pinang yang memohon naik pangkat dan nyatakan bilangan guru yang berjaya dan gagal pada bulan Jun lalu mengikut pecahan Seberang Perai dan Pulau Pinang.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru-guru yang memohon naik pangkat seramai 540 orang. Daripada jumlah tersebut 313 pemohon dari Seberang Perai dan 227 pemohon dari Pulau Pinang. Jumlah yang berjaya dari Seberang Perai ialah 23 dan Pulau Pinang 66.

#### LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN

16. **Dr Nicholas Munong Ibau** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) mengapakah borang-borang permohonan untuk memohon lesen kenderaan berat seperti lesen Kelas A hanya dapat diperolehi dari Jabatan Pengangkutan Jalan di Kuching sahaja di Sarawak;

- (b) mengapakah borang permohonan itu tidak dapat diperolehi di Jabatan Pengangkutan Jalan di Sibü oleh kerana sekiranya borang itu hanya didapati sahaja di Kuching ini akan memerlukan perbelanjaan yang besar kepada permohonan; dan
- (c) berapakah jumlah kes kereta yang diberi dua atau tiga sijil kepunyaan kereta itu dilaporkan di Sibü, Sarawak.

#### Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):

- (a) Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, lesen kenderaan perdagangan (seperti lori "A" adalah di bawah urusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP). Di negeri Sarawak, pejabat LPKP terletak di Kuching dan orang ramai boleh mendapat borang yang dikehendaki dengan datang sendiri ke pejabat ataupun melalui pos sekiranya mereka tinggal di luar Kuching. Untuk kesenangan golongan kedua ini, sekiranya ada kekosongan LPKP juga ada mengedarkan borang tersebut melalui pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di seluruh negeri Sarawak.
- (b) Sepertimana saya telah nyatakan di atas, borang-borang permohonan boleh diperolehi dari semua pejabat JPJ di negeri Sarawak termasuk pejabat JPJ di Sibü. Akan tetapi borang tersebut hanya diedarkan kepada orang ramai apabila terdapat kekosongan untuk sesuatu permit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kali terakhir lesen lori "A" ditawarkan di kawasan Sibü adalah pada tahun 1985.
- (c) JPJ Sibü telah mengesan beberapa kes sebuah kenderaan didaftarkan dua kali dengan tujuan penipuan. Setakat ini, 3 kes telah disiasat oleh JPJ pada tahun 1988 dan 4 kes lagi dalam tahun 1989. JPJ Sibü telah

melaporkan kepada pihak Polis sebanyak 37 kes, manakala 5 kes melibatkan pemilik-pemilik sendiri melaporkan kepada Polis.

### PROJEK MINI HIDRO KIAU

**17. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa menurut Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Malaysia dahulu Yang Berhormat Datuk Leo Moggie menerusi suratnya Ruj. (S) 15/302/3KH. 3 (61) bertarikh 24 hb Mac, 1989 projek Mini Hidro Kiau dicadang untuk dimasukkan di bawah penilaian semula Rancangan Malaysia Kelima 1989-1990. Apakah kedudukan terakhir mengenai projek tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$300,000 tahun ini kepada Lembaga Letrik Sabah untuk menjalankan kajian rekabentuk dan penyediaan spesifikasi dokumen tender ke atas projek mini hidro Kiau, Sabah; bagi tahun hadapan pula, sejumlah \$2,000,000 telah diminta daripada Kerajaan bagi membolehkan pelaksanaan pembinaan projek tersebut dimulakan.

### SIARAN LANGSUNG IBADAH HAJI DARI MEKAH

**18. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah sebab-sebabnya rancangan siaran langsung ibadah haji dari Mekah tahun ini dibatalkan, padahal pasukan penggambaran telah pun berada di Mekah beberapa lama sebelum hari wukuf. Berapakah perbelanjaan yang terlibat di dalam usaha ini.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Di musim Haji yang lepas, RTM telah merancang hendak menerbitkan beberapa rancangan mengenai ibadah Haji di Mekah dan Madinah dan

menyiarkan secara langsung dari sana. Di saat-saat akhir rancangan ini dibatalkan kerana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Arab Saudi tidak meluluskan pemergian pasukan penggambaran RTM atas sebab-sebab keselamatan. Dengan demikian RTM tidak menghantar seorang pegawai pun ke sana untuk tujuan tersebut.

Walau bagaimanapun dengan bantuan TV Arab Saudi, RTM dapat menyiarkan dua rakaman berikut yang melibatkan belanja sebanyak \$7,800.00 iaitu kos masa satelit:

- (a) Upacara ibadat Haji di Padang Arafah pada Hari Wukuf;
- (b) Sembahyang Hari Raya Haji di Masjidilharam Mekah.

RTM akan berusaha lagi untuk mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Arab Saudi bagi membolehkan pasukan penggambaran RTM di hantar ke Arab Saudi tahun depan untuk membuat beberapa rancangan mengenai ibadah Haji untuk disiarkan secara langsung. Pemergian ini adalah perlu agar kita dapat merakamkan aktiviti-aktiviti jemaah Haji Malaysia di tanah suci.

### MIDA—PERANAN UTAMA DI LUAR NEGERI

**19. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sejauhmanakah kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di luar negeri untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini;
- (b) apakah jenis-jenis pelaburan dan jumlah kewangan yang berhasil di labur oleh pelabur-pelabur tersebut semenjak MIDA membuka pejabat-pejabat cawangannya di seberang laut.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):**

Di antara peranan-peranan utama MIDA di luar negeri ialah:

- (i) mengenalpasti jenis-jenis keluaran di dalam sektor perkilangan di sesebuah negara asing tersebut yang boleh digalakkan di Malaysia yang akan mendatangkan faedah kepada negara dan rakyatnya;
- (ii) mewujudkan kesedaran dan memberi penerangan mengenai iklim pelaburan dan peluang-peluang pelaburan Malaysia;
- (iii) memperkenalkan polisi, prosidur dan insentif pelaburan semasa yang ditawarkan oleh Kerajaan; dan
- (iv) mengambil tindakan-tindakan susulan yang bersesuaian bagi memastikan syarikat-syarikat atau pelabur-pelabur asing tersebut memilih Malaysia sebagai pusat pelaburan luar mereka (offshore investment).

Hasil dari usaha oleh semua pejabat-pejabat MIDA di luar negeri selama ini, sama ada secara langsung dan tidak langsung didapati jumlah pelaburan asing di Malaysia (lebih dari 30 buah negara asing) sentiasa bertambah dari tahun ke setahun seperti yang dapat dilihat daripada perangkaan-perangkaan berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pelaburan Asing</i>
1986	1,687 juta
1987	2,059 juta
1988	4,878 juta
1989 (Jan-Ogos)	6,101 juta
Jumlah . .	14,725 juta

Pelaburan di dalam sektor perkilangan di Malaysia oleh pelabur-pelabur asing adalah merangkumi berbagai-bagai jenis industri yang wujud di Malaysia. Di antara

jenis-jenis industri utama yang terlibat ialah keluaran barang-barang elektrik dan elektronik, kimia dan barang-barang kimia, makanan, barang-barang yang berasaskan getah, barang yang berasaskan logam, kayu, petroleum dan barang-barang tekstil. Manakala jumlah pelaburan yang terlibat adalah seperti berikut:

**Pelaburan asing mengikut jenis industri (1986-1989 (Ogos))**

<i>Jenis Industri</i>	<i>Jumlah Pelaburan (\$M)</i>
1. Elektrik dan Elektronik	1,459,905,169
2. Kimia dan Barang-barang kimia	616,290,070
3. Pengeluaran Makanan	482,427,744
4. Barang-barang getah	466,234,023
5. Barang-barang kayu	385,881,375
6. Barang-barang logam asas	368,529,807
7. Petroleum & Arang Batu	324,537,037
8. Barang-barang tekstil	285,923,073
Jumlah . .	4,319,728,298

**GURU SANDARAN**

20. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pendidikan menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) adakah pihak Kementerian masih mengambil guru-guru sandaran;
- (b) mengapa kebanyakan guru-guru sandaran lebih diperlukan mengajar di sekolah-sekolah luar bandar dan tidak di bandar;
- (c) apakah kelonggaran dan pengecualian yang diberi kepada guru-guru sandaran; dan
- (d) mengapa ada sebahagian guru-guru sandaran yang telah lama berkhidmat dan berpengalaman tidak diberi peluang memasuki Maktab-maktab Perguruan.

**Tuan Woo See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan masih mengambil guru-guru sandaran kerana terdapat kekosongan guru terlatih di sekolah.
- (b) Kebanyakan guru sandaran diperlukan mengajar di kawasan luar bandar kerana terdapat kekosongan di kawasan tersebut. Ini adalah kerana guru-guru terlatih yang ditugaskan mengajar di luar bandar biasanya enggan berbuat demikian dengan beberapa alasan tertentu. Selalunya bila seseorang guru terlatih ditugaskan mengajar di kawasan luar bandar, ia akan berusaha sedaya upaya untuk ditukarkan ke kawasan bandar.
- (c) Mulai tahun ini, guru-guru sandaran tidak terlatih yang memenuhi syarat dan mempunyai kelayakan asas akademik dikecualikan daripada menduduki Ujian Kelayakan Latihan Perguruan (UKELP) sebelum dipanggil menghadiri temuduga.
- (d) Guru-guru sandaran yang berpengalaman tidak berpeluang untuk

memasuki Maktab Perguruan kerana:

- (i) tidak memiliki kelayakan akademik yang bersesuaian dengan kursus yang dipohon.
- (ii) berumur lebih daripada 28 tahun.
- (iii) pengalaman mengajar di sekolah kerajaan tidak berterusan.
- (iv) prestasi dalam temuduga lebih rendah berbanding dengan calon-calon lain.
- (v) tidak mengemukakan permohonan.

#### PERDAGANGAN DUA HALA MALAYSIA-INDIA

**21. Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian apakah imbalan perdagangan antara Malaysia dengan India bagi tahun 1987, 1988 dan 1989. Apakah eksport-eksport utama negara kita ke India dan import utama dari India ke negara kita.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perdagangan dua hala Malaysia-India bagi tahun 1987-1989 adalah seperti berikut:

#### Perdagangan Malaysia-India (Juta \$ Malaysia) 1987-1989 (Jan.-Jun)

<i>Tahun</i>	<i>Import</i>	<i>Eksport Perdagangan</i>	<i>Jumlah Perdagangan</i>	<i>Imbangan Perdagangan</i>	<i>Jumlah Perdagangan Malaysia</i>
1987	250.4	1,297.3	1,547.7	+1,046.9	2.01
1988	319.1	1,407.3	1,726.4	+1,088.2	1.75
1989 (Jan-Jun)	221.0	406.8	627.8	+ 185.8	1.057

Eksport utama Malaysia ke India adalah seperti berikut:

Minyak kelapa sawit, getah, susu getah, petroliam; timah, kayu gergaji dan kayu balak.

Import utama Malaysia dari India adalah seperti berikut:

daging, bawang, berlian dan batu berharga, hasil-hasil laut; kapas, sarees dan kain sarung.

## GURU TANG ENG SUN TERLIBAT DALAM PARTI POLITIK

**22. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah penyiasatan dan tindakan tatatertib telah diambil oleh Kementeriannya terhadap seorang guru bernama Tang Eng Sun, No. K.P. 6916689 yang mengajar di S.R.J.K. (C) Bukit Tinggi, Daerah Bentong, Pahang, yang telah tidak pernah dapat kelulusan untuk melibat diri dalam parti politik ataupun berucap di atas pentas parti politik.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak pernah memberikan kelulusan kepada Encik Tan Eng Sun sama ada untuk melibatkan diri dalam parti politik mahupun berucap di atas pentas parti politik. Siasatan telah dibuat terhadap beliau dan tindakan tatatertib akan diambil jika perkara ini benar.

## IJAZAH UNIVERSITI TAIWAN

**23. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengiktirafkan ijazah-ijazah kolej dan universiti Taiwan kerana taraf mereka adalah tinggi dan telah mengeluarkan siswazah-siswazah yang bertanggungjawab secara keseluruhannya terhadap pertumbuhan dinamik Taiwan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengkaji dari semua aspek kepentingan negara dan telah membuat keputusan tidak mengiktiraf semua ijazah dari kolej dan universiti di Taiwan. Dasar seperti ini dilakukan bukan sahaja terhadap ijazah-ijazah dari universiti di Taiwan, malah ada ijazah-ijazah dari universiti dari Mesir, Indonesia, India dan Arab Saudi tidak diiktiraf atas dasar ia tidak bersesuaian dengan kepentingan dan keperluan negara.

## DASAR PERHUTANAN NEGARA

**24. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada terdapat Dasar Perhutanan Negara yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan dan sama ada dasar-dasar tersebut juga dipatuhi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri; nyatakan jumlah ekar hutan yang ditebang di Sabah dan Sarawak semenjak lima tahun kebelakangan ini dan nyatakan jumlah simpanan hutan yang masih ada di kedua-dua negeri tersebut dan bagaimanakah Kerajaan Persekutuan ingin memelihara hutan-hutan di kedua-dua negeri tersebut untuk generasi akan datang; nyatakan juga jumlah kayu (logs) yang dieksport dari kedua-dua negeri tersebut untuk setiap tahun dari 1985 hingga September 1989.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Segala peruntukan yang terkandung di dalam Dasar Perhutanan Negara telah dilaksanakan sejak tahun 1978 dan telah diterimapakai oleh semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Jumlah hutan yang ditebang di Sabah dan Sarawak sejak lima tahun kebelakangan ini telah pun dirangkumi di dalam jawapan kepada soalan pada 23 Oktober yang lalu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh. Secara purata kawasan yang ditebang bagi tempoh tersebut adalah 130,000 hektar/tahun di Sabah dan 240,000 hektar/tahun di Sarawak. Jumlah kawasan hutan yang masih ada bagi negeri Sabah ialah 3.35 juta hektar manakala Sarawak ialah 4.64 juta hektar.

Jumlah kayu balak yang dieksport oleh Sabah dan Sarawak bagi lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:

Tahun	Isipadu Eksport Balak	
	Sabah (juta m <sup>3</sup> )	Sarawak (juta m <sup>3</sup> )
1985	8.27	11.49
1986	8.71	10.26
1987	10.13	12.64
1988	8.25	12.29
* 1989 (Jan-Sept)	4.50	9.7

\* Anggaran

Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri di dalam usaha memelihara dan melindungi sumber hutan di kedua-dua negeri tersebut. Ini meliputi usaha untuk mewujudkan kawasan Hutan Simpan Kekal bagi memelihara sumber hutan untuk generasi yang akan datang.

## KAWASAN PERINDUSTRIAN

25. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dasar Kerajaan terhadap pembangunan industri-industri kecil dan rumah (small and cottage industries) di sekitar Wilayah Persekutuan, khususnya di Kepong yang bertempat di kawasan-kawasan setinggan Jinjang;
- (b) apakah usaha-usaha Kerajaan ke arah menggalak industri-industri ini berkembang dengan lebih kemas dan teratur, terutama sekali bantuan yang dapat diberi dalam aspek tanggungan kos yang lebih tinggi bila pengusaha-pengusaha kecil terpaksa menyewa kilang-kilang bertingkat (flatted factories).

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed):** Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan kawasan-kawasan perindustrian yang lebih teratur di Lembah Klang dan Kuala Lumpur ini. Kerajaan sedar bahawa sektor ini akan dapat membantu peluang pekerjaan kepada penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di samping memperbaiki mutu dan keadaan persekitaran yang sedia ada.

Beberapa langkah telah diambil di mana tanah-tanah milik persendirian dan tanah-tanah Kerajaan telah diberi kelulusan untuk pembangunan industri. Salah satu daripada projek yang telah diluluskan untuk pembangunan industri ialah di kawasan Jinjang di mana seluas 56 ekar tanah telah diperuntukkan bagi pembangunan industri bermacam-macam.

Dasar perancangan baru juga sedang dibentuk bagi membantu pembangunan di sektor ini. Dasar menggalakkan pembangunan perkampungan industri (industrial village) juga sedang dilaksanakan. Konsep perkampungan industri secara ini dijangka sangat baik kerana ianya bertujuan menyediakan bukan sahaja tempat-tempat bekerja malahan kemudahan-kemudahan para pekerja sendiri seperti asrama pekerja, tempat berihat, kawasan rekreasi dan sukan dan kemudahan pengangkutan yang lebih memuaskan.

Dalam usaha menggalakkan perkembangan industri-industri kecil ini beberapa langkah telah dan sedang dijalankan seperti berikut:

- (a) Menyediakan peruntukan bagi pertumbuhan industri di bandar-bandar baru seperti Bandar Tun Razak, Wangsa Maju dan Bukit Jalil;
- (b) menyediakan pelan tindakan industri bagi kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti dan pelan ini akan dijadikan panduan pelaksanaan pembangunan;
- (c) menyediakan garis panduan pembangunan industri;
- (d) mengadakan bancian industri dari masa ke masa supaya pihak perancang dapat memahami dan mengesan perkembangan yang dicapai;
- (e) menyediakan tapak industri dan bangunan-bangunan industri kos rendah dan sederhana di beberapa kawasan yang telah dikenalpasti.

## MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA—KEMAJUAN

26. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kemajuan yang dicapai oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dalam usaha mengemukakan cadangan berkenaan dengan Dasar Ekonomi Negara selepas 1990 dan bilakah tugas MPEN dijangka selesai.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Jawapan kepada soalan Yang Berhormat telah pun dijawab pada 19-10-89 di Dewan Rakyat yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

#### **PERSIDANGAN CHOGM— FAEDAH KEPADA BUMIPUTERA**

**27. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan persiapan yang telah dibuat menjelang Persidangan CHOGM. Dengan kos yang begitu besar dan penglibatan tenaga dan masa yang begitu banyak, apakah faedah yang dapat dinikmati oleh rakyat dan negara terutamanya rakyat Bumiputera di luar bandar.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) telah berlangsung pada 18-24 Oktober 1989. Persiapan-persiapan yang dirancang telah dilaksanakan dengan memuaskan di bawah penyelarasan Jawatankuasa Perancang Kebangsaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Luar Negeri. Persiapan-persiapan ini merangkumi kesemua aspek-aspek penginapan, pengangkutan, kemudahan dewan mesyuarat, komunikasi, media dan keselamatan. Program-program sosial juga disediakan untuk para delegasi dan wakil media semasa Mesyuarat CHOGM berlangsung termasuk jamuan-jamuan makan malam dan pertunjukan kebudayaan, lawatan ke tempat-tempat yang tertentu di persekitaran Kuala Lumpur dan lawatan ke Melaka, serta program khas semasa Perentian di Langkawi. Kesemua program yang telah dirancang berjalan dengan lancar semasa Mesyuarat CHOGM oleh kerana persiapan-persiapan telah diadakan dengan teliti dan sempurna.

Ingin dijelaskan bahawa Mesyuarat CHOGM telah berlangsung dengan jumlah kos perbelanjaan yang sederhana. Buat masa ini, perkiraan sedang dijalankan untuk menentukan perbelanjaan yang sebenar.

Mesyuarat CHOGM telah berjaya memberi publisiti yang meluas kepada negara kita terutama sekali dari segi hubungan antarabangsa dan juga keupayaan negara menjadi tuan rumah mesyuarat yang terbesar pernah diadakan di negara ini. Secara tidak langsung, Mesyuarat ini juga berjaya memperkenalkan Malaysia kepada dunia luar dari segi pelancongan terutama sekali dikalangan para delegasi dan juga wakil media luar negeri. Expo "Understanding Malaysia" yang telah diadakan sempena Mesyuarat CHOGM di PWTC anjuran Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari para delegasi dan wakil media. Ianya berjaya menarik minat dan perhatian para pengunjung akan keupayaan Malaysia mengeluarkan barangan pembuatan yang pelbagai jenis dan bermutu tinggi. Kejayaan-kejayaan ini semuanya akan mendatangkan manfaat yang besar dalam jangkamasa panjang kepada semua lapisan masyarakat, termasuk kaum Bumiputera sekiranya mereka berusaha mengambil peluang yang sedia ada di dalam bidang-bidang berkenaan. Adalah dijangka kejayaan Mesyuarat CHOGM dengan secara tidak langsung akan meningkatkan lagi eksport barangan buatan Malaysia ke luar negeri dan juga menambahkan kemasukan pelancong-pelancong luar negeri ke Malaysia. Ini akan menguntungkan negara dan semua rakyat jelata.

#### **TAWARAN SINGAPURA KEPADA KEMUDAHAN MILITER AMERIKA**

**28. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap tawaran Singapura baru-baru ini kepada Amerika Syarikat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan militer Singapura; adakah ini bercanggah dengan konsep Bebas, Aman dan Berkecuali (ZOPFAN) yang diamalkan oleh ASEAN di rantau ini; memandangkan Indonesia, Thailand, Brunei dan Filipina mempunyai pemikiran yang berlainan bersabit dengan perkara ini, apakah langkah yang diambil oleh Malaysia supaya rundingan dibuat supaya ada kata sepakat diterima oleh semua anggota ASEAN dalam perkara ini.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan Yang Mulia ini pada 30hb Oktober, 1989 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

### PESAWAT JET EKSEKUTIF KERAJAAN—KEGUNAAN

29. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) siapakah orang yang berhak menggunakan jet eksekutif dan kapal terbang Tentera Udara Diraja Malaysia;
- (b) Kerajaan-kerajaan Negeri manakah yang didapati berhutang dengan Kementerian Pertahanan sekarang kerana menggunakan jet-jet eksekutif dan pesawat TUDM dan berapakah amaun yang terlibat; dan
- (c) apakah langkah yang sedang diambil oleh Kementerian berkenaan untuk mendapatkan balik hutang-hutang ini.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:**

- (a) Pesawat-pesawat Jet Eksekutif Kerajaan adalah untuk kegunaan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Y.A.B. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Pesawat-pesawat ini juga boleh digunakan oleh D.Y.M.M. Sultan-Sultan dan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri, Y.B. Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri, Tetamu-Tetamu Kerajaan Persekutuan dari Negara Asing dan Pegawai-pegawai Kanan dan Orang-orang Kenamaan lain, setelah mendapat persetujuan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

Bagi pesawat-pesawat TUDM pula, selain daripada kegunaan

utamanya untuk operasi-operasi pertahanan, latihan-latihan dan lain-lain urusan yang berkaitan dengan pertahanan, tugas-tugas khas seperti kerja-kerja kecekaman dan menyelamatkan, pesawat-pesawat itu boleh juga digunakan untuk urusan rasmi oleh orang-orang kenamaan yang saya nyatakan tadi. Pihak Kementerian Pertahanan boleh juga menimbangkan permohonan daripada pertubuhan-pertubuhan awam untuk menggunakan pesawat-pesawat tersebut.

- (b) Sewa kapal terbang TUDM yang terbengkalai dari tahun 1970-1986 mengikut teguran Audit Negara 1986 adalah seperti berikut:

Negeri	Pejabat Sultan	SUK/MB	Jumlah Terbengkalai
	\$	\$	\$
Pahang	658,448.24	889,191.19	1,547,639.43
Perak	99,551.67	226,317.30	325,868.97
Johor	165,120.12	—	165,120.12
Sabah	107,342.00	—	107,342.00
Jumlah	1,030,462.03	1,115,508.49	2,145,970.52

- (c) Pihak Kementerian telah pun memaklumkan kepada pihak yang terlibat mengenai tunggakan tersebut.

Mesyuarat telah diadakan dengan Negeri-negeri yang terlibat dan persetujuan telah pun didapati dari semua pihak untuk menjelaskan tunggakan tersebut.

### PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

#### MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN T.Y.T. MENTERI LUAR NEGERI OZBEK DAN ROMBONGAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan iaitu pada

hari ini kita ada tetamu dari Ozbek, Republic Socialist Soviet Russia (*Tepuk*) yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Encik Azimov Sarver Alimur Djanovid, Menteri Luar Negeri Ozbek (*Tepuk*).

Mereka berada sekarang ini di ruang tempat pemerhati khas di sebelah kiri saya di Dewan ini. Adalah difahamkan mereka akan berada di negara kita hingga 12hb November.

Bagi pihak Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan penghargaan di atas kesudian mereka hadir di Dewan Rakyat pada petang ini (*Tepuk*).

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK STRATA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN  
USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan

"Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$9,257,427,310 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1990, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunann yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27 tahun 1989, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (7hb November, 1989).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Lembah Pantai selama 5 minit.

3.36 ptg

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah belas kasihan, lebihkan sedikit, "injury time" semalam begitu banyak telah diberi dan digunakan oleh ahli Pembangkang bagi diri saya. Saya minta lebih sedikit dalam 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Semalam Yang Berhormat telah bercakap dari pukul 6.10 petang sehingga 6.30 petang—selama 20 minit.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Mudah-mudahan lebihlah. Terima kasih banyak.

Saya menyambung balik, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ucapan saya semalam mengenai Melawat Malaysia 1990 iaitu tahun hadapan yang mana peruntukan-peruntukan dan persiapan telahpun disediakan oleh pihak-pihak tertentu, terutama di Kuala Lumpur ini yang mana telah disediakan taman-taman dan

sebagainya. Dalam masalah ini saya rasa saya telah hampir-hampir habis tugas-tugas ini.

Saya pandang kepada masalah di Kuala Lumpur ini ialah masalah yang sentiasa diulang ataupun disebut berhubung dengan keadaan penduduk-penduduk di kawasan Kuala Lumpur. Terutama di kawasan-kawasan setinggan yang masih lagi mereka ini duduk di kawasan tepi sungai, tepi lombong dan tepi jalan keretapi dan seterusnya mereka ini masih lagi memerlukan perumahan yang baik. Oleh itu, apa yang saya dapat tahu dari pihak Kerajaan atau melihat dalam Belanjawan peruntukannya hanya lebih kurang \$5 juta sahaja diperuntukkan di Wilayah Persekutuan untuk perumahan rakyat. Oleh itu, saya mengharapkan supaya peruntukan-peruntukan dapat lebihkan dan dipertingkatkan supaya kawasan-kawasan setinggan ini dapat didirikan rumah-rumah flat ataupun rumah-rumah pangsa untuk menempatkan mereka ini.

Dengan pembinaan rumah ini, rasa saya akan juga dapat mengelakkan daripada banjir kilat yang sentiasa berlaku sekarang ini. Ini disebabkan oleh keadaan sungai-sungai dan anak-anak sungai yang begitu banyak di kawasan-kawasan setinggan dan di sekitar Kuala Lumpur ini yang mana ini menyebabkan air dan tidak dapat terus-menerus jalan. Ini akan menyebabkan kawasan-kawasan selalu ditimpa banjir dan juga banjir kilat yang mengakibatkan bandar Kuala Lumpur sendiri pun kadangkala jalan tersekat, berjam-jam kesesakan lalu-lintas.

Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan di samping membina perumahan ini juga membaiki sungai-sungai dan parit-parit ini.

Soal yang lain dalam Kuala Lumpur ini kita mengharapkan, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keadaan sekarang ini kita mendengar sekolah di sana terbakar, sekolah di sini terbakar oleh pendawaian dan berbagai-bagai lagi dan di samping itu dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Petugas itu dan ini. Di Kuala Lumpur ini

sahaja kita melihatkan keadaan sekolah yang begitu lama, berumur antara 50 hingga 70 tahun dan pendawaian rasa saya perlu diganti dengan seberapa segera kerana kita takut perkara yang seumpamr kebakaran dan sebagainya ini akan berlaku. Dengan keadaan tanah-tanah yang masih banyak lagi dan kawasan tanah-tanah yang diduduki oleh setinggan. Oleh itu, pihak Kementerian Pendidikan sukar untuk memindahkan mereka ini kerana tempat kediaman untuk menempatkan mereka ini tidak ada.

Selain daripada itu, berhubung dengan sekolah missionary Christian yang mana mereka ini tidak pernah mendapat peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan. Saya menghadiri satu taklimat PIBG baru-baru ini. Mereka ini menimbulkan perasaan mereka supaya Kerajaan mengambil berat dalam soal ini untuk memberikan sedikit sebanyak peruntukan-peruntukan di sekolah yang saya sebutkan tadi. Ini baik bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku dan perkara-perkara ini dapat diperuntukan.

Di samping itu di segi pelajaran pula, ini telah berkali-kali kita meminta pihak Kerajaan, khasnya Kementerian Pendidikan supaya satu sekolah menengah yang berasrama penuh khas untuk penuntut-penuntut yang datangnya daripada kawasan-kawasan setinggan, flat-flat yang ada di Kuala Lumpur ini. Mereka ini berkehendakkan tempat tinggal juga di kawasan-kawasan asrama-asrama bagi menampung mereka yang belajar dengan baik, kerana buat masa ini pihak asrama-asrama yang ada hanya menampung iaitu murid-murid dari luar bandar. Sungguhpun mereka ini duduk di dalam bandar Kuala Lumpur, tetapi sebenarnya mereka ini jauh, walaupun di dalam bandar tetapi mereka ini duduk di luar bandar, iaitu di kawasan-kawasan setinggan yang mana mereka ini hendak merasai juga sedikit sebanyak, anak-anak mereka ini untuk duduk di asrama.

Begitu juga di satu masa kita ada meminta satu peruntukan supaya diadakan satu sekolah menengah agama berasrama penuh di Kuala Lumpur ini khasnya di

Wilayah Persekutuan. Sungguhpun telah diwujudkan tetapi telah dipindahkan ke Labu, ini telah menjadikan Sekolah Menengah Wilayah ke Labu pula perginya. Kita minta di Wilayah Persekutuan, tetapi pergi ke Labu iaitu di Negeri Sembilan. Oleh itu dalam masalah ini saya mengharapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya perkara ini dapat diambil perhatian kerana sekarang ini sekolah-sekolah begitu kekurangan di Kuala Lumpur ini, diharap pihak Kementerian Pendidikan dapat mencari tanah yang lebih, yang ada sekarang ini supaya dapat diperuntukkan untuk membesarkan sekolah-sekolah.

Sekarang ini pihak Dewan Bandaraya kerana tidak cukup sekolah terpaksa mengadakan kelas-kelas di bawah flat-flat yang ditebuk, yang dipecahkan dengan menjadikan kelas-kelas sekolah rendah. Ini rasa saya tidak mengelokkan kerana anak-anak kita belajar, rumah di atas, sekolah di bawah, keadaan bising, kita tahu bagaimana anak-anak belajar dengan tekun. Oleh itu dalam keadaan ini sungguhpun Dewan Bandaraya sedang menyediakan, kita mengucapkan terima kasih tetapi dalam keadaan ini rasa saya tidak sesuai diadakan kelas-kelas ataupun sekolah-sekolah di kawasan-kawasan flat ataupun di rumah-rumah pangsa yang ada di Kuala Lumpur ini.

Soal yang lain di Kuala Lumpur ini ialah berhubung dengan hospital-hospital, kuarters-kuarters yang ada juga sebagaimana yang disebutkan oleh yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan tadi usaha-usaha telah diambil, tetapi ini juga rasa saya umpamanya Hospital Besar Kuala Lumpur ini masih lagi ada bangunan-bangunan papan iaitu Wad Kelas III, yang mana saya lihat keadaan kipas angin dan keadaan pendawaiannya ini akan menjadikan suatu masalah yang besar jika ada kebakaran berlaku dengan pendawaian yang tidak tentu ini, kerana hospital-hospital yang ada itu telah uzur, begitu lama iaitu peninggalan penjajah dahulu termasuk juga hospital di kawasan saya iaitu Hospital Tanglin. Rasa saya dengan keadaan bangunan papan yang

begitu lapuk dan keadaannya tidak sesuai lagi, lebih-lebih lagi kita hendak menghadapi pelawat-pelawat sempena "Tahun Melawat Malaysia 1990", yang mana kita akan adakan ini. Kita hendaklah menunjukkan yang semuanya baik dan selamat.

Mengenai soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, . . . .

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** . . . . sila gulung.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Sedikit sahaja lagi. Sebagai menggulung, saya ingin menyentuh mengenai soal Keretapi Tanah Melayu akan membesarkan landasannya itu menjadi dua hala, misalnya daripada Kuala Lumpur ke Seremban, dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang (Port Klang) dan begitu juga sampai ke Butterworth ataupun Ipoh, di kiri-kanan jalan keretapi ini banyak terdapat setinggan-setinggan terutama di kawasan saya sendiri yang banyak sekali setinggan. Sekarang notis telahpun diberi untuk mereka dipindahkan, tetapi di mana mereka hendak pindah? Pihak Keretapi Tanah Melayu, pihak Kerajaan dan pihak yang berkenaan tahu untuk memindahkan mereka, tetapi di mana mereka ini hendak pindah? Beratus-ratus buah rumah mereka ini terpaksa dipindahkan, oleh itu dalam keadaan ini, itulah saya sebutkan tadi mulamulanya iaitu flat ataupun rumah-rumah pangsa ini perlu diadakan lebih awal, saya rasa dalam masalah ini dapat kita atasi dengan seberapa segera yang boleh, dan kalau ada masa ingin sentuh banyak masalah lagi.

Walau bagaimanapun saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya mengharapkan dalam keadaan yang serba ringkas ini, dapatlah pihak Kerajaan dan pihak yang tertentu supaya dapat mengatasi masalah-masalah ini demi kepentingan negara kita. Oleh itu dengan ini saya sekali

lagi menyokong dan memberikan ucapan tahniah sekali lagi kepada pihak Kerajaan, kepada Kementerian Kewangan yang telah menyediakan Belanjawan pada tahun ini, sebagaimana kita katakan begitu memuaskan untuk Kerajaan dan rakyat juga menyanjung tinggi di atas usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan kepada rakyat kita di dalam negara kita ini. Oleh itu, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Batu Berendam.

3.46 ptg.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan suatu Belanjawan yang bukan sahaja pada pandangan saya, bahkan sebahagian besar rakyat negara ini iaitu Belanjawan yang amat terbaik sekali sejak negara kita mencapai kemerdekaan, sehinggakan ianya tidak dapat dikritik dengan hujah-hujah yang konkrit dan solid, dengan izin, oleh pihak Pembangkang khususnya Parti DAP yang ramai ahli-ahlinya baru keluar Dewan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai dari mereka iaitu DAP dan ahli-ahli Pembangkang yang lain termasuk mereka yang pernah bersama-sama Barisan Nasional dahulu hanya pandai bermain di bibir sahaja, setakat melepaskan batuk di tangga, mereka tidak berupaya mengeluarkan buah fikiran yang membina.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya dan sebahagian besar rakyat mengatakan Belanjawan 1990 ini yang terbaik sekali yang pernah kita rasai? Tidak pernah di dalam sebarang Belanjawan Kerajaan tidak mengena, menaik dan memperkenalkan jenis cukai yang baru, sebaliknya Kerajaan Barisan Nasional tanpa mendapat pungutan cukai yang baru terus menurunkan cukai-cukai yang difikirkan boleh membantu, mengurangkan beban rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Maka kepada saya Belanjawan yang baru sahaja dibentangkan pada hari Jumaat

yang lalu adalah merupakan satu lagi sejarah yang tidak akan mudah dilupai. Jika sekiranya ada pihak khususnya mereka yang datang dari Parti Semangat 46 mengatakan Belanjawan ini tidak sebaik Belanjawan yang pernah dikemukakan oleh bekas Menteri Kewangan dahulu yang kebetulan sekarang menjadi Presiden Parti tersebut, maka, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memaparkan beberapa contoh untuk renungan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh cukai pendapatan perseorangan semasa zaman Yang Berhormat Ahli dari Gua Musang menjadi Menteri Kewangan dahulu, cukai pendapatan perseorangan yang dikenakan ialah jika seseorang itu mendapat kumpulan pendapatan \$2,500 setahun maka kadarnya 6%, tetapi Menteri Kewangan yang ada hari ini telah berjaya menurunkan kepada 5%, begitu juga jika sekiranya pendapatan seseorang itu di antara \$2,500 ke \$5,000 setahun pada masa itu kadarnya 9% dan sekarang ini diturunkan kepada 8%. Begitu juga dengan kadar-kadar yang lain sebagai contoh, kalau dahulu seseorang itu berpendapatan \$15,000 ke \$20,000 setahun kadar cukai yang dikenakan ialah 25%. Sekarang ini jika seseorang itu mendapat pendapatan \$10,000 ke \$20,000 setahun kadar diturunkan kepada 15%. Begitu juga jika sekiranya seseorang itu mendapat pendapatan \$50,000 ke \$75,000 setahun, kadar pada masa zaman bekas Menteri Kewangan dahulu ialah 45% dan sekarang ini Menteri Kewangan yang baru telah menurunkan kadar kepada 35%, dan akhirnya jika seseorang itu mempunyai pendapatan di antara \$75,000 ke \$100,000 setahun, bekas Menteri Kewangan telah mengenakan kadar cukai 50% dan sekarang ini hanya 35% sahaja, begitu juga jika sekiranya seseorang itu mendapat pendapatan lebih \$100,000, maka cukai keuntungan berlebihan ialah 5% dan sekarang ini cukai keuntungan berlebihan 5% itu hanya dikenakan jika seseorang itu mendapat pendapatan lebih \$300,000.

Tuan Yang di-Pertua, cukai keuntungan berlebihan iaitu syarikat. Cukai syarikat kadar cukai sebelum tahun 1989 dahulu cukainya 40%, sekarang ini diturunkan kepada 35%. Kemudian cukai

pembangunan individu dan syarikat kalau dahulu 5% sekarang ini diturunkan 4%, begitulah juga dengan cukai keuntungan harta tanah dan sebagainya.

Satu contoh lagi, jika sebelum tahun 1987, tahun pertama dan kedua selepas memperolehi aset, cukai yang dikenakan kepada individual residence ialah 40% dan sekarang ini diturunkan kepada 20%. Banyak lagi cukai-cukai yang telah dapat diturunkan oleh Menteri Kewangan yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan paparan ini saya penuh yakin rakyat Malaysia yang sebahagian besarnya berfikir waras akan dapat lihat dan nilai yang mana intan dan yang mana berlian. Inilah Kerajaan yang berjiwa rakyat sebenarnya, Kerajaan yang peka terhadap kehendak rakyat dan Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat. Ahli-ahli Pembangkang mengaitkan ini adalah "Election Budget" kononya, dengan izin, tetapi pada masa yang sama juga mereka mengatakan jika ianya merupakan "Election Budget" maka sepatutnya Kerajaan memberi lebih dari apa yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, jika saya katakan mereka itu kurang waras ataupun siuman, ianya melanggar aturan Peraturan Mesyuarat, tetapi cukuplah saya mengatakan mereka ini terdiri dari kumpulan orang-orang yang confused. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, unfortunately they got themselves confused while trying hard to confuse others [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menghapus dan menurunkan cukai sebahagian besar barang-barang keperluan dan saya percaya dan penuh yakin Kerajaan akan terus peka kepada kehendak-kehendak rakyat dari semasa ke semasa. Kerajaan Barisan Nasional tahu berterima kasih kepada rakyat. Walau bagaimanapun, saya ingin mengesyorkan agar Kerajaan akan memperkuat dan mempertingkatkan lagi Unit Penguat kuasa agar segala hasrat dan tujuan murni Kerajaan mengurangkan cukai barang-barang keperluan tersebut dapat benar-benar dinikmati oleh rakyat

jelata. Kita tidak mahu dengar ruagutan ruagutan rakyat khususnya di kampung-kampung yang harga barang-barang keperluan tersebut masih sama malah ada yang lebih ataupun mahal harganya walaupun Kerajaan telah mengurangkan cukai barang-barang tersebut. Undang-undang yang ada harus diperketatkan lagi, hukuman-hukuman yang sedia ada harus ditimbang semula agar rakyat akan dapat menikmati kehidupan yang tidak membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada rancangan-rancangan yang dikemukakan oleh Kerajaan untuk meninggikan taraf ekonomi rakyat seperti penggalakan pelaburan dari dalam dan luar, penambahan peluang pekerjaan dan lain-lain lagi, Kerajaan juga memang senantiasa mencari jalan agar rakyat negara ini hidup aman damai, bersatu-padu dan hormat-menghormati di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Perkara ini bukan mudah, malah di negara-negara maju seperti masalah orang-orang kulit putih dan hitam di Amerika Syarikat pun belum boleh diselesaikan walaupun negara tersebut telah merdeka 200 tahun lamanya. Masalah "the Irish" dengan "the English" di England belum dapat diatasi lagi. Begitu juga masalah "the white Australian" dan "the aborigines" di Australia masih melanda negara tersebut, apatah lagi dengan negara kita yang bukan sahaja berbilang kaum malah berbilang bahasa, agama dan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, secara terus terang saya katakan masalah yang kita hadapi hari ini tidak akan selesai dalam jangka masa yang pendek, sementara pula selagi wujudnya parti-parti yang mengamalkan dasar dan sikap perkauman untuk mendapat sokongan—PAS dengan ultranya dan DAP dengan "chavaunism"-nya. Walaupun demikian keadaan pada masa kini, Tuan Yang di-Pertua, saya masih mempunyai harapan dan percaya bahawa perpaduan dalam erti kata yang sebenar-benarnya boleh dan akan wujud di negara kita pada satu hari kelak. Ini boleh berlaku jika semua pihak dapat mengenyepikan kepentingan diri dan kepentingan parti-parti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu ada menyatakan: Jika hendak melentur buluh biarlah semasa rebungunya. Apa yang ingin saya utarakan di dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi iaitu tentang sistem pendidikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat dan kaji dengan teliti sistem pendidikan yang sedia ada ini jelas ia membuktikan bahawa sejak kecil lagi iaitu mulai umur 6 ataupun 7 tahun sebahagian besar anak-anak kita mula dipisahkan mengikut kaum atau keturunan mereka. Anak-anak orang Melayu dihantar ke Sekolah Kebangsaan, anak-anak orang Cina dihantar ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan anak-anak orang India dihantar ke Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Di sana mereka diasuh oleh guru-guru mengikut keturunan atau kaum masing-masing. Sudah barang tentu, Tuan Yang di-Pertua, secara tidak langsung, sama ada disadari atau tidak, sama ada disengaja atau tidak, anak-anak tersebut telah dimasukkan ke dalam satu acuan yang boleh mempengaruhi perasaan dan fikiran mereka. Ini adalah satu tragedi dan malangnya tragedi ini berterusan ke peringkat Sekolah Menengah dan hinggalah ke peringkat kolej dan universiti.

Walaupun sejak akhir-akhir ini negara berjaya mengeluarkan rakyat yang berpelajaran tetapi curiga-mencurigai, benci-membenci, dendam-mendendam di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain masih berterusan. Apakah ini yang kita mahu melihat berlaku kepada anak-anak kita yang tidak berdosa itu? Sanggupkah kita melihat percetusan darah berlaku kepada anak-anak kita apabila mereka dewasa kelak oleh kerana hari ini kita mementingkan diri dan parti kita?

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan ini semua dari berlaku, maka saya ingin mencadangkan agar sistem pendidikan hari ini dipinda ataupun diubahsuai di mana hanya satu jenis sekolah sahaja diwujudkan iaitu Sekolah Kebangsaan dari mula iaitu Sekolah Rendah hinggalah ke Sekolah Menengah. Dengan erti kata yang lain, Tuan Yang di-Pertua, Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dimansuhkan tetapi untuk berlaku adil dan dengan tidak

melanggar Perlembagaan Persekutuan yang telah dipersetujui bersama, Kerajaan mestilah memberi jaminan yang konkrit iaitu masa yang secukup-cukupnya mestilah diperuntukkan agar murid-murid keturunan Cina dan India belajar bahasa dan kebudayaan ibunda mereka, walaupun matapelajaran Bahasa Malaysia mesti diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini banyak manfaat yang akan diperolehi oleh anak-anak kita pada masa hadapan. Pertama, mereka diasuh mengenali dan menghormati di antara satu sama lain sejak Darjah 1 lagi iaitu mula-mula masuk ke sekolah; tidak akan wujud perasaan perkauman kerana mereka terkandung dalam satu acuan yang sama iaitu rakyat Malaysia tidak mengikut kaum; dan yang ketiga, mereka akan berkesempatan menguasai bahasa-bahasa lain selain dari bahasa ibunda sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika ini dapat dilakukan sekarang, insya Allah, saya percaya dan penuh yakin keharmonian dan perpaduan yang kita harap-harapkan akan dapat terlaksana dalam masa 10 atau 15 tahun akan datang. Maka pada masa itu mungkin sistem kuota dari segi pembahagian ekonomi yang diungkit-ungkitkan hari ini tidak perlu wujud lagi, pengenalan bangsa mengikut kaum di dalam borang-borang pekerjaan dan lain-lain lagi mungkin boleh dihapuskan dan banyak perkara-perkara lain yang tidak memuaskan hati semua pihak boleh diatasi juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dan menyeru agar semua pihak sama ada Ahli-ahli Barisan Nasional mahupun Ahli-ahli Parti Pembangkang, khasnya DAP termasuk BEBAS, dapat memberi sokongan terhadap cadangan saya ini jika kita benar-benar jujur dan ikhlas mahu melihat Malaysian Malaysia yang sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang masalah pelajaran ataupun pendidikan, saya juga ingin menyentuh tentang kedudukan Kolej Tunku Abdul Rahman yang dianjurkan oleh MCA. Tuan Yang di-Pertua, isu pengiktirafan sijil Kolej ini senantiasa menjadi isu. Pihak MCA mahukan sijil-sijil Kolej Tunku Abdul Rahman ini diberi pengiktirafan penuh oleh Kerajaan tetapi

sehingga ini saya difahamkan hanya dua jenis sijil ataupun kursus sahaja yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum Kerajaan ada memberi bantuan kewangan atas nisbah seringgit bagi tiap-tiap seringgit yang dikumpul oleh Kolej Tunku Abdul Rahman ini. Saya ingin mencadangkan, oleh kerana Kerajaan telah berbelanja begitu banyak terhadap kolej ini, maka apakah salahnya jika Kerajaan memberi pengiktirafan penuh kepada ke semua sijil-sijil ataupun kursus yang disediakan oleh kolej tersebut dengan syarat pihak kolej juga bersetuju agar kolej Tunku Abdul Rahman ini dimansukkan di bawah jagaan Kementerian Pendidikan ataupun dengan lain-lain perkataan di bawah Akta Universiti dan Kolej, Kementerian Pendidikan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pembahagian ekonomi negar kita ini dapat dilaksanakan dengan lebih adil lagi. Biarlah semua pihak dan peringkat dapat mengecapi peluang-peluang yang disediakan. Kita tidak mahu dengar lagi rungutan-rungutan dan tuduhan-tuduhan negatif daripada rakyat kita. Sebagai satu contoh sahaja, pembahagian permit teksi atau kereta sewa biarlah diberi kepada mereka yang layak sahaja, bukan kepada syarikat-syarikat yang tidak mempunyai pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya difahamkan baru-baru ini sebuah syarikat iaitu Saujana Car Hire Sdn. Bhd. telah diberi permit sebanyak 200 unit dan saya difahamkan juga oleh sumber-sumber yang tertentu, permit ini telah ditambah menjadi 500 unit kesemuanya. Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang saya rasa . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat hendak apa?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Sila.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Dalam ucapan Yang Berhormat tadi menyebut bahawa Kerajaan ini Kerajaan berjiwa rakyat, manakala kita dengar sekarang ini Yang Berhormat juga merungut tentang pemberian permit teksi kepada Saujana Car Hire daripada 200 permit kepada 500 permit yang saya juga turut membangkitkan dalam Dewan Rakyat ini. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar, di luar terdapat cakap-cakap, sama ada tuduhan atau tidak dan ini bukan datang daripada Semangat 46, iaitu kononnya Yang Berhormat sendiri ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dikaitkan dengan permit teksi ini. Saya percaya mungkin ini tuduhan-tuduhan yang datang dari kumpulan-kumpulan tertentu, tetapi seperti saya katakan tadi, bukan dari Semangat 46. Yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, ini penting oleh kerana ianya membabitkan nama baik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat sendiri, bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan dan membersihkan tuduhan-tuduhan ini demi menjaga nama baik pemimpin yang saya maksudkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada saudara dari Pasir Mas. Berkenaan dengan syarikat kereta Saujana Car Hire Sdn. Bhd. ini memang sebenarnya saya juga telah mendengar rungutan-rungutan daripada pihak masyarakat sama ada di sekitar Kuala Lumpur ini mahupun ianya datang daripada negeri-negeri yang lain seperti Johor dan sebagainya yang bertanya ataupun yang menyatakan sama ada saya ataupun keluarga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terbabit atau mempunyai saham di dalam Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. ini, malah ada tuduhan yang menyatakan bahawa Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. ini, kalau tidak silap saya, telah pun memungut \$3,000 daripada tiap-tiap pemohon yang ingin

menjadi pemandu teksi ini dan duit itu diberikan untuk political fund kepada Timbalan Perdana Menteri kononnya.

Oleh kerana saya telah diminta untuk memberi penjelasan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas, maka ingin saya nyatakan di dalam Dewan ini iaitu yang sebenarnya, sama ada saya atau keluarga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak terbabit langsung dan tidak mempunyai saham langsung di dalam syarikat ini, malah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan bahawa saya dapati, oleh kerana rungutan-rungutan telah pun kedengaran, saya telah pun membuat search saya sendiri di Pendaftar Syarikat yang menunjukkan bahawa syarikat ini pada mulanya mempunyai saham \$2.00 tetapi pada 15hb September, 1989 yang disahkan oleh Pendaftar Syarikat, modal yang dibayar telah ditambah kepada \$500,000 dan ahli-ahli Lembaga Pengarahnya ialah 3 orang berbangsa Cina dan 2 orang Melayu; iaitu Gan Boon Ann, Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein, Norita binti Ahmad yang tinggal di Lot 20, Perumahan Sri Pantai, Tan Hock Lai ataupun Tan Hock Chan dan anak kepada Tan Hock Chan iaitu Tan Hoi Meng.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Mereka ini mengikut laporan yang ada pada tangan saya ialah Tuan Haji Hasmuni melalui Syarikat Angkuna Sdn. Bhd. yang beribu pejabat di Kluang, Johor mempunyai 350,000 saham, Norita binti Ahmad yang tinggal di Lot 20, Perumahan Sri Pantai mempunyai 150,000 saham, jumlahnya 500,000 saham.

Saya juga, sepertimana yang saya katakan, merasa hairan mengapakah syarikat seperti ini diberi permit yang begitu banyak sedangkan di dalam penjelasan yang dibuat oleh pihak Kementerian pada masa-masa yang lepas keutamaan haruslah diberi kepada mereka yang telah lama membawa teksi. Kalau sekiranya Kerajaan bercadang untuk memberi permit ini kepada syarikat-syarikat, maka sepatutnya Kerajaan ataupun Kementerian memberi keutamaan kepada

Persatuan Bekas-bekas Perajurit ataupun Bekas-bekas Polis. Inilah keutamaan yang harus diberikan bukan kepada syarikat seperti yang disebutkan ini dan ianya membabitkan pula nama baik saya ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Maka, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat menjawab bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak terbabit sebagaimana tuduhan ataupun cakap-cakap di luar, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mencadangkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri campur tangan dalam soal pemberian permit teksi ini kerana ianya sudah menjadi satu isu besar kepada rakyat, khususnya di Kuala Lumpur, di mana syarikat ini telah mendapat, katanya, akan diberi 500 daripada 200 dan terpaksa bayar \$3,045 satu hari dalam tempoh 6 tahun, maknanya bayar \$98,000, dapat kereta buruk, permit pun tidak ada, manakala nama Timbalan Perdana Menteri dikaitkan. Jadi, apakah Yang Berhormat setuju supaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri campur tangan menyiasat dan membersihkan tuduhan yang berbangkit ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (Bangun)**

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Penjelasan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Dipersilakan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batu Berendam kerana memberikan saya peluang untuk memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pendapat daripada Yang Berhormat menyatakan bahawa Syarikat Saujana Car Rental Sdn. Bhd. akan ditambah jumlah permit daripada 200 kepada 500, ingin saya memberi penjelasan bahawa ini adalah tidak benar—untuk pengetahuan Yang Berhormat sama ada saudara sedar atau tidak, itu adalah tidak benar. Selain daripada itu . . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, ini adakah minta penjelasan ataupun memberi penjelasan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Saya bertanya sama ada Yang Berhormat faham atau tidak dengan penjelasan ini, lepas itu boleh jawab. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar bahawasanya itu tidak benar, tidak ada cadangan untuk memberi permit kepada 500. Itu hanya cakap-cakap sepertimana juga cakap-cakap yang mengatakan Yang Berhormat ataupun Timbalan Perdana Menteri terlibat, itu pun juga cakap-cakap yang tidak benar, sengaja diadakan.

Sebenarnya pihak Kementerian sedang mengkaji dan dipastikan tidak akan ada lagi syarikat-syarikat yang akan mendapat permit begitu banyak. Kita bercadang memberikan jumlah yang lebih kecil mungkin di antara 30, yang paling kecil supaya ianya viable, dan 100 yang paling banyak sekali. Walau bagaimanapun kita sedang mengkaji juga cara-cara bagaimana dapat memberikan kepuasan kepada pihak-pihak pemegang PSV, pemandu-pemandu yang terlibat supaya dapat melibatkan diri dalam syarikat-syarikat ini supaya tidak ada timbul lagi rasa tidak puas hati.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada itu minta penjelasan ataupun memberi penjelasan. Tetapi yang saya tahu dan saya percaya Yang Berhormat juga tidak boleh menafikan bahawa Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. ini telah pun mempunyai 200 permit teksi. Ini tidak boleh dinafikan dan yang saya katakan tadi saya diberitahu oleh sumber-sumber yang

boleh dipercayai bahawa kemungkinan besar syarikat ini akan dapat 300 unit lagi bermakna 500 unit. Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sahaja menafikan, tidak apalah, dan Yang Berhormat telah menenangkan juga iaitu sekarang ini Kementerian sedang mengkaji supaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi, akan memberikan kepada sesebuah syarikat dengan 20 ataupun 30 permit. Persoalannya mengapakah perkara ini boleh berlaku sedangkan kita telah membahaskan perkara ini dari satu masa ke satu masa. Mengapa perkara ini boleh berlaku? Ini menjadi persoalan pokoknya.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** (*Bangun*).

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan . . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya belum beri izin lagi. Silakan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan. Tadi Yang Berhormat sebut dan telah pun dijawab dalam bentuk penjelasan tadi iaitu pada masa hadapan tidak ada syarikat-syarikat yang akan diberikan 200 permit lagi. Jadi, ini bermakna kita telah respond, dengan izin, daripada kritik-kritik sehingga kita mengambil tindakan yang demikian. Saya rasa Yang Berhormat patut menjawab bahawa apa Yang Berhormat buat itu betul untuk CHOGMkah, apakah dan semuanya, yang ke depan ini diberi lebih banyak lagi. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya syarikat-syarikat yang mohon sekarang diberi lebih banyak lagi daripada dikurangkan. Kalau tidak bermakna apa yang dibuat oleh Kementerian adalah salah. Bagi seorang 500 ataupun 1,000 permit, bersetuju dengan saya?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah sama ada betul atau tidak kita

memberi 200 pada peringkat Kementerian—benar dan tepat kerana pada masa itu kerana kesuntukan masa untuk kita memproses beberapa buah syarikat kita dapati syarikat ini syarikat bumiputera dan berkemampuan, maka oleh sebab itu hanya sebagai satu permulaan supaya dapatlah diselesaikan masalah kekurangan teksi yang bermutu semasa kita adakan Persidangan CHOGM itu, kita keluarkan 200 permit. Jadi selepas masalah ini dapat kita atasi maka masalah di masa hadapan ialah kita mengetahui bahawasanya adalah mencukupi sekiranya sesebuah syarikat itu diberi hanya setakat 30 permit sahaja dan tidak 200. Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Biar saya jelaskan dahulu berkenaan dengan masalah yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu salah satu sebab mengapa syarikat ini diberi 200 unit kerana kononnya kesuntukan masa untuk memproses permohonan-permohonan. Tetapi saya masih ingat di dalam Dewan ini kita telah menimbulkan perkara ini dan mengikut jawapan yang telah diberi sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Menteri sendiri iaitu backlog, jumlah orang yang meminta permit ini begitu banyak, kalau tidak beribu, beratus yang masih menunggu. Mengapakah Kementerian ataupun Jawatankuasa Pelesenan tidak memberi keutamaan kepada mereka yang telah menunggu begitu lama? Ini maksudnya.

Yang keduanya, berkenaan dengan syarikat bumiputera. Saya rasa kurang berpuas hati dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kerana kalau benar-benar syarikat bumiputera, daripada jumlah Ahli Lembaga Pengarah seramai 5 orang, 3 orang adalah bukan bumiputera seperti mana saya sebutkan tadi, iaitu Gan Boon Ann, Tan Hock Lai, Tan Hock Meng dan bumiputera dua orang sahaja. Kalau 100% mengapa hendak perlukan orang lain jadi Lembaga Pengarah? Kalau kita hendak selidik, kalau diadakan siasatan secara terbuka, saya rasa kita boleh lihat. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Nanti dahulu. Kita boleh lihat, kita boleh siasat siapakah Ncrista binti Ahmad ini yang tinggal hanya di rumah flat, yang mempunyai 150,000 saham.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Penjelasan, saya dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Batu Berendam, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sedikit sahaja, saya hendak tanya bilakah syarikat ini ditubuhkan sehingga menimbulkan kesuntukan masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Batu Berendam, saya minta gulung, masa Yang Berhormat sudah lebih.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi belum lagi dijawab, saya minta penjelasan tadi, Yang Berhormat dari Batu Berendam lupa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bolehlah, Yang Berhormat sila jawab soalan Yang Berhormat dari Pasir Mas.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya soal tadi, saya ulang balik, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan bagi membersihkan nama yang dibabit iaitu Timbalan Perdana Menteri supaya Timbalan Perdana Menteri menyasiat perkara ini? Perkara yang kedua, apakah Yang Berhormat sedar bahawa Haji Ahmad Hasmuni yang disebut mempunyai 350,000 saham tadi adalah bekas Setiausaha Dewan Negara?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama berkenaan

cadangan Yang Berhormat, saya rasa saya serahkan kepada Kementerian untuk membuat siasatan. Dari segi saya ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun saya jelaskan di dalam Dewan ini dan tidak ada apa yang kita hendak sembunyikan. Jadi, kalau hendak adakan siasatan dan sebagainya terserahlah kepada kebijaksanaan Kementerian berkenaan untuk menjawabnya.

Dan sama ada ada saya sedar Tuan Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein ini. . .

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Penjelasan, Yang Berhormat dari Batu Berendam.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Ya.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sesebuah syarikat itu ialah bertaraf bumiputera ataupun tidak bumiputera mengikut saham sesebuah syarikat. Jadi, daripada saham syarikat ini iaitu 500,000, keseluruhan 500,000 adalah dipunyai oleh bumiputera, maka oleh sebab itu syarikat ini adalah sebuah syarikat bumiputera.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Dari segi maklumat (information) yang ada di tangan saya ini menunjukkan bahawa 2 pemegang saham iaitu Norita binti Ahmad yang saya katakan tinggal di Sri Pantai mempunyai 150,000 saham, seorang wanita yang saya rasa agak kaya mempunyai \$150,000 untuk membeli saham ini. Kemudian Tuan Haji Hasmuni ini, kalau benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas, dia ini adalah bekas pegawai ataupun pekerja di Parlimen ini, saya rasa saya ucap tahniah juga di atas kejayaan beliau yang mampu mengeluarkan wang yang begitu banyak iaitu \$350,000. Tetapi yang menjadi tandanya saya tadi, kalau benar selalunya syarikat ini, kalau syarikat "Ali Baba", dia akan letakkan, walaupun syarikat itu kata 51% bumiputera, 49% bukan bumiputera tetapi Lembaga Pengarahnya kalau 5 orang, tiga orang bumiputera hendak ditunjukkan kepada Kerajaan bahawa ini syarikat

bumiputera tetapi ini pula terbalik. Walaupun 100% syarikat bumiputera se-pertimana yang tercatat di dalam laporan ini tetapi yang menjadi tandanya saya hari ini ialah mengapa kalau 100% bumiputera, mengapa pula Lembaga Pengarahnya hanya dua sahaja bumiputera dan tiganya bukan bumiputera. Ini yang menjadi soalnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

*4.18 ptg.*

**Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1990 pada kali ini. Pertamanya, saya ingin mengatakan bahawa Belanjawan yang telah dibentangkan merupakan satu Belanjawan yang baik kerana ianya memberi pertimbangan kepada semua golongan sama ada masyarakat di dalam bandar mahupun di luar bandar, memberi manfaat kepada semua golongan sama ada di peringkat atasan, menengah dan rakyat biasa, menyenangkan dan melegakan perasaan pegawai kakitangan Kerajaan, pihak swasta, pengusaha, peniaga, penjaja kecil, petani, pekebun kecil dan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, biarpun apa istilah yang diberikan kepada Belanjawan 1990 oleh pihak-pihak Pembangkang seperti DAP, Semangat 46 dan PAS sehingga ada yang mengistilahkan "Belanjawan Pilihanraya", ada yang mengatakan "Belanjawan Murahahan", ada yang mengatakan "Belanjawan Lelong", ada yang mengatakan "Belanjawan Santa Claus", tetapi ianya tetap merupakan satu Belanjawan yang praktikal dan dapat diterima serta

menyenangi semua pihak dan tidak hairanlah kita dengan pihak Pembangkang yang sebenarnya mula merasai demam panas pilihanraya kerana takut kecundang lebih teruk hingga jatuh tersungkur dan terus meninggal dunia khususnya Semangat 46 dan PAS. Tuan Yang di-Pertua, memang biasa orang yang diserang demam panas otaknya tidak betul, meracau, bercakap seperti orang yang kurang siaman.

Belanjawan 1990 merupakan penawar kepada rakyat umum kerana ianya memberi harapan yang segar kepada ekonomi negara yang tentunya akan dinikmati oleh semua pihak yang mengingini kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan. Ianya merupakan tangkal yang dapat menyembuhkan ketenatan ekonomi negara selama ini terutama di sekitar tahun 1983, 1984, 1985 dan 1986. Hasil daripada pengurusan ekonomi yang relaxed terutamanya semasa Menteri Kewangan sebelum ini yang bermula daripada tahun 1976 hingga 1984 yang suka relax di dalam perbelanjaan dan pengurusan kewangan negara.

Kalau penawar dan tangkal memberi manfaat kepada manusia yang diserang oleh penyakit godaan hantu, syaitan dan jembalang, memang wajarlah Belanjawan yang telah dibentangkan yang saya sifatkan penawar dan tangkal kepada orang-orang yang sakit, maka oleh pihak Pembangkang ianya perlu diperangi kerana penawar dan tangkal ini memang menakutkan hantu, syaitan dan jembalang yang tidak mahu melihat anak Adam ini tenang di dalam menghadapi kehidupannya kerana mereka ini sedang menggoda, menghasut sehingga anak-anak Adam mengalami histeria politik.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan tersebut ternyata Kerajaan dapat memperimbangan sumber pendapatan negara yang agak terhad dengan perbelanjaan negara yang sudah tentu sentiasa tidak mencukupi tanpa menjejaskan kehendak-kehendak semasa masyarakat. Belanjawan diperuntukkan bagi tahun 1990 dapat kita sifatkan sebagai Belanjawan yang berani dan tegas memandangkan prospek

ekonomi dunia yang masih belum pasti dengan halangan-halangan ekonomi dari dalam dan luar negeri yang sentiasa boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Saya percaya bahawa Kerajaan berani bertindak demikian kerana sejak akhir-akhir ini kedudukan pendapatan negara semakin kukuh dengan imbalan perdagangan semakin baik, iaitu dijangkakan sebanyak \$11,616 juta, manakala akaun semasa Kerajaan Persekutuan bertambah baik dengan peningkatan lebih kepada \$230 juta berbanding dengan \$155 juta pada tahun sebelum ini. Ini terbukti bahawa dasar jimat-cermat Kerajaan dan dasar perbelanjaan terkawal oleh Kerajaan telah menghasilkan kedudukan ekonomi yang lebih baik.

Bagi pihak rakyat, terutamanya masyarakat kawasan saya yang kebanyakannya masih lagi miskin dan kedudukan ekonominya yang kurang stabil, ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana di dalam Belanjawan ini pihak Kerajaan telah memberi keutamaan kepada masyarakat desa yang masih miskin. Langkah-langkah Kerajaan untuk menambatkan peruntukan dalam membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan golongan miskin serta memperluaskan kemudahan infrastruktur adalah dialu-alukan oleh kami Wakil-wakil Rakyat dari luar bandar. Kami berharap dasar dan strategi Belanjawan tersebut yang mengutamakan pertumbuhan yang tinggi dengan pengawalan Kerajaan terhadap Belanjawan awam akan menjadikan satu dasar ekonomi yang boleh mengagihkan faedah-faedah ekonomi kepada yang amat-amat memerlukan supaya jurang pendapatan ekonomi antara penduduk dapat dikurangkan.

Selain daripada itu, sistem kewangan yang baru yang diperkenalkan untuk tiga Kementerian, iaitu Kementerian Kerajaan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebajikan Masyarakat ternyata satu tindakan yang positif untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat di desa. Dengan sistem pengurusan ekonomi Kerajaan yang menekankan pertumbuhan yang pesat,

peningkatan pelaburan yang tinggi serta perbelanjaan terkawal diharapkan ekonomi bertumbuh dengan baik sebagaimana yang kita jangkakan sebanyak 6.5% untuk tahun 1990 ini. Walaupun Kerajaan menyatakan pertumbuhan sebanyak itu adalah satu pertumbuhan yang perlahan, tetapi bagi saya ianya adalah satu pertumbuhan yang positif kerana pertumbuhan sebanyak itu adalah lebih baik sekiranya dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi negara membangun yang lain yang setengahnya tidak sampai 2% setahun.

Pertumbuhan pada kadar ini adalah pertumbuhan yang sihat memandangkan keadaan ekonomi dunia yang masih belum pulih sepenuhnya akibat daripada kemelesetan ekonomi beberapa tahun yang lalu. Buat apa kita mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi kalau pengurusan, perancangan, pendapatan dan perbelanjaan negara yang baik tidak dapat kita lakukan. Maka dalam konteks ini terbukti Kerajaan telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik melalui tindakan yang positif dalam pengurusan dan perbelanjaan ekonomi untuk rakyat yang seimbang dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang perlahan tetapi sihat.

Saya dapat menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah satu dasar yang baik dan berani yang belum pernah dibuat sebelum ini dan Menteri-menteri Kewangan sebelum ini. Apa yang menarik bagi saya dan saya ucapkan dasar tersebut adalah telah memberitahu kepada rakyat bahawa Kerajaan sentiasa mengambil perhatian tentang kebajikan rakyat dan sekaligus dapat menyangkal segala fitnah dan tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang selama ini telah mengkritik Kerajaan secara melulu dengan mendakwa Kerajaan tidak pandai menguruskan ekonomi negara. Mereka ini telah menghebohkan cerita-cerita karut mengenai pengurusan ekonomi tanpa bukti-bukti dan alasan-alasan konkrit sama ada di dalam, di luar negeri dan di pentas-pentas politik.

Tajuk cerita yang mereka bawa ialah kemungkaran ekonomi yang dilakukan oleh

Kerajaan. Tohmahan dan dakwah tersebut perlu dibanteraskan agar ianya tidak menimbulkan kesangsian masyarakat dan pelabur-pelabur asing yang terus memainkan peranan di dalam mengaktifkan ekonomi negara selaras dengan cita-cita untuk melihat ekonomi negara bertumbuh dengan pesat dan jayanya. Sekiranya ada pihak yang tidak bertanggungjawab masih meneruskan perbuatan khianat ini, saya khuatir pelabur-pelabur akan hilang kepercayaan kepada kemampuan negara untuk menguruskan ekonomi sedangkan kita tahu bahawa sekarang ini pelaburan swasta dalam dan luar negeri telah berkembang dengan pesat dengan jumlah peningkatan yang dijangkakan sebanyak 19% dalam harga sebenar pada tahun 1989 ini.

Berbalik kita kepada tajuk kemungkaran ekonomi yang sentiasa dilaung kuat oleh Semangat 46 khususnya, ingin saya bertanya kepada mereka apakah sebenarnya maksud kemungkaran tersebut? Apakah pihak ini tidak menyedari bahawa ekonomi negara semakin baik, semakin pulih setelah kita mengalami zaman kemelesetan ekoran daripada kemelesetan ekonomi dunia. Kita boleh dikatakan telah bernasib baik kerana dalam masa sesingkat waktu kita dapat memperbetulkan ekonomi kita walaupun tidak sepenuhnya, tetapi ianya lebih baik kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara lain yang setengahnya belum lagi pulih, malahan masih ada lagi negara yang bertambah buruk kedudukan ekonominya. Ini semua adalah kerana dasar kita yang berhati-hati di dalam menguruskan ekonomi negara sebelum ini. Pada waktu kita mengurangkan perbelanjaan negara dahulu ramai yang marah-marah Kerajaan dan menuduh Kerajaan sengaja menyekat pertumbuhan ekonomi, tetapi hari ini kita semua sedar langkah Kerajaan tersebut adalah langkah yang bijak dan berpandangan jauh.

Hasil daripada langkah jimat-cermat Kerajaan tersebut ternyata telah membuat hasil kita telah dapat mengimbangkan kemantapan ekonomi negara dengan suasana ekonomi dunia pada ketika itu dan pada masa sekarang. Kalaulah kita masih dengan perancangan tradisi yang bersifat

“biar papa asal bergaya”, sudah tentu kita akan terjerumus ke dalam perangkap ekonomi dunia yang tidak pesat dan akhirnya ekonomi negara menjadi tidak stabil dan seterusnya akan membebankan rakyat. Hari ini kita mampu dan hari ini ekonomi dunia yang masih belum pulih secara keseluruhannya kerana dasar dan falsafah kita “bersakit-sakit dahulu, besenang-senang kemudian” telah menyelamatkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di antara tohmah yang dilakukan oleh kumpulan yang saya anggap anti kepada pengurusan ekonomi jimat-cermat yang dihantui oleh perasaan kecewa terhadap kepimpinan Kerajaan hari ini ialah Kerajaan telah mengabaikan pembangunan sektor luar bandar dan telah memberi keutamaan kepada sektor-sektor besar dan industri-industri bandar dan mewah sahaja. Mereka juga mendakwa bahawa Kerajaan hari ini juga telah mengabaikan peranan dan kebajikan ekonomi kaum bumiputera terutama di dalam bidang kecekapan, nilai tambahan daya maju dan pendapatan.

Selain daripada itu, mereka juga telah mengecam pucuk pimpinan terhadap dasar industri-industri berat yang mereka anggap sebagai projek yang merugikan dan satu pembaziran ekonomi. Sebagai rakyat Malaysia, saya rasa bertanggungjawab untuk menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini akan perkara-perkara sebenar mengenai tohmah-tohmah tersebut setakat yang termampu demi menjaga maruah negara kita yang sedang meningkat di mercu di mata dunia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang saya perhatikan dan analisa, saya dapati Kerajaan hari ini dan sebelum ini tidak pernah mengabaikan tanggungjawab mereka untuk membangunkan sektor desa. Dasar-dasar pembangunan selama ini, malah semenjak kita mencapai kemerdekaan, pembangunan sektor desa yang berasaskan kepada ekonomi pertanian telah mendapat perhatian yang sewajarnya. Setiap tahun peruntukan perbelanjaan Kerajaan terhadap sektor ini sentiasa bertambah kerana

Kerajaan sedar bahawa sektor ini adalah sektor penting dalam memberi sumbangan kepada pendapatan negara ataupun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sebagai contoh, sumbangan sektor ini telah bertambah dari 20.8 peratus pada tahun 1985 kepada 21.1 peratus pada tahun 1988. Walaupun sumbangan ini dijangka akan berkurangan pada tahun 1989 iaitu sebanyak 20 peratus, namun peranan dan kedudukannya sebagai penyumbang utama kepada kegiatan ekonomi terutamanya dari segi gunatena masih lagi tidak tergugat.

Malahan dapat kita lihat bahawa daripada jumlah \$5,214 juta peruntukan perbelanjaan negara bagi tahun ini untuk pembangunan, sebanyak \$1,693 juta atau 18 peratus adalah untuk sektor pertanian. Di sini jelas bahawa Kerajaan masih lagi mengutamakan sektor pertanian di dalam dasar ekonominya. Berdasarkan kepada fakta dan hakikat tersebut, adalah tidak logik bagi Kerajaan untuk tidak memberi keutamaan kepada sektor luar bandar. Jadi dapatlah kita rumuskan di sini bahawa tuduhan yang mengatakan Kerajaan hari ini tidak mementingkan sektor pertanian adalah tuduhan liar dan tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk menyebut tentang soal Dasar Ekonomi selepas 1990 setelah berakhirnya Dasar Ekonomi Baru yang sedang dibincangkan di dalam MPEN ataupun Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Kita berkesempatan mendengar hujah-hujah daripada kawan-kawan Ahli-ahli Parlimen di seluruh negara yang berkesempatan bercakap sebelum ini dengan hujah masing-masing. Ada mereka yang menimbulkan falsafah ekonomi yang berlandaskan semata-mata kepada pendekatan “merit” yang sempit dan persaingan yang membuta tuli. Ada mereka yang berusaha untuk membasmi sistem “kuota” yang dilaksanakan di dalam Dasar Ekonomi Baru yang telah pun diterima oleh semua pihak sebelumnya. Ada mereka yang mengatakan konsep 30 peratus sebagai sasaran akhir kepada pencapaian bangsa Melayu dalam

penguasaan sektor korporat di negara ini dan seolah-olah ada pihak yang mengingini pengunduran penglibatan Kerajaan yang berleluasa dan berpanjangan dari sistem ekonomi negara.

Biar apa pun mereka bercakap, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi memihak kepada golongan muda anak-anak Melayu khususnya Pemuda UMNO Malaysia, ingin menegaskan di atas dasar bahawa kita mengetahui bahawa bangsa Melayu adalah bangsa "definitive", bangsa teras dan bangsa yang menjadi wadah kepada pembentukan masyarakat kebangsaan di negara ini; menyedari bahawa ketidakseimbangan dan ketidakadilan sosial yang wujud sejak zaman penjajahan masih lagi melanda masyarakat Melayu dan bumiputera; menyedari bahawa timbunan hutang negara kepada bangsa Melayu masih belum dijelaskan; bahawa sistem ekonomi masyarakat Melayu merupakan sistem ekonomi pinggiran yang tersisih dari sistem ekonomi utama di negara ini; bahawa arah aliran pembangunan ekonomi negara dan ekonomi dunia di masa hadapan akan terus menekankan sistem ekonomi bangsa Melayu.

Kita harus menyedari keadaan dan hakikat yang sedang dialami oleh orang Melayu, bahawa 84 peratus daripada golongan miskin adalah terdiri daripada masyarakat bumiputera; bahawa 75 peratus daripada gunatenaga di dalam sektor pertanian dan perikanan yang masih mundur dan ketinggalan terdiri daripada masyarakat bumiputera; bahawa pembentukan sebuah "community" usahawanan dan perindustrian bumiputera masih belum berjaya; bahawa peluang ke arah pembangunan sumber tenaga golongan bumiputera masih lagi terhad; bahawa daya saing dan daya maju sistem ekonomi masyarakat bumiputera masih di tahap yang lemah.

Maka, kita harus menegakkan keindukan bangsa Melayu di dalam negara mestilah diterjemahkan ke dalam semua bidang pengurusan negara termasuk penguasaan yang saksama di dalam bidang ekonomi. Bahawa Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan di dalam 20 tahun yang pertama

masih belum mencapai matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Bahawa satu dasar ekonomi yang menyeluruh dan lebih berkesan perlu digubal dan dilaksanakan selepas tahun 1990. Bahawa pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dikekalkan sebagai teras kepada dasar ekonomi negara selepas tahun 1990. Bahawa matlamat untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat di masa hadapan mestilah diseimbangkan dengan usaha menghapuskan ketidakadilan sosial dan mewujudkan perpaduan negara yang tulen dan kekal.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan memohon kepada kesemua pihak untuk memahami dan menerima hakikat ini supaya kesaksamaan di dalam pemilikan dan penguasaan ekonomi betul-betul mencerminkan nisbah penduduk di dalam negara dan selaras dengan peruntukan perkembangan negara ini. Kita mengaharapkan supaya dasar penswastan yang dilaksanakan sekarang diselaraskan dengan usaha memaksimumkan pemilikan dan penguasaan masyarakat bumiputera di dalam sektor korporat serta hasil penswastan dapat dirasai oleh golongan besar masyarakat bumiputera. Kita mengharap supaya pemilikan dan penguasaan sektor korporat digunakan sepenuhnya untuk mewujudkan sebuah sistem ekonomi bumiputera yang berdaya maju, mantap, cekap dan berupaya melahirkan kesan sampingan yang berfaedah kepada golongan bumiputera keseluruhannya.

Kita mendesak supaya peranan agensi-agensi amanah yang bertanggungjawab untuk memperbaiki taraf ekonomi bumiputera dikaji dan diperkemaskan supaya prestasi mereka benar-benar memenuhi hasrat dan aspirasi masyarakat bumiputera. Sekiranya perlu, agensi-agensi amanah yang lain mesti diwujudkan untuk menimbulkan suasana persaingan ke arah mendorong kecemerlangan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengaharapkan supaya usaha dan pendekatan yang lebih bersepadu merangkumi soal

kewangan, pemasaran, kemahiran dan teknologi dilaksanakan untuk mewujudkan usahawan-usahawan bumiputera yang tulen dan berdaya maju. Kita mendesak supaya Kerajaan melihat dasar pembangunan tenaga manusia dan pendidikan negara, membuka peluang dan memberi dan kemudahan secukupnya untuk melahirkan generasi-generasi muda Melayu yang mempunyai sikap daya saing yang kuat, gigih, berani dan tegas. Agensi amanah yang kukuh dan mampu perlu menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi untuk masyarakat bumiputera memandangkan kebanyakan institusi pengajian swasta adalah untuk golongan bukan bumiputera. Kita mengharapkan supaya pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar dijadikan teras utama kepada dasar ekonomi negara selepas tahun 1990 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas.

4.42 ptg.

**Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Kerajaan, khasnya kepada Menteri Kewangan, kerana telah mencipta satu Belanjawan yang sederhana dan baik bagi segala lapisan rakyat. Sesungguhnya saya berharap Belanjawan tahun-tahun akan datang lebih baik, menarik dan adil lagi sejajar dengan tuntutan zaman dan kemampuan ekonomi dan keperluan siasat semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut IMF (International Monetary Fund), tahun ini jiran kita, Thailand bertukar menjadi sebuah negara gajah berbelang kerana Thailand telah meningkat tarafnya dari sebuah negara membangun yang miskin kepada sebuah negara yang membangun tetapi tidak lagi terlampau miskin dan sangat bergantung kepada pertanian. Yakni, dari seekor gajah putih kepada seekor gajah berbelang.

Dalam istilah ekonomi baru, pada seekor harimau, dan dengan itu Thailand sekarang adalah harimau ekonomi yang kelima di Asian—Korea Selatan, Hongkong, Taiwan, Singapura dan Thailand.

Pertumbuhan ekonomi Thailand purata 9% satu tahun semenjak dua tahun lalu hasil dari eksport, pelancongan dan tanaman modal asing dua tahun ini ramalan adalah 10% growth yang akan menjadi jiran kita sebagai sebuah negara yang amat tinggi pertumbuhan ekonominya. Thailand berjaya walaupun ia sebuah negara pertanian seperti negara kita. Walaupun dua pertiga dari penduduknya bergantung kepada pertanian Thailand telah berjaya kerana ia menjadikan pertanian sebagai agribusiness. Yang anehnya Thailand telah berjaya walaupun ia juga ada banyak sekatan-sekatan bagi foreign investment. Amat susah bagi orang asing, tidak seperti di Malaysia ataupun di England, untuk memiliki harta dan tanah di Thailand kecuali melalui rakyat Thailand. Ekuiti dalam syarikat-syarikat di Thailand terhad kepada 49% sahaja bagi milik asing. Walaupun begitu, negara itu telah meningkat kemajuannya. Padahal, dari beberapa segi dasar ekonomi kita lebih terbuka lagi dari Thailand, lebih bebas, tetapi ekonomi kita tidak juga berkembang sehebat Thailand. Terfikir juga kita di manakah salah kita ini? Kita stabil seperti Thailand. Mungkin kerana gaji pekerja di Thailand lebih murah dari pekerja di negara kita. Atau mungkin sebab-sebab agama dan bangsa? Atau, dengan izin, kerana "interventionist policy" kita atau Malaysia masih belum ada imej sebagai satu pusat business yang viable di dunia ini? Atau masih kurang exposure, dengan izin, sebab itu pelabur-pelabur asing lebih memandangkan kepada negara-negara jiran.

Tuan Speaker, andainya, antara sebabnya ialah "intervensi Kerajaan" dalam iktisad biarlah kita tidak jadi seekor harimau kerana Kerajaan mesti teruskan "social engineering", "economic restructuring" dan usaha gigihnya bagi membasmi kemiskinan sekarang dan setelah tamatnya Dasar Ekonomi Baru nanti. Tetapi alangkah

baiknya jika penyusunan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi berlaku serentak dan ia telah berlaku demikian selama 19 tahun dan pertumbuhan ekonomi kita meningkat juga—biarpun tidak sehebat Thailand—tetapi hebat dibandingkan dengan negara-negara yang membangun yang hadir di Persidangan CHOGM dan beberapa negara jiran yang lain.

Kita telah menjadi tuan rumah yang baik lagi peramah kepada CHOGM, kepada Queen Elizabeth II dan suaminya. Suka saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Perdana Menteri dan rakan-rakannya, kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan semua rakyat di atas kejayaan yang amat membanggakan kita itu. Kita haruslah bekerja sekuat itu pula membuat persediaan bagi Tahun Melawat Malaysia 1990. Tanpa organisasi dan persediaan perinci seperti CHOGM, saya takut Tahun Melawat Malaysia 1990 akan gagal dan saya tidak ingin melihat ia gagal tetapi ada tanda-tanda ia akan gagal tanpa persiapan yang rapi seperti berlakunya bagi CHOGM. Saya juga percaya dan yakin UMNO dan Barisan Nasional akan menang pilihanraya akan datang dengan hebat kalau sekiranya UMNO dan parti-parti Komponen Barisan Nasional membuat persediaan awal secara detail, organisasinya rapi, pemimpin-pemimpin dan kader-kadernya berusaha bersungguh-sungguh seperti persiapan dan ghairah seperti menunggu CHOGM, ditambah pula dengan pelancaran dan pengumuman projek dan pembangunan serta merta dan instant employment, dengan izin, kepada kebanyakan penganggur-penganggur yang strategik. Dan semua ini boleh berlaku. Kita telah buktikan dengan CHOGM, kita telah bukti dengan sukan SEA dan tujuh pilihanraya umum sebelum yang mungkin diadakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Perbendaharaan atau Treasury, di mana-mana pun, dengan izin, seems to know the price of everything and the value of nothing, sentiasa menggesakan Kerajaannya agar mengurangkan perbelanjaan pertahanan dan keselamatan atau security and defence spending, dengan izin. Saya puji Kerajaan

kita kerana telah berjaya dari godaan biasa ini dan telah meningkat walaupun sedikit Belanjawan keselamatan dan pertahanan tetapi saya rasa 2.2% dari jumlah Belanjawan negara adalah sedikit bagi keselamatan negara kita; biarlah Belanjawan keselamatan negara sama banyak jumlahnya, paling kurang dengan jumlah pencen dan ganjaran yang berjumlah 3.2% itu. Saya suka melihat pada tahun-tahun hadapan inovasi-inovasi baru wujud dalam Belanjawan pertahanan dan keselamatan dalam dan luar negeri bagi Angkatan Bersenjata dan Polis. Setiap Kerajaan yang berwibawa harus meningkatkan lagi capability tentera dan polis kerana jika itu berlaku maka kita juga meningkatkan lagi capability dan komitmen politik kita.

Maka kerana itu amat penting sekali apa jua pun berlaku, apa juga pun keadaannya, kapabiliti Tentera dan Polis kita tidak *status quo*, bahkan kedua-dua elemen nasional ini dipertingkatkan lagi.

Tuan Speaker, sungguhpun kita sekarang relatively bebas dari ancaman komunis kita harus terus berwaspada. Khmer Rouge dan Pol Pot sedang mara dan musim berperang sudah mula bernyala kembali di Cambodia. Sebaiknya puak-puak yang berkonfrontasi di Cambodia boleh menyelesaikan persengketaan berdarah mereka melalui pilihanraya dan tidak melalui bedil dan senapang dan saya kira Malaysia dan ASEAN sedang berusaha ke arah ini. Walaupun saya rasa usaha itu tidak akan berjaya tetapi usaha itu mesti diteruskan juga.

Communism di Eropah Timur dan Russia sedang bergolak ke arah satu legacy baru. Dulu Communism adalah satu spectre atau satu hantu yang menakutkan Eropah Barat tetapi sekarang setelah 72 tahun ia berkuasa di Russia, Communism di bawah Gorbachev, nampaknya telahpun diexorcisekan atau telah terhalau dari tubuh kebanyakan Communists, sama ada melalui jampi politik atau kerana mantera kebendaan iaitu ingin perumahan yang baik; social services yang tinggi, kehidupan dan leisure yang mewah, bebas dan bangga dengan roots masing-masing.

Contohnya di Great Britain, penduduknya hanya 57 juta sahaja tetapi ada 344 TV sets bagi setiap 1,000 manusia; di Russia jumlah penduduknya 285 juta manusia, hanya mempunyai 304 TV sets sahaja bagi setiap 1,000 manusia; Romania, 166 TV sets, penduduknya 23 juta. Kita mempunyai lebih TV sets setiap seribu manusia. Dan Poland, 261 TV sets, populasinya 38 million dan Romania, Albania dan banyak lagi negara-negara yang lain yang kita atasi. Private cars, dengan izin, per one thousand: di Great Britain 333, di Russia 50, Hungary 153, Poland 112 dan di Romania, setiap seribu orang, dua sahaja yang mempunyai kereta.

Kita di Malaysia amat bertuah kerana taraf hidup kita tinggi dan sedang meningkat. Kita nikmati semua ini, kemewahan ekonomi dan keamanan, di bawah sebuah Kerajaan yang peka kepada cita-cita dan kehendak rakyat, satu Kerajaan yang stabil di bawah pimpinan yang ada visi, yang reformis dan yang ingin melihat bangsa dan negaranya maju setaraf dengan negara-negara yang maju seperti South Korea dan Australia. Kepimpinan politik dibantu oleh satu Civil Service yang neutral dan cekap by ASEAN standard. Tidak mustahil, kita akan capai taraf South Korea dari segi ekonomi, industry dan teknologi dalam satu decade lagi. Syaratnya, kita terus menyokong Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan yang berwibawa dan komited kepada pembangunan, keadilan sosial, pembasmian kemiskinan, harmony dan juga kecemerlangan.

Satu Kerajaan dan pimpinan yang sensitif kepada aspirasi majoriti rakyatnya, peka kepada keunngkaran, peka kepada inflasi yang sekarang terkawal tetapi selama mana ia akan terus terkawal? Kita harus terus berusaha ke arah mengurangkan pengangguran, banyak memberi peluang latihan dan pelajaran bagi melahirkan pekerja-pekerja dan pengurus-pengurus yang terpelajar, dedicated, amanah dan mahir.

Kerajaan harus belanja lebih banyak lagi bagi pelajaran yang bermutu, perkhidmatan sosial yang baik dan reliable serta

pembangunan jasmani yang seimbang dengan penerapan rohaniah dan etika-etika yang mulia dan murni. Kata akhbar *Sin Chew Jit Poh* bertarikh 22hb Oktober, 1989: Communism sudah gagal. Dengan izin, Professor Norman Stone of Oxford University, telah bertanya: "Is Communism in terminal decline or just in retrenchment?" *Sunday Times Magazine*, London, October 29, 1989.

Kita bernasib baik kerana kita bebas, demokratik dan mewah dan terus meningkat lagi.

Tuan Speaker, saya yakin semua ini boleh dicapai kalau semua rakyat bersatupadu antara satu sama lain khususnya Melayu sesama Melayu dan bumiputera sesama bumiputera. Tanpa perpaduan bumiputera Melayu yang kukuh, perpaduan negara agak fragile dan kefragilitinya akan membahayakan solidariti negara. Kita tidak mahu melihat siapa pun terasa "alienated" atau tersinggung, kalau boleh. Tiap-tiap rakyat kita, tidak kira bangsa dan keturunan, harus rasa terjamin dalam sebuah Malaysia yang makmur, aman dan adil. Inilah tugas dan kewajipan yang amat penting bagi Perdana Menteri Dr Mahathir dan rakan-rakannya di bawah naungan Sultan Azlan Shah, Yang di-Pertuan Agong Yang Kesembilan.

Oleh kerana perpaduan negara amat penting, saya cadangkan peruntukan untuk Jabatan Perpaduan Negara ditambah lagi dan memikirkan perlunya Department itu dipertingkatkan lagi dan jika perlu tarafnya dan scopenya ditukar sesuai dengan tugasnya yang amat penting itu. Saya juga mohon supaya allocations bagi Wisma Putra, promosi tourism, foreign trade dan external publicity dilipatgandakan lagi bagi memancar imej kita yang lebih baik dan promosi trade di luar negeri. Kita telah ada asas yang kukuh yang telah kita bina melalui Wisma Putra dan Kedutaan-kedutaan kita. Kita harus tingkatkan kapabiliti mereka dengan kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif yang cukup dan menarik bagi diplomat-diplomat kita, pegawai-pegawai dan attache-attache kita yang bertugas di seberang laut.

Tuan Speaker, waktu saya bercakap tidak lama dahulu, tahun lepas atau tahun-tahun sebelumnya dalam Dewan yang mulia ini tentang kemungkinan Perdana Menteri, Dr Mahathir berterusan menjadi Perdana Menteri, on and on, on and on sehingga usia 69 tahun atau 70 tahun, banyak orang sceptical dan mengejek-ejek. Ada yang mempersenda-sendakan, apa lagi setelah Dr Mahathir jatuh sakit awal tahun ini. Tetapi sekarang banyak pula yang mengatakan kepada saya bahawa nampaknya ramalan saya itu agak tepat berdasarkan tanda-tanda yang wujud dan apa lagilah apabila Lee Kuan Yew pun berkata demikian selepas CHOGM. Kalau Lee Kuan Yew telah bercakap demikian dengan pengalamannya selama 30 tahun menjadi Perdana Menteri Singapura dan telah memenangi 9 pilihanraya umum, kemungkinan besar Dr Mahathir akan terus memerintah Malaysia sehingga pertengahan tahun 1990an, lebih ternyata lagilah, kecualilah Allah s.w.t. takdirkan yang lain pula, kata mereka sebelum itu.

Tuan Speaker, Margaret Thatcher se kembalinya dari CHOGM satu hari sahaja Menteri Kewangannya Nigel Lawson berhenti dan satu rombakan Kabinet besar telah berlaku melibatkan tiga Menteri kanannya, Menteri Luar, Menteri Kewangan dan Menteri Dalam Negeri, dan sekarang Mrs Thatcher telah berkata ia akan bersara selepas pilihanraya akan datang mesti diadakan pada tahun 1992. Kalau itu berlaku, beliau menjadi Perdana Menteri Great Britain yang paling lama sekali di abad 20, lebih 12 tahun berturut-turut bergantung bila dia berhenti dan andainya beliau menang, iaitu pada tahun 1992 atau sebelumnya. Namun begitu Mrs Thatcher sudahpun 10 tahun menjadi Perdana Menteri Great Britain. Nampaknya, even Mrs Thatcher, dengan izin, the "Iron Lady" is under heavy pressure. Tetapi tidak Dr Mahathir. Benazir Bhutto, se kembalinya dari Kuala Lumpur, telah disambut oleh krisis politik dan beliau telah selamat dari dijatuhkan hanya dengan kelebihan undi yang kecil sahaja.

Dan dia masih lagi belum benar-benar terselamat dari usaha musuh politiknya yang ingin menjatuhkannya. Ini menunjukkan betapa stabilnya politik negara kita dan ketidak stabilnya setengah-setengah negara. Dr Mahathir dan kerajaannya selamat dan tanda-tanda wujud ia akan selamat kalau sifir politiknya tidak salah dan saya kira Dr Mahathir tidak akan tergoda dengan keadaan semasa yang pada zahirnya amat menarik.

Saya suka melihat pemimpin-pemimpin sebuah negara itu memerintah selama yang boleh asalkan mereka diterima oleh rakyat dan membawa negara dan rakyatnya ke tahap dan darjat yang lebih tinggi lagi.

Lee Kuan Yew sudah 30 tahun. Suharto 23 tahun. Nampaknya dia akan terus memimpin Indonesia selepas tahun 1993 apabila pemilihan presiden berlaku. Mrs Thatcher seperti saya sebutkan tadi sudah 10 tahun lebih menjadi Perdana Menteri Great Britain. Dr Mahathir baru 8 tahun sahaja, tidak sampai 1/3 dari masa Lee Kuan Yew dan kurang separuh dari masa Suharto dan masih kurang 5 tahun dari tempoh Tunku Abdul Rahman. Kalau saya dan Lee Kuan Yew tidak salah Dr Mahathir dan Barisan Nasional akan terus memerintah satu dua tiga kali pilihanraya lagi. Sementara itu janganlah pula ambil risiko kerana masa berada di pihak kita. Corak kepimpinan Thatcher dipersoalkan, politik Benazir Bhutto dirundung malang tetapi belum malang lagi. Tetapi usaha sedang dibuat bagi merusakkan kewibawaannya dalam dunia politik Pakistan. Begitu juga Thatcher. Saya mohon agar kita di Malaysia ini tidak menggadaikan tuah politik kita hari ini.

Tuan Speaker, apabila saya bersara nanti, saya harap negara kita telah jadi South Korea dan Australia dari segi kemodenan teknologi dan industri. Malaysia telah menjadi sebuah negara demokrasi yang subur, rakyatnya maju dan gagah, berdikari, yakin tentang kebolehan sendiri, self-confident, bersatu padu, berdaulat, satu bangsa dan satu negara yang resilient. Ini semua akan wujud jika kita teruskan Dasar

Ekonomi kita yang terbuka ini tetapi Dasar Ekonomi yang juga ada "social conscience". Perpaduan negara segar bugar, pelajaran bermutu berkembang terus dan rakyat berdisiplin. Kita akan terus mara dan meningkat, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1990 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Parit Sulong.

5.04 ptg.

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Anggaran Belanjawan 1990 bagi Maksud Belanja Mengurus dan perbelanjaan Pembangunan \$33,405,677,300.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa terhad saya ambil keputusan untuk tidak menggunakan mukadimah yang panjang dan berbunga-bunga.

Tuan Yang di-Pertua, strategi belanjawan 1990 adalah melegakan. Yang pertama, mengekalkan pertumbuhan di tahap yang tinggi. Dengan adanya berbagai-bagai galakan atau insentif yang disediakan dan usaha-usaha yang dijalankan bagi menarik pelabur-pelabur ke negara ini dan juga galakan-galakan eksport menyebabkan industrialis-industrialis mencari berbagai-bagai jalan bagi mempertingkatkan lagi usaha mereka.

Malangnya, setengah-setengah bank di mana pengusaha-pengusaha itu ingin mengembangkan pengeluarannya bank-bank di mana syarikat-syarikat ini mendapat pinjaman tidak ada menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti ECR, LC dan lain-lain. Dan dengan yang demikian apakala hendak meminjam modal pusingan terpaksa mencari bank yang lain pula bagi mendirikan faktori dan membeli mesin-mesin yang diperlukan. Dan ini sudah pasti akan melambatkan

pengurusan pengeluaran dan kerja-kerja menjadi stagnant dan boleh menjadi kepada patah semangat. Itu perkara besar. Dalam perkara kecil pun, Tuan Yang di-Pertua, transaction bank adalah sangat-sangat tidak menggalakkan.

Umpamanya sekeping cek tunai yang dikirimkan dari daerah yang berdekatan untuk ditunaikan di Bank Bumiputera mengambil masa untuk diclearkan sampai 14 hari. Dan kalau tolak cuti umum tinggal 10 harilah baru boleh diclearkan. Dan juga antara Bank Negara dengan Bank Bumiputra pun kalau ada cuti am mengambil masa seminggu baru boleh diclear.

Contohnya, katalah elaun Parlimen kami bagi bulan Oktober sehingga 7hb baru clear pada hal sudah dimasukkan sebelum Deepavali lagi. Jadi sedangkan dua keping cek telah dikeluarkan tiap-tiap 2hb, bermakna tiap-tiap bulan wang pelanggan dipotong \$200, \$100 satu kerana tidak dapat ditunai pada tarikh yang tercatat pada cek yang tersebut. Keadaan ini dirasakan amatlah berat kepada orang yang lain yang menanggungnya dan diharaplah keadaan ini dapat diperbaiki.

Strategi Belanjawan yang kedua ialah mengawasi kenaikan harga. Kenaikan harga barang-barang amat dirasakan dan rakyat merasa sangat perit terutamanya barang-barang dalam tin. Harganya naik dengan mendadak seperti Milo, susu Nespray yang dulunya \$5.30 sekarang sudah \$7.35 dan ada setengah shopping complex jual pula sampai \$7.90. Harga minyak makan pun berbeza-beza di antara satu pusat jualan dengan satu kedai dan ini adalah amat memberatkan.

Harga-harga rumah yang dicadangkan oleh Kerajaan supaya diturunkan dengan menurunkan hanya bahan-bahan tetapi pemaju perumahan terus menaikkan kadar harga rumah dengan alasan harga besi mahal seolah-olah pemaju perumahan itu langsung tidak mengindahkan arahan kerajaan dan langsung tidak memberikan kerjasama. Apatah lagi pula Ahli-ahli Parlimen, peruntukan pinjaman perumahannya

hanyalah setakat \$60,000 sahaja tentulah tidak dapat membeli sebuah rumah yang sempurna. Maka dengan ini kami mohonlah supaya dipertimbangkan pinjaman perumahan kepada Ahli-ahli Parlimen (*Tepuk*) dapat diberikan sebagaimana pegawai-pegawai yang lain, sekurang-kurangnya \$150,000 hingga \$180,000lah. Yang setuju kata setuju, yang tidak kata tidak! . . . .

**Seorang Ahli: Setuju! (Ketawa)**

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Sedangkan Ahli-ahli Parlimen ini masih ramai lagi yang masih belum meminjam pinjaman perumahan ini.

**Seorang Ahli: Saya menumpang!**

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Yang ketiganya ialah meneruskan ke atas perbelanjaan awam. Itulah strategi-strategi Belanjaan negara. Selain daripada itu untuk menambahkan peningkatan ekonomi ialah Kementerian Perusahaan Awam iaitu tentang apakala sesuatu kenderaan itu telah tamat tempoh perमितnya selama 7 tahun, kenderaan itu sudah tidak boleh berfungsi atau berjalan lagi melainkan sehingga proses kelulusan baru itu diluluskan barulah kenderaan-kenderaan tadi dapat berjalan semula dan ini menimbulkan kesusahan kepada mereka yang menjalankan perniagaan pengangkutan.

Yang keduanya kami juga ingin tahu atas dasar apa permit itu dikeluarkan adakah mengikut kuota, mengikut permintaan negara, mengikut permintaan anak buah, mengikut apa juga dan atas rujukan apa. Kerana ada orang betul-betul memerlukan permit-permit ini tetapi tidak dapat. Syarikat yang tidak sangat memerlukan itu adalah diluluskan.

Umpamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Berjuta-juta projek untuk mengangkut tanah merah bagi membina jalan diluluskan. Tetapi malangnya pembekal-pembekal, lori tidak ada, permit tidak ada; ada pun pembekal-pembekal daripada orang

lain mereka sabotage kerana yang dapat peruntukan adalah terdiri daripada bumi-putera dan sehingga bulan November sudah musim hujan jadi teruskan projek itu tidak dapat dilaksanakan. Maka ini akan menimbulkan kemarahan rakyat kepada kerajaan kerana tidak memberikan peruntukan kepada kawasan luar bandar.

Selain daripada itu, bagi pengusaha-pengusaha yang menjalankan kenderaan limousine, biasanya, basenya mestilah di hotel, sedangkan hotel-hotel itu masing-masing sudah ada limousinenya sendiri. Sepatutnya Kementerian Perusahaan Awam membenarkan supaya limousine-limousine ini menggunakan syarikat-syarikat travel agents itu sendiri sebagai basenya dan tidak payah menggunakan hotel supaya mereka tidak payah membayar sebahagian daripada pendapatannya kepada pihak hotel.

Saya pujilah Bank Negara, oleh kerana sekiranya seseorang hendak memohon untuk menjadi pengurup wang (money changer), setelah pihak bank mengkaji dan menapis dahulu dan permohonan itu berjaya, maka barulah pemohon tersebut menghantar surat permohonan meminta penerangan mengenai kemudahan-kemudahan, syarat-syarat dan lain-lain, maka pemohon itu dengan senang hati boleh menghantar permohonan mereka. Berbeza dengan Kementerian Perusahaan Awam ini, kalau seseorang itu hendak memohon permit, pihak Kementerian meminda dahulu segala macam syarat seperti invoice, indent, siapa hendak pajak lori dan sebagainya, akhirnya jawapann yang diterima tidak berjaya, sedangkan orang itu sudah mengeluarkan banyak modal dan banyak belanja tetapi jawapannya—nil, jawapannya tidak berjaya.

Selain daripada itu, dalam mempertingkatkan imej negara, kita selalu menghantar wakil-wakil ke persidangan-persidangan dan seminar-seminar seperti AIPO, IPU, ke Singapura dan lain-lain. Yang saya dapati, orang itu, orang itu juga yang pergi, wanita hanya ada dua tiga kerat. Tiap-tiap kali borang diisi tetapi tidak pernah mendapat perhatian. Di lain kali

diharapkan mendapat perhatian supaya wanita ini dapat diberi peluang juga kerana kalau wanita diberi peluang, mereka akan mendapat lebih perhatian-perhatian daripada negara yang mereka pergi itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu, apabila dihantar peserta-peserta lelaki ke seminar-seminar ini, banyak yang ponteng, ambil gambarlah dan ada pula semasa orang memberi ucapan, mereka tidur. Tetapi wanita, bila balik, cuba suruh mereka membuat laporan, mereka boleh berikan laporan yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam kita dengar, semasa soal jawab di Dewan Rakyat ini, masalah sekolah-sekolah agama rakyat yang tidak mendapat pembelaan ataupun perhatian daripada Kementerian Pendidikan. Mengecupnya sekolah-sekolah agama rakyat ini adalah dengan sebab hendak menampung murid-murid sekolah yang tercicir daripada sekolah-sekolah Kerajaan. Maka dengan sebab itu murid-murid ini terpaksa menumpang di balairaya-balairaya. Ini terdapat di kawasan saya sendiri, kawasan Parlimen Parit Sulong, kemudian kawasan itu dilanda banjir, sekolahnya roboh dan apabila hendak periksa terpaksa berpindah-randah. Pada masa ini mereka terpaksa menumpang di bangunan UMNO lama yang tidak digunakan lagi dan berada di dalam keadaan yang sangat menyedihkan.

Oleh sebab murid-murid ini adalah sisasiswa daripada Kementerian Pendidikan, maka saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan patutlah memberikan sedikit bantuan dan juga sedikit habuan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah ini dan biasanya sekolah agama rakyat ini memberikan keputusan peperiksaan yang sangat memuaskan, di mana pada masa ini sekolah-sekolah agama rakyat ini mendapat sambutan yang sangat baik, umpamanya Sekolah Agama Rakyat Madrasah Attas, Johor Bahru itu. Pegawai-pegawai tinggi Kerajaan pun sekarang ini semuanya tidak sebak menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris atau sekolah internasional lagi, tetapi kebanyakan mereka

menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama, termasuklah mereka dari Sabah, Sarawak, Brunai dan lain-lain negara.

Selain daripada itu Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ada terdapat berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan, tetapi ibubapa akan memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan kerana prestasi sekolah itu adalah lebih baik dan lebih menggalakkan. Tetapi malangnya, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ini sangat usang dan tidak lengkap di mana terdapat papan hitam-papan hitamnya pun kadang-kadang berlobang-lobang macam bekas kena tembak. Saya pernah memohon sedikit peruntukan daripada Kementerian Pendidikan dan jawapan yang saya terima ialah, sudah dihantar Pegawai Pendidikan Daerah untuk menyiasat. Sekarang sudah hampir tiga tahun dan permintaan itu bukanlah banyak sangat, \$15,000 sahaja tetapi sehingga hari ini belum mendapat perhatian. Tiap-tiap kali apabila hendak mesyuarat agung UMNO, Wakil Rakyat susahlah kerana kena hentam daripada ketua cawangan masing-masing.

Selain daripada itu, saya berharap di masa akan datang Kementerian Pendidikan ini apakala hendak mendirikan sekolah-sekolah, tolonglah membuat kajian yang terperinci dan betul supaya tidaklah terjadi di antara satu sekolah dengan satu sekolah yang lain tidak terlalu dekat, satu batu, satu setengah batu, itu tidak apalah juga, tetapi yang menyedihkan ialah murid-murid hanya ada 60 orang, 55 orang. Ini disebabkan penduduk di situ sudah tidak produktif lagi dan ada juga penduduk-penduduk di situ yang telah memasuki rancangan FELDA, FELCRA dan lain-lain. Jadi tiada orang di situ tetapi masih didirikan sekolah dua tingkat, tiga tingkat, sedangkan sekolah-sekolah yang ada yang ramai juga murid-muridnya tidak terdapat kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti padang, pusat sumber, ada sekolah yang tidak ada bekalan elektrik, perpustakaan dan lain-lain lagi. Sekiranya hendak membuat sekolah itu biarlah betul-betul, janganlah cara alang-kepalang sahaja.

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian dalam usaha hendak menggalakkan bumiputera supaya menceburi lapangan laut dalam ini, tentulah orang yang memohon itu tidak mempunyai cukup modal untuk membina botnya dengan belanja yang penuh. Bank Pertanian apabila hendak menolong mereka yang hendak menjalankan perusahaan laut dalam ini, tolonglah beri bantuan yang mencukupi dan lengkap supaya janganlah daripada musim tengkujuh yang lepas, sampai ke musim tengkujuh tahun ini dan sehinggalah musim tengkujuh yang akan datang belum juga dapat beroperasi bot-bot perusahaan laut dalam ini. Akhirnya pihak Kementerian akan menarik balik lesen-lesen ini dan akhirnya tidak sampailah hajat Kerajaan untuk mengurangkan import-import ikan dari Thailand dan tempat-tempat lain, sedangkan hasil penangkapan ikan daripada laut dalam ini adalah sangat baik. Dengan sebab itu patutlah ditolong segerakan kalau ada pengusaha-pengusaha yang benar-benar berminat dan ingin hendak menjalankan perusahaan laut dalam ini.

Berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan, terutama sekali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang memberi perhatian yang berat kepada penduduk luar bandar dan juga Menteri Kewangan dengan memperuntukkan sebagaimana yang dijanjikan iaitu 2/3 daripada Budget negara kepada pembangunan luar bandar ini. Apa yang menjadi kemuskilan saya ialah tentang pelaksanaan peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan. Umpamanya, Timbalan Perdana Menteri telah meluluskan satu peruntukan berjumlah \$180,000 kepada kawasan saya, tetapi sehingga bulan November ini belum lagi dapat dilaksanakan sedangkan musim hujan sudah tiba. Bagaimana hendak menambak jalan-jalan kampung dengan tanah merah, mendirikan surau dan lain-lain lagi. Jadi saya berharap dan menyeru, bila projek-projek yang seumpama ini tidak dapat dilaksanakan, sedangkan masa sudah sampai akhir tahun, supaya dapatlah direvotekan peruntukan ini bagi tahun hadapan pula.

Pihak Kementerian banyak memberikan perhatian kepada penduduk-penduduk di luar bandar sahaja sedangkan orang Melayu yang tinggal di bandar-bandar pun masih ada di dalam keadaan yang daif, di mana masih ada lagi rumah-rumah yang atapnya bocor dan rumah-rumah yang atap zinc yang buruk yang patut diberikan bantuan. Keadaan kedai-kedai MARA di persisiran pantai di Batu Pahat itu, yang terletak di tengah-tengah bandar, masih lagi dalam keadaan primitif dan agak "savage" kerana masih menggunakan generator lagi sebagai membekalkan tenaga dan lampu. Jadi, sepatutnya pihak-pihak Perancang Bandar menyusun keadaan di bandar supaya bangunan-bangunan yang ada dalam bandar itu didirikan dengan keadaan yang sesuai dan bangunannya yang standard. Tidaklah dalam keadaan yang bertampal-tampal dan bersambung-sambung dengan papan-papan, tong dan lain-lain lagi. Kalau musim hujan di bandar Batu Pahat, tidak sampai dua jam sudah banjir kerana parit-parit yang dibina sebelum perang belum lagi diberi perhatian dan diperbaiki.

Selain daripada itu, jalan-jalan di luar bandar ada yang pihak Kerajaan telah bersetuju supaya dinaikkan taraf ke jalan tar dan oleh kerana pihak Pejabat Tanah, pengambilan balik tanah, bayaran pampasan semuanya tidak dijalankan, akhirnya sehingga 5 tahun, ada yang sehingga 7 tahun masih lagi jalan itu belum dapat dibina. Jadi, bila jalan tidak dapat dibuat, bekalan air tidak dapat dimasukkan walaupun batang paipnya telah dimasukkan sehingga hampir 7 atau 10 tahun. Ini ialah kerana reserve jalan itu kepunyaan orang kampung. Jadi, belum dibayar pampasan pengambilan balik dan sebagainya maka ini yang menjadikan tergendala kepada orang kampung hendak membawa keluar hasil-hasil tanaman mereka. Walaupun begitu, mereka ini adalah terdiri daripada rakyat yang bersyukur maka dengan sebab itu yang banyak menyimpan dalam Amanah Saham Nasional ialah mereka yang terdiri daripada petani-petani, pekebun-pekebun kecil dan juga nelayan-nelayan. Rasa saya, kita ini orang yang kerja Kerajaan, yang makan gaji ini pun

sedikit sangat yang telah simpan \$50 ribu tetapi kalau pergi ke luar bandar kebanyakannya simpan maksimum \$50 ribu dan mungkin apabila dinaikkan \$100 ribu ini pun mereka akan turut menyimpan setakat maksimum.

Selain daripada itu, rumah-rumah Kerajaan yang terletak di dalam bandar yang mana ini tidak patut lagi dibiarkan hendaklah diberikan notis supaya dirobohkan kerana di Batu Pahat juga saya sebutkan di sini, bila kita pergi ke Jabatan Agama yang menggunakan rumah Kerajaan, keadaannya sangatlah dhaif, sangatlah teruk dan macam mana kalau orang datang hendak mengadu hal, tidak ada "privacy" langsung kerana bangunannya adalah begitu uzur sekali. Jadi, sepatutnya JKR sudah memrintahkan supaya bangunan-bangunan yang uzur dan usang yang tidak boleh digunakan lagi. Jadi, dengan segeralah pihak yang berkenaan akan mendirikan bangunannya sendiri dan tidak lagi menumpang rumah-rumah Kerajaan yang lama.

Bagi Kementerian Kesihatan iaitu para-para doktor, terutama yang pakar-pakar jantung, pakar-pakar urat-saraf dan lain-lain, mereka menjalankan kerja begitu dedikasi sekali tetapi gaji dan pendapatan mereka adalah tidak memuaskan. Maka dengan sebab itulah kita kekurangan para doktor. Masing-masing bila sudah dapat pengalaman lari, pindah pergi bekerja di tempat lain. Kerana mereka ini bekerja 24 jam. Pembedahan ini dilakukan 24 jam begitu juga "nurses" yang menjalankan tugas itu, mereka adalah sentiasa terdedah kepada bermacam-macam virus. Kadang-kadang virus AIDS, kadang-kadang kanser dan lain-lain lagi, kerana pesakit-pesakit ini tidak boleh ditinggalkan langsung. Jadi, saya tengok kadang-kadang mereka hendak makan-minumpun cuma setakat beli air kopi dalam plastik dan minum teh dalam plastik sahaja. Jadi, makan-minum semuanya tidak tentu masa, terpaksa menjaga pesakit. Maka, dengan sebab itu saya minta supaya dipertimbangkan elaun-elaun mereka bagi pakar-pakar ini. Haraplah beri elaun yang tertentu setiap kali mereka menjalankan pembedahan.

Tentang perumahan bagi kakitangan Kementerian Kesihatan ini memanglah boleh dikatakan tidak ada. Kalau adapun zaman British dahulu jenis rumah Kelas 11 iaitu rumah yang tidak ada bilik. Mereka ini mengharapkan perumahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sedangkan Kerajaan Negeri adalah sentiasa mengutamakan kakitangannya sendiri. Jadi, kalau orang Federal hendak minta rumah memanglah sangat susah untuk dipertimbangkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya bentangkan di sini. Mudah-mudahan saya akan bawa lagi apakala sampai pada peringkat Jawatankuasa. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai lagi yang hendak berucap. Kita hanya ada esok sahaja satu hari. Kalau bolehlah, saya minta kurangkan sedikit masa itu daripada 25 minit kepada 15 minit, bolehkah? Kalau tidak, ada orang yang tidak boleh berucap. Saya minta Ahli dari Sabak Bernam berucap.

5.24 ptg.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya seperti rakan-rakan yang lain turut sama mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1990. Pertama sekali dalam memperkatakan Belanjawan ini, saya mewakili penduduk dan pengundi-pengundi daerah Sabak Bernam mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih serta penghargaan yang tinggi kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan Belanjawannya yang sebegitu rupa, yang telah banyak diperkatakan oleh rakan-rakan saya yang telah memberikan ucapan yang terdahulu daripada ini.

Dalam memperkatakan Belanjawan ini, bagi saya yang menarik sekali bagi rakyat di kawasan luar bandar khususnya, rakyat Sabak Bernam sendiri ialah tentang penurunan cukai kenderaan yang diberikan

oleh Menteri Kewangan ini di mana penurunan ini amat dirasakan sekali oleh penduduk-penduduk luar bandar, khasnya pengundi-pengundi di Sungai Besar yang baru menghadapi pilihanraya kecil. (*Tepuk*)

Penurunan cukai ini dirasakan sekali kerana Sabak Bernam merupakan satu kawasan yang terbanyak sekali penduduknya yang mempunyai kenderaan motosikal. Boleh dikatakan bahawa kenderaan motosikal yang terbesar di negara ini dari Sabak Bernam. Boleh "check" kalau tidak percaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli dari Batu Berendam bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya hendak tahu penurunan cukai motosikal ini diturunkan selepas ataupun sebelum "by-election" di Sungai Besar hari itu?

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, "by-election" di Sungai Besar diadakan pada 1hb dan Belanjawan kita dibentangkan pada 27hb Oktober. Jadi, bermakna penurunan cukai ini dilakukan sebelum "by-election" kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas atau sebelum?

**Beberapa Ahli:** Selepas!

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, gangguan nam-paknya. Sebenarnya boleh dikatakan setiap rumah mempunyai kenderaan dan kenderaan ini mempunyai cukai. Walaupun demikian oleh kerana banyaknya tempat ini mempunyai kenderaan dan selalu berlaku kemalangan dan kemalangan ini melibatkan ragutan nyawa dan beberapa kejadian yang buruk yang lain. Oleh yang demikian, beberapa kali selalu saya menekankan soal Sabak Bernam ini diwujudkan sebuah Hospital Daerah. Alhamdulillah, semasa menghadapi pilihanraya ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa daerah Sungai Besar akan

didirikan sebuah hospital yang baru. Akan wujud sebuah hospital dalam jangkamasa tidak berapa lama lagi. Janji ini saya berharap akan dapat dikekalkan dan ditunai-kan khasnya kepada Kementerian Kesihatan di mana janji yang serupa pernah diberikan di Dewan ini. Saya telah diberitahu oleh Wakil Rakyat yang terdahulu dari saya bahawa apabila sampai masanya perkara itu dipindahkan ke tempat yang lain.

Oleh yang demikian, saya berharap bahawa wujudnya hospital yang baru ini akan mengatasi masalah penduduk daerah ini yang seringkali dibangkitkan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, Sabak Bernam dan kawasan Sungai Besar baru sahaja selesai pilihanraya kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa seperti yang dinyatakan oleh rakan saya dari Sepang dalam pilihanraya yang lalu, kita amat menyesali atas sikap dan tindakan yang dilakukan oleh parti lawan di mana mereka telah bertindak sesuka hati, telah bertindak melanggar batas-batas peraturan dan undang-undang. Seolah-olah mereka mengeneipkan langsung soal keselamatan, soal undang-undang negara dan mereka ingin berkuasa sendiri dan ingin mendirikan undang-undang sendiri.

Saya nyatakan demikian, kerana akhbar telah membuat liputan di mana peristiwa penahanan Menteri Besar Selangor dan rombongan oleh parti lawan, Parti PAS dan Parti Semangat 46.

Saya suka menyatakan dan memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa saya sendiri adalah terlibat, adalah menjadi mangsa kepada penahanan ini. Oleh hal yang demikian, selaku orang yang menerima nasib yang malang di saat-saat kita melaungkan demokrasi, di saat-saat kita ingin meraih undi daripada pengundi-pengundi, di saat kita ingin menawarkan bakti kepada rakyat, ada parti lawan yang ingin bertanding, tetapi apabila melihat di

saat akhir mereka hampir kecewa, mereka pasti akan kecundang, mereka telah menggunakan taktik yang kotor, menggunakan taktik yang belum pernah dilakukan di daerah itu, mereka telah mencemar, menahan kami yang lalu di sebatang jalan yang merupakan jalan awam, jalan orang ramai yang tidak sepatutnya mereka lakukan. Mereka telah melakukan kekerasan, mereka telah menahan dan mengugut, mereka telah menggunakan kata-kata kesat sehingga menimbulkan perkataan "bunuh mereka, potong kepala, darahnya halal". Inilah perkataan yang dikeluarkan oleh parti lawan, Parti PAS dan Parti Semangat 46.

Saya jelas melihat gambaran ini kerana mereka memakai lambang 46 dan juga PAS.

Tuan Yang di-Pertua, kerana perbuatan ini rasanya amat bertentangan dengan tatasusila dan budaya Sungai Besar sendiri atau Sabak Bernam sendiri, satu kawasan yang aman, damai yang belum pernah menghadapi masalah yang seperti ini dalam sebarang pilihanraya. Tetapi kali ini telah dicemarkan oleh orang-orang luar, oleh penyokong-penyokong yang datang dari seluruh negara. Hal ini amat dikesali sama sekali, bukan sahaja mereka menahan dan menaburkan fitnah, tetapi mereka juga telah mengeluarkan kata-kata kesat dan memberikan ugutan-ugutan, di mana saya nampak sendiri mereka membawa kayu, besi dan parang. Hal ini amat dikesali, kerana pihak keselamatan juga lambat bertindak, jarak antara kejadian yang berlaku lebih kurang tidak sampai 30 rantai, 30 rantai bermakna kurang dari setengah batu, di mana pihak Polis lambat bertindak dan tidak dapat memberikan bantuan. Saya hairan kenapakah perkara ini boleh terjadi sedemikian rupa.

Saya menarik perhatian kepada akhbar semalam di mana Ketua Polis Negara telah memberikan amaran, bahawa Polis akan mengambil tindakan kepada mana-mana parti yang melakukan keganasan menjelang Pilihanraya Umum akan datang. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, amaran saya tidak bererti kalau tidak diberikan kenyataan,

biarlah kejadian yang baru berlaku ini di-siasat dan diambil tindakan seterusnya kepada mereka yang menyeleweng, kepada mereka yang melanggar undang-undang negara ini.

Kita tidak mahu tumpahan darah berlaku, kita tidak mahu kepala putus ataupun jiwa melayang, baru tindakan akan diambil. Peristiwa yang berlaku kepada kami telah nyata dan jelas bahawa taktik parti lawan ini bukan sahaja menakut-nakutkan, tetapi sehingga peringkat kepada menimbulkan rusuhan. Kalaulah tidak dengan kesabaran kami di pihak UMNO sendiri, pihak Barisan Nasional sendiri, kemungkinan tercetus peristiwa yang buruk. Mungkinkah peristiwa Memali akan berulang balik? Kerana berita-berita dan laungan Memali, semangat Memali ditiupkan pada pagi subuh itu. Inilah satu insiden yang buruk, yang tidak patut berulang lagi, dan kita ingin mengingatkan kepada parti-parti lawan dan juga Kerajaan khususnya pihak Polis supaya menyiasat perkara ini, dan mengambil tindakan sebelum perkara yang buruk berlaku lagi, sedangkan di kawasan yang begini aman, di kawasan yang begini selesa, di kawasan Parti UMNO berkuasa daripada mula diadakan pilihanraya sampai masa kini, kubu terkuat boleh dice-robohi. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan lain menjelang Pilihanraya Umum yang akan datang, mungkin kumpulan-kumpulan ini akan menggunakan kekerasan seterusnya dan akan bertindak lebih liar lagi, akhirnya keadaan negara kita ini akan menjadi keadaan yang tidak diingini.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Marang.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
Apakah benar ada dakwaan yang mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor ditangkap oleh Kumpulan 46 dan PAS ini, kerana beliau beserta anggota rombongannya sebanyak 7

buah kereta telah lewat, iaitu telah lebih daripada jam 12.00 malam, pukul 3.00 pagi membawa senapang, membawa risalah-risalah, membawa wang untuk disebarikan kepada pengundi-pengundi. Apakah dakwaan ini benar, kerana saya tidak ada, Yang Berhormat ada. Terima kasih.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya suratkhbar *Harakah* telah menimbulkan cerita ini, cerita yang tidak benar, yang bohong, yang sengaja diada-adakan, kerana pada malam itu dikatakan Yang Berhormat Menteri Besar dengan rombongan melanggar peraturan, berkempen lewat jauh malam, meruntuhkan bendera PAS, membawa parang, membawa senjata, membawa wang dan sebagainya.

Saya suka menyatakan bahawa ini adalah fitnah semata-mata bahawa Barisan Nasional telah berkempen dan menamatkan kempenya pada malam itu pada jam 10.30 malam, iaitu kempen terakhir di rumah saya sendiri dan dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sedangkan Parti PAS dan Kumpulan Semangat 46 telah menamatkan kempenya hampir jam 12.00 malam.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Marang bangun pula.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat membenarkan dia, saya membenarkan 15 minit sahaja untuk menghabiskan ucapan.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sedikit sahaja, setengah minit. Kalaulah tidak benar sedangkan akhbar *Harakah* menyatakan demikian, apakah cadangan dan rancangan tindakan yang akan dihadapkan kepada akhbar *Harakah*?

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Saya pulangkan kepada pihak yang berkuasa untuk menyiasat dan mengambil perhatian kalau perkara ini menyeleweng, tindakan perlu diambil.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengatakan bahawa kejadian ini sungguh memalukan dan sepatutnya tidak dilakukan oleh mana-mana parti, kerana kita sama-sama berjuang untuk mendapatkan kepercayaan rakyat dan sama-samalah kita menyanjung demokrasi, mengamalkan sifat-sifat dan prinsip Rukunegara dan menghormati undang-undang.

Saya ingin menyeru kepada parti-parti lawan yang ingin bertanding dalam pilihanraya yang akan datang demi untuk mengekalkan kesejahteraan, mengekalkan keamanan dan menjaga imej negara hari ini, kita mesti ketepikan perkara-perkara ini. Kalau tidak, tidak bererti Belanjawan yang sebegini rupa, peruntukan yang begini besar untuk membangunkan luar bandar dan sebagainya, tidak bermakna kalau negara kita kucar-kacir, kalau negara kita tidak aman, kalau negara kita jadi padang jarak padang terkukur. Walaupun demikian, saya mengucapkan tahniah juga kepada pihak Polis kerana berjaya mengatasi masalah ini, walaupun agak lambat seperti yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara lain. Saya suka menyatakan di sini bahawa di bawah kepimpinan negara kita hari ini, di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, bahawa negara kita telah aman, negara kita maju, kewangan negara kita stabil dan insya Allah kita akan menjadi sebuah negara yang maju di rantau ini.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah tahun ini sampailah atau genaplah pusingan perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Kesembilan. Dalam perlantikannya baru-baru ini Ahli-ahli Parlimen telah dijemput sama, terima kasih kepada pihak yang menganjur dan

mengundang, tetapi yang mendukacitakan saya dan menjadi tanda tanya, kenapakah dalam peristiwa yang sebegini besar, perlantikan 5 tahun sekali, perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ini hanya Wilayah Persekutuan dan negeri Perak sahaja mendapat Cuti Umum, sedangkan Negeri-negeri yang lain adalah bekerja seperti hari biasa.

Ramai rakyat di kawasan saya bertanya, kalau Sukan SEA kemenangan melebihi 60 medal mas kita boleh isytiharkan sebagai Cuti Umum, kenapakah perlantikan Agong 5 tahun sekali tidak diisytiharkan sebagai Cuti Umum. Oleh hal yang demikian saya menyarankan kepada Dewan ini supaya pihak Kerajaan mengkaji, meneliti dan seterusnya menimbangkan di masa-masa akan datang supaya perayaan yang sebegini besar, sambutan kepada Pertabalan ini benar-benar dihayati dan diikuti oleh seluruh rakyat di negara ini, sama ada yang datang ke Kuala Lumpur atau yang mengikuti menerusi pancaran televisyen dan radio.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada perkara lain saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan ini yang telah menyentuh soal Sabak Bernam, soal jalan-jalan di Sabak Bernam supaya dibesarkan khususnya Sabak Bernam ke Kelang. Saya pernah menimbulkan perkara ini di Dewan ini—Menteri sudah keluar—dan telah diberi jawapan bahawa tidak ada rancangan pembesaran jalan Sabak Bernam ke Kuala Selangor, Kuala Selangor ke Kepong atau Kuala Selangor ke Kelang. Saya ingin menyatakan bahawa jalan ini tidak sesuai lagi, jalan ini perlu dinaiktarafkan. Setelah terbukanya dua jambatan di Perak; jambatan Kayan dan Teluk Intan yang menghubungkan Lumut, yang mendekatkan jalan daripada utara menerusi persisiran pantai, maka jalan Sabak Bernam ke Kuala Selangor merupakan jalan yang paling sibuk seterusnya ke Kuala Lumpur. Sampailah masanya perkara ini diatasi oleh Kementerian ini dan saya mendapat tahu bahawa pihak Duli Yang Maha Mulia Yang

di-Pertuan Agong juga yang datang daripada negeri Perak melalui jalan ini dan sekali sekala daripada pembesar-pembesar Perak melalui jalan ini. Apakah benar bahawa rundingan telah dibuat oleh pihak Kerajaan dan Kementerian untuk menaiktarafkan jalan ini menjadi sebuah lebuh raya yang baru. Kalau tidak, saya menyarankan supaya perkara ini dikaji semula dan ditimbang oleh pihak Kerajaan dan seterusnya Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal janji yang pernah diberikan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di mana satu talian baru LLN akan didirikan menerusi Teluk Intan ke Batang Berjantai yang melalui Sabak Bernam dan Kuala Selangor. Menurut janjinya perkara ini akan siap selewat-lewatnya pada akhir 1998. Perkara ini nampaknya sampai sekarang belum nampak tanda-tanda kerja-kerja awalan dilakukan yang menyeberangi Sungai Bernam melintasi Sungai Besar dan Tanjung Karang untuk memberikan perkhidmatan sehingga sampai ke Batang Berjantai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah banyak memberikan bantuan-bantuan dan peruntukan kewangan khususnya kepada negeri Selangor Darul Ehsan. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pampasan Wilayah Persekutuan ke negeri Selangor akan berakhir pada tahun 1990 dan Belanjawan ini saya kira adalah tahun yang terakhir sekali, tetapi dengan langkah Kerajaan Pusat memberikan peruntukan yang tinggi kepada negeri Selangor khasnya bagi membuka satu pelabuhan baru di Pulau Lumut dan juga jalan-jalan baru, ini memberikan satu sumber dan nafas yang baru kepada negeri Selangor bagi membangunkan negeri ini supaya lebih pesat lagi sebagai sebuah negeri yang maju di negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Pertanian dan mengucapkan terima kasih bagi pihak penduduk Sabak Bernam, kawasan jelapang padi di mana Kementerian Pertanian masih mengekalkan harga padi dan subsidi harga padi di mana subsidi harga padi ini telah diberikan kira-kira 10 tahun yang lalu. Saya kira sampai masanya kalau semakin-semakan dapat dibuat kepada kakitangan Kerajaan bagi menaikkan gaji dan sebagainya, saya rasa sudah sampai masanya semakin semula patut dilakukan bagi menaikkan subsidi harga padi ini kerana saya faham bahawa Kerajaan mungkin tidak menaikkan harga padi tetapi subsidi kepada harga padi boleh diberikan kenaikan. Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini sahaja saya rasa barulah petani-petani di luar bandar akan mendapat faedah dan nikmat yang sepatutnya dari kerja-kerja yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menarik perhatian kepada . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah dua kali "akhir sekali" ini!

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Ini yang akhir betullah, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian Pertanian juga supaya mengelakkan bergantung kepada perunding-perunding luar di mana satu kejadian telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, kerana kesilapan bergantung kepada juruperunding luar dalam pembinaan taliair di Tanjung Karang, di Parit Empat, menjadikan satu kejadian terpaksa menangguhkan penanaman padi selama 3 bulan di kawasan Sabak Bernam, Tanjung Karang. Ini satu kerugian yang besar kepada petani-petani di sana di mana petani-petani yang bergantung kepada hasil padi ini terpaksa menanggung kerugian hampir \$7 juta kerana akibat salah teknik dan salah perhitungan daripada Kementerian ini dalam pembinaan taliair di kawasan sawah yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menamatkan ucapan dan saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban.

5.46 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Speaker, Oktober 27 merupakan satu tarikh Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan tahun 1990. Dua tahun dahulu, 27 Oktober merupakan tarikh Perdana Menteri memilih untuk menangkap 106 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Menteri Kewangan telah menyampaikan satu ucapan yang amat berbau politik yang menhujani pujian ke atas Kerajaan Barisan Nasional kerana memulihkan semula ekonomi negara tetapi beliau gagal menyebut tentang penghakisan berterusan demokrasi dan pencabulan kebebasan kehakiman oleh Kerajaan.

Memang ekonomi telah pulih tetapi bukanlah nilai-nilai ekonomi sahaja yang diharapkan oleh rakyat. Demokrasi dan hak-hak manusia adalah sama penting, kalau tidak lebih penting. Contoh-contoh ke arah ini boleh diperlihatkan dengan tiga buah negara "naga" iaitu Korea Selatan, Taiwan dan Hongkong di mana pendapatan per kapita mereka adalah dua hingga lima kali ganda daripada Malaysia. Sungguhpun negara-negara itu adalah lebih kaya tetapi rakyatnya menuntut demokrasi dan jaminan yang lebih.

Rakyat negara Jepun juga menikmati pendapatan per kapita yang tertinggi sekali sebanyak US\$23,000 tetapi mereka telah menunjukkan rasa benci mereka terhadap rasuah dan ketidakmoralan dengan menolak parti pemerintah semasa pilihanraya untuk Senat atau Dewan Negara mereka.

Tuan Speaker, Belanjawan 1990 merupakan suatu "sugar-coated pill", dengan izin, bertujuan memperdayakan rakyat. Di sebalik konsesi-konsesi cukai yang kecil itu terdapat tanda-tanda tentang

perbelanjaan yang membazirkan, belanjawan defisit, pengangguran yang tinggi, kemiskinan, inflasi, matawang ringgit yang kurang kukuh dan pengagihan kekayaan yang tidak saksama.

Jumlah perbelanjaan Belanjawan dalam tahun 1990 dijangka sebanyak \$33,405 juta, sementara anggaran hasil adalah sebanyak \$24,589 juta. Ini bererti defisit sebanyak \$8,816 juta. Sepanjang tahun 1990 pula, sudah pasti akan terdapat perbelanjaan-perbelanjaan tambahan yang akan meningkat sampai sebilion ringgit atau lebih. Maka angka terakhir defisit pula akan mencatat \$10 billion. Maka dengan ini di manakah letaknya perbelanjaan berjimat-cermat yang dilauung-laungkan oleh Menteri Kewangan?

Keptanggungjawaban awam atau kawalan kewangan yang baik tidak dibayangkan kerana wang awam sering diperlukan oleh perbadanan-perbadanan Kerajaan yang mengalami kerugian seperti Bank Bumiputra, HICOM, Perwaja dan lain-lain perbadanan. Juga ketinggalan daripada ucapan belanjawan ialah perhatian tentang kadar pengangguran yang tinggi iaitu sebanyak 8% hingga 10%, penghijrahan beratus-ratus ribu pemuda-pemuda ke negara-negara Timur Tengah, Taiwan, Jepun dan Singapura untuk mencari pekerjaan. Juga ketinggalan ialah skandal kedua Bank Bumiputra di mana kerugian sebanyak \$1.1 billion yang telah melenyapkan modal bank tersebut bagi kali yang kedua.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini mengumumkan dengan bangganya bahawa \$5 juta telah diperuntukkan untuk kampung-kampung baru yang berjumlah hampir 500 dan mengandungi penduduk-penduduk seramai 1.5 juta. Peruntukan \$5 juta itu adalah sangat kecil kerana setiap kampung baru hanya akan mendapat \$10,000 sahaja. Apakah makna ini berbanding dengan berbilion-bilion ringgit yang dibelanjakan untuk senjata dan industri-industri berat.

Zaman yang baik berada dengan kita sekarang dan inilah masa bagi kita untuk

berjimat-cermat agar apabila sampai zaman yang sulit, maka kita akan mempunyai wang reserve untuk pembangunan. Malangnya, belanjawan yang defisit serta perbelanjaan yang memboros menyebabkan kita meragui tentang wang yang sedia ada untuk pembangunan dan pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, satu era baru dalam sejarah dunia sedang bermula. Ia telah bermula dengan ketibaan elektronik. Penemuan serbuk letak dan cara percetakan telah menyebabkan dunia mara ke depan daripada zaman medieval, dengan izin, dan enjin wap telah mendorong dunia ke arah perindustrian. Akan tetapi teknologi komputer berupaya menukar seluruh dunia. Kita juga sedang melihat dengan rasa takjub runtuh sistem marxist di negara-negara komunis kerana sistem tersebut telah gagal untuk membawa kebaikan kepada rakyat. Kedua-dua negara Russia dan China sedang menerima ekonomi kuasa-kuasa pasaran (market forces), dengan izin, dan penghijrahan besar-besaran pelarian-pelarian daripada Eropah Timur dan Vietnam yang menunjukkan bahawa mereka memerlukan demokrasi dan cara hidup yang lebih baik.

Perubahan-perubahan ini sedang berlaku dengan begitu pesat. Automation, dengan izin, atau robot sedang menjadikan negara-negara maju lebih cekap dan competitive dan tidak lama lagi akan "neutralise" kelebihan kos buruh rendah di negara-negara yang sedang maju. Soalnya ialah sama ada pembuat-pembuat dasar di negara kita sedang menuju ke arah tujuan yang betul untuk memastikan bahawa kita adalah produktif, competitive dan sedang menyesuaikan diri dengan zaman elektronik ini.

Tuan Yang di-Pertua, perdagangan dengan negara lain telah mengkayakan negara kita. Pelaburan asing dan pelancong-pelancong asing juga telah membantu memulih ekonomi negara kita. Pelajar-pelajar kita juga telah membawa balik pengetahuan mereka tentang kemahiran sains dan teknologi. Dengan ini adalah

penting untuk mengembang dan menguatkan pertalian antarabangsa ini dalam tahun-tahun 90an yang merupakan "pipeline", dengan izin, untuk mendapat pertukaran wang asing, pelaburan, pemindahan sains dan teknologi. Tidak diragukan bahawa negara kita telah maju dalam berbagai bidang, tetapi masih terdapat jurang besar antara kita dengan negara-negara maju. Kita boleh membuat kereta sendiri tetapi siapakah yang membina enjinnya? Kita masih belum berupaya membuat kapal-terbang tetapi mereka sedang membina satelit-satelit dan kapal-kapal angkasawan. Dari segi teknologi, negara-negara maju dan negara-negara yang sedang maju berada di tahap-tahap yang lain sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, satu rancangan kebangsaan untuk mengajar pelajar-pelajar kita supaya mereka dapat menguasai pelbagai bahasa harus diadakan agar dapat mereka menjadi duta-duta perdagangan pada masa akan datang ke negara-negara di mana rakyatnya bertutur dalam bahasa Mandarin, Jepun, Inggeris, Perancis atau Spanish. Perlu juga kita menggalakkan pelajar-pelajar yang bijak supaya belajar di luar negeri serta bekerja dalam kilang-kilang letronik untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran agar dapat mereka membantu negara kita selangkah dengan kemajuan elektronik, khususnya, satu persefahaman harus diadakan dengan Kerajaan-kerajaan Jepun dan Taiwan untuk menerima pelajar-pelajar kita untuk memasuki universiti-universiti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan General Medical Council untuk tidak mengiktirafkan ijazah-ijazah perubatan Universiti Malaya merupakan satu tamparan hebat terhadap kemajuan perubatan di negara kita. Pengiktirafan bukan sahaja membantu sekolah perubatan Universiti Malaya memelihara tarafnya di peringkat antarabangsa, tetapi juga memberi access kepada para graduan kita untuk memperolehi kemajuan perubatan dalam bidang perubatan hi-tech, genetik dan bio-teknologi. Satu pertalian yang sama harus juga ditubuhkan dengan sekolah-sekolah perubatan di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, urusan memisahkan saham-saham Malaysia daripada Bursa Saham Kuala Lumpur juga merupakan satu lagi kemunduran bagi kita. Cross listing, dengan izin, syarikat-syarikat di bursa-bursa saham antarabangsa merupakan trend antarabangsa untuk mendapatkan pelaburan asing dan malah ASEAN sendiri telah memperakukan pengintergrasian bursa-bursa saham di rantau ini. Saham-saham Malaysia diperdagangkan dengan aktif di Singapura disebabkan terdapat infrastruktur-infrastruktur kewangan yang sungguh baik yang diberi oleh bank-bank, institusi-institusi. Kewangan Kuala Lumpur hendaklah membaiki kemudahan-kemudahan kewangan yang sedia ada, kalau tidak peningkatan dalam perniagaan seperti dijangka mungkin tidak boleh direalisasikan. Kecuali infrastruktur-infrastruktur kewangan di Kuala Lumpur diperbaiki, delisting, saham-saham akan menjadi counter productive. Perdagangan dalam saham-saham Malaysia mungkin akan merosot. Tambahan pula para pelabur Singapura mungkin akan hilang minat dalam saham-saham Malaysia dan mereka akan melabur di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa Malaysia pada suatu ketika dahulu berada di belakang negara Jepun sahaja dalam erikata pendapatan per kapita. Pada hari ini pula, Malaysia berada di belakang negara-negara seperti Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura berkait dengan pendapatan perkapitanya seperti berikut; Jepun—US\$23,358; Hong Kong—US\$9,843; Singapura—US\$9,455; Taiwan—US\$6,051; Korea Selatan—US\$3,910; Malaysia—US\$2,028. Sebab-sebab yang menyebabkan kemajuan ekonomi yang begitu perlahan ialah disebabkan wujudnya perindustrian-perindustrian yang dilindungi (protected), dengan izin, pergantungan ke atas komoditi-komoditi dan rasuah yang berleluasa. Ramai penganalisa ekonomi juga menyalahkan Dasar Ekonomi Baru yang berdasarkan sistem kuota.

Seperti ekonomi sistem marxist, sistem kuota telah menghalang pembangunan

ekonomi. Ia telah mencekik inisiatif, inovasi dan keentreprenauran yang menyebabkan kek negara menjadi statik dan tidak cukup untuk diagihkan kepada semua rakyat Malaysia. Ia juga telah mencipta polarisasi kaum dan menyebabkan pengagihan kekayaan yang tidak saksama malah di kalangan orang-orang bumiputera sendiri.

Saya ingin mengulangi seruan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen Tanjong agar sistem kuota dimansuhkan dan digantikan dengan suatu dasar, dengan izin, merit dan keperluan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

6.00 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan Belanjawan yang begitu baik. Mudah-mudahan lebih banyak lagi Belanjawan yang seperti ini akan dibentangkan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan Kerajaan untuk memisahkan Bursa Saham Kuala Lumpur daripada Bursa Saham Singapura. Langkah tersebut amatlah wajar malahan sudah terlalu lama hal ini dibiarkan sehingga kadangkala kejatuhan saham di Singapura menimbulkan masalah kepada perniagaan saham di BSKL dan secara tidak langsung keyakinan pelabur-pelabur terhadap sektor sekuriti di Malaysia. Saya percaya dengan mengeluarkan syarikat-syarikat Malaysia daripada senarai Bursa Saham Singapura pada bulan Januari 1990 maka perniagaan security di negara ini tidak lagi tertakluk kepada tekanan-tekanan luar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila syarikat-syarikat Malaysia dipindahkan ke senarai BSKL maka secara automatik volume perniagaan saham di negara ini akan bertambah memandangkan bahawa sebanyak 40% daripada jumlah bilangan syarikat-syarikat

yang disenaraikan di Bursa Saham Singapura terdiri daripada syarikat yang berdaftar di Malaysia. Kalau kita mengukur dari segi perniagaan di Bursa Saham Singapura di mana dalam keadaan paling rendah seperti sekarang, perniagaan saham sehari berjumlah sebanyak \$30 juta yang kadang-kadang meningkat ke \$80 juta sehari sewaktu perniagaan meningkat, maka bermaknalah 40% daripada jumlah tersebut akan membawa penambahan di antara \$12 juta ke \$32 juta sehari kepada BSKL. Dengan kata lain, volume perniagaan akan bertambah sebanyak di antara \$260 juta ke \$700 juta sebulan di BSKL, ini akan menguntungkan sektor security di Malaysia selain memperkuatkan perniagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perubahan volume perniagaan maka adalah dicadangkan supaya sektor bank di Malaysia ini mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memberi galakan kepada pasaran saham. Jika dibanding dengan negara-negara yang lebih maju, didapati bahawa adanya peraturan-peraturan untuk memberi kemudahan kepada pihak yang terlibat dalam perniagaan saham, umpamanya firma-firma broker saham dan pembeli-pembeli saham secara besar-besaran serta kecil-kecilan. Hanya dengan wujudnya kemudahan-kemudahan bank seperti pinjaman-pinjaman yang lebih liberal, barulah pasaran saham di Malaysia akan menjadi lebih dinamik seperti Bursa-bursa Saham di New York, London, Tokyo dan Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan pasaran saham yang pesat dan sihat sebenarnya akan menyakinkan lagi pelabur-pelabur asing bukan sahaja terhadap BSKL tetapi juga akan menggalakkan penarikan minat rumah-rumah perniagaan antarabangsa untuk datang ke Labuan yang dicadangkan untuk dijadikan sebuah pusat kewangan di rantau Asia-Pasifik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menunjukkan kewibawaan negara ini

untuk menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM). Dengan kehadiran ketua-ketua Kerajaan dan wakil-wakil dari 49 negara Komanwel di Kuala Lumpur dan Langkawi pada 18hb hingga 24hb Oktober, 1989 telah menarik perhatian dunia ke arah Malaysia.

Ini sekali gus memperkenalkan Malaysia dengan lebih dekat lagi kepada negara-negara asing yang boleh mempertingkatkan hubungan yang lebih erat dalam berbagai bidang termasuk hubungan diplomatik, perdagangan, pelancongan dan lain-lain lagi. Malahan CHOGM telah memberi peluang yang amat baik bagi Malaysia mempertingkatkan imejnya di kalangan antarabangsa. Kalau dahulunya ramai daripada penduduk-penduduk di negara-negara maju kurang pasti di mana letaknya Malaysia di atas dunia ini, maka CHOGM di Kuala Lumpur bukan sahaja memperkenalkan negara ini dari segi geografi tetapi juga memberi kesempatan kepada pemerhati-pemerhati asing berkenaan dengan berbagai-bagai aspek kehidupan di Malaysia termasuk suasana politik yang stabil dan mungkin dapat memperbetulkan pandangan seorang akibat propaganda-propaganda pihak anti Kerajaan sebelum ini. Mungkin pembetulan imej Malaysia menjadi masalah kepada golongan anti Kerajaan yang tidak senang dengan kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai tuan rumah CHOGM. Sebabnya beberapa kesangsian masyarakat luar terhadap keadaan sebenar terhapus apabila wartawan-wartawan asing berpeluang melihat dan membuat liputan secara bebas tanpa dipengaruhi oleh dakyah-dakyah.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan CHOGM kita juga amat berbangga dengan pengisytiharan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel berkenaan dengan alam sekitar yang dikenali sebagai Deklarasi Langkawi berkenaan alam sekitar. Deklarasi tersebut menjadi dokumen penting bukan sahaja bagi Langkawi yang akan menjadi sebutan dunia selepas ini tetapi juga kepada masyarakat antarabangsa yang menumpu perhatian mereka terhadap masalah atau isu alam sekitar dewasa ini

dan di masa yang akan datang. Deklarasi Langkawi secara ringkasnya menyebut kebimbangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel berkenaan dengan kemerosotan dan penghakisan alam sekitar dan ancaman terhadap generasi-generasi yang akan datang dan menyarankan langkah-langkah segera untuk mengatasinya. Antara perkara-perkara yang menjadi tumpuan Deklarasi tersebut ialah perubahan iklim yang menyebabkan banjir, kemarau, kenaikan paras laut, hujan asid, pencemaran marin dan pelupusan lapisan ozon. Deklarasi tersebut menyarankan supaya pemeliharaan alam sekitar hendaklah diuruskan secara seimbang dengan keutamaan mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara termasuk pembasmian kemiskinan. Dengan kata lain pemeliharaan alam sekitar mestilah mengambil kira masalah-masalah pokok terutama keperluan pembangunan seperti di negara-negara yang sedang membangun.

Deklarasi tersebut jelas menekankan bahawa walaupun pemeliharaan alam sekitar menjadi tumpuan, pelaksanaannya hendaklah secara menyeluruh dan mengambil kira kepentingan manusia atau penduduk-penduduk di atas dunia ini yang bergantung kepada sumber-sumber tanah dan hutan untuk sara hidup. Ini termasuk rancangan-rancangan pembangunan tanah di mana hutan dibersihkan untuk tanaman-tanaman yang mengeluarkan hasil.

Deklarasi Langkawi juga mempertanggungjawabkan semua negara di dunia ini bagi memelihara alam sekitar. Oleh kerana negara-negara maju telah menyebabkan sebahagian besar kehakisan dan kemerosotan alam sekitar maka sudah wajar negara-negara tersebut terutama negara-negara di Eropah dan Amerika menanggung sebahagian besar daripada kos pemulihannya. Bukan seperti yang disarankan oleh setengah-setengah pihak terutamanya di kalangan Environmentalist Movement atau the Greenpeace Group di Eropah yang lebih mirip mempertanggungjawabkan pemeliharaan alam sekitar kepada negara-negara membangun seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, Papua New Guinea dan

sebagainya yang mempunyai hutan-hutan yang besar untuk dinikmati oleh manusia secara amnya. Pada halnya pemusnahan hutan-hutan di negara-negara maju seperti di Eropah adalah akibat pembangunan yang tidak mengambil kira pemeliharaan alam sekitar sejak beberapa abad yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sering menjadi perbincangan masyarakat antarabangsa pada masa kini ialah isu "the green house effect" yang melanda dunia. Secara ringkasnya "the green house effect" itu ialah kepanasan yang bertambah setiap tahun akibat lapisan karbon dioksida yang semakin tebal di atmosfera yang menyekat pelepasan haba panas di permukaan bumi ini ke angkasa. Hasil daripada kepanasan yang bertambah ini maka ia mengakibatkan iklim yang berubah-ubah. Kawasan sejuk di Antartika umpamanya mula berubah daripada kawasan yang dahulunya rata-rata kawasan salji telah mula menjadi salji yang mula cair yang seterusnya menambah air ke Lautan Antartika dan ke Lautan Pasifik. Begitu juga kepanasan yang bertambah telah mencairkan ais dan salji di kawasan pola utara telah mengakibatkan penambahan air yang kemudiannya mempertingkatkan paras laut di seluruh dunia. Kenaikan paras laut ini boleh mengahkiskan atau menenggelamkan beberapa pantai di seluruh dunia. Negara-negara kepulauan seperti Maldives di Lautan Hindi ataupun negara-negara kecil seperti Solomon Island, Fiji dan sebagainya akan kehilangan pantai-pantai mereka sedikit demi sedikit, seterusnya negara-negara kepulauan kecil akan tenggelam semua sekali jika "the green house effect" di dunia tidak diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa negara kita sekarang ini di ambang program industrialisasi, saya ingin mencadangkan supaya Malaysia mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengelakkan masalah kepada dunia, termasuk kita sendiri. Oleh itu, program industrialisasi kita hendaklah diikuti dengan pemeliharaan alam sekitar, umpamanya kilang-kilang yang mengeluarkan sisa-sisa toksik dan karbon dioksida hendaklah dikenakan syarat supaya

pelepasan gas-gas tersebut dikawal. Begitu juga kilang-kilang yang melepaskan gas klorofloro karbon diawasi. Mungkin kilang-kilang tersebut digalakkan mengubah keluaran mereka daripada yang menyebabkan pencemaran oleh klorofloro karbon kepada yang lebih bersih. Saya percaya teknologi-teknologi baru yang sedia ada boleh digunakan. Di samping itu, saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan memperbanyakkan aktiviti yang mengurangkan karbon dioksida di atmosfera, umpamanya penanaman pokok-pokok getah akan mengurangkan karbon dioksida oleh kerana proses pengeluaran susu oleh pokok-pokok getah memerlukan gas tersebut, di samping mengeluarkan oksigen untuk kegunaan manusia. Di samping itu, penambahan kawasan tanaman getah akan mempertingkatkan pendapatan golongan pekebun-pekebun kecil di luar bandar.

Saya juga mencadangkan supaya Deklarasi Langkawi dijadikan sebuah dokumen untuk mendapat sokongan semua negara-negara di dunia ini untuk memelihara alam sekitar, di samping membenarkan pembangunan yang boleh meningkatkan ekonomi semua manusia. Kita hendaklah mengambil kesempatan ini untuk menyelamatkan kekayaan alam yang jika tercemar boleh menjejaskan sumber-sumber pendapatan manusia, seperti kehakisan pantai-pantai atau penenggelaman pulau-pulau akibat perubahan iklim yang bukan sahaja merosakkan tanaman tetapi juga mengancam nyawa manusia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara-perkara yang ada hubungan dengan pertahanan dan keselamatan negara kita memandangkan ura-ura Kerajaan Singapura yang dahulunya menawarkan wilayahnya untuk digunakan sebagai pengkalan Tentera Udara Amerika Syarikat. Walaupun pemimpin-pemimpin Singapura telah menarik balik cadangan tersebut, saya rasa sudah lama tiba masanya untuk negara kita membuat pendirian tegas berkenaan dengan implikasi pertahanan dan keselamatan akibat tindakan negara-negara jiran yang mengambil sikap kepentingan diri sahaja. Saya percaya jika

Malaysia dan Indonesia tidak mengambil pendirian yang tegas dalam isu pengkalan Tentera Udara Amerika Syarikat di Singapura, maka sudah tentu negara jiran kita itu akan meneruskan hasratnya untuk menawar pengkalan tentera kepada kuasa asing yang boleh menggugat konsep ZOPFAN di rantau ASEAN ini. ASEAN tidak mahu diseret ke dalam pertelingkahan Kuasa-kuasa Besar yang boleh mengancam kedaulatan negara-negara anggotanya. Kita juga tidak ingin melihat Singapura bersikap tidak bertanggungjawab atau tidak mengindahkan kepentingan-kepentingan negara-negara jirannya seperti Malaysia atau Indonesia semata-mata kerana wujudnya sebuah pengkalan Tentera Udara Amerika Syarikat di wilayahnya. Oleh itu adalah wajar bagi pihak Kerajaan, khususnya Wisma Putra untuk sentiasa mengadakan rundingan dari masa ke semasa supaya jiran kita itu akan lebih bertanggungjawab dalam hal-hal yang boleh menjejaskan kepentingan jiran-jirannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan supaya Wisma Putra mengambil langkah-langkah tambahan untuk menjauhkan rantau ASEAN dari rebutan Kuasa Besar seperti Amerika Syarikat dan Soviet Union atau kuasa-kuasa pertengahan serantau seperti India yang nampaknya sudah mula minat campurtangan dengan politik-politik negara jirannya, seperti di Bangladesh, di Sri Lanka, Maldives dan Nepal. Di samping itu, India nampaknya sedang memperkuat angkatan terteranya terutama tentera laut yang diperbesarkan dengan begitu cepat. Kita khuatir pembesaran angkatan tentera laut ini akan boleh menimbulkan nafsu negara itu untuk melibatkan diri dalam adventure-adventure antarabangsa di masa-masa tertentu, walaupun pada masa kini India telah menghadkan penglibatan angkatan terteranya ke negara-negara jiran seperti Bangladesh, Sri Lanka atau Maldives sahaja, tidak ada jaminan perkara ini tidak akan berubah. Kita harapkan supaya India tidak campurtangan di negara-negara jiran atas apa-apa alasan sekalipun, terutama di rantau ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan dukacita saya apabila mendengar keputusan pihak DAP yang menarik diri daripada MPEN. Walaupun apa alasan yang diberi oleh pihak DAP, saya percaya penarikan diri wakil-wakil mereka dalam MPEN akan merugikan golongan-golongan yang diperjuangkan mereka selama ini. Bagaimanakah pihak DAP dapat memperjuangkan nasib masyarakat bukan bumiputera jika parti itu sendiri tidak sanggup terlibat dari awal hingga akhir dalam perundingan yang sebegitu penting seperti MPEN. Mungkin DAP tidak setuju dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) seperti sekarang, jadinya banyak pihak ingin tahu apakah cadangan-cadangan DAP untuk membetulkan keadaan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar adalah saudara saya dalam PAC juga, bolehkah beliau memahami sedikit mungkin latar belakang dalam penubuhan MPEN itu, peraturan-peraturan mesyuarat dalam MPEN, bilangan wakil-wakil dari penubuhan MPEN yang semua telah ditentukan oleh UMNO dan pihak Kerajaan. Maka tidak ada dapat pra syarat untuk perundingan sebenar, maka "power relation" dengan izin, tidak sama, tidak adil. Kalau DAP masuk MPEN, DAP jadi "accessory to the crowd" sahaja sekiranya dasar-dasar dibuat ke atas peraturan-peraturan yang tidak adil. Itu sahaja.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Terima kasih atas penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, tetapi saya rasa pengeluaran ahli-ahli atau wakil-wakil DAP daripada MPEN itu adalah sebenarnya bahawa mereka tidak dapat menghadapi hakikat bahawa MPEN itu adalah untuk mendapat satu suara ramai ataupun satu persetujuan secara musyawarah yang lebih adil daripada apa yang ada sekarang. Kemungkinan daripada persidangan

tersebut maka satu kuota yang agak lebih baik, iaitu umpamanya 50-50 akan dca-dangkan oleh MPEN . . . .

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jerai bangun.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit penjelasan. Adakah ini satu helah oleh DAP yang tidak mahu menyertai MPEN ini satu helah politik untuk mengabui mata pengundi-pengundi dalam pilihanraya akan datang ini yang mereka sengaja mempergunakan satu isu yang penting bila menghadapi Barisan Nasional.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Jerai itu, memanglah ini satu helah daripada DAP oleh kerana dia tahu bahawa ekoran daripada MPEN itu pihak Barisan Nasional akan mendapat sokongan yang lebih kuat daripada rakyat.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun. Masa Yang Berhormat!

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Ini yang last.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Last. Soalan saya pendek. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong seorang ahli dalam Jawatankuasa Kecil Perangkaan menulis surat kepada MPEN untuk Pengerusi Jawatankuasa itu untuk mendapat angka-angka tetap bagi 63 soalnya, tetapi sampai sekarang tidak dapat maklumat yang didapati. Kenapa rahsia itu, sekiranya ahli MPEN tidak boleh dapat maklumat dan angka-angka tetap, bagaimana mereka boleh menyumbang kepada keputusan MPEN dan satu lagi, adakah Yang Berhormat sedar . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah tidak cukup. Kata tadi sedikit sahaja.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Okay, boleh.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Terima kasih. Mengikut percakapan ahli dari Bandar Kuching itu, ahli dari Kepong telah pun mengemukakan 63 soalan untuk meminta angka-angka yang betul, tetapi sebenarnya apa yang saya difahamkan, angka-angka yang disediakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan untuk dibentangkan di dalam MPEN itu adalah benar belaka. Jadi, angka-angka lain ini, saya agak kurang tepat dan tidak mengikut kaedah-kaedah yang sering dipakai oleh Badan-badan yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada masa, maka saya teruskan untuk mengakhiri ucapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta gulungan.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya objektif DEB ialah penyertaan bumiputera ke tahap 30 peratus di dalam kek ekonomi yang besar, apakah pihak DAP menyarankan kuota yang kurang daripada itu? Atau pun adakah DAP berpendapat supaya penyertaan bumiputera dalam kek ekonomi selepas 1990 diperimbangkan kepada tahap 50 peratus supaya pengagihan ekonomi negara ini lebih adil di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Belanjawan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Betong.

6.25 ptg.

**Tuan Douglas Uggah Embas (Betong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang berucap kepada saya pada petang ini. Bagi pihak rakyat kawasan Betong, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih serta tahniah kepada

Kerajaan Barisan Nasional atas kebijaksanaanannya, keberanian, ketegasan serta usaha untuk merangka Dasar Kewangan tahun 1990 yang tidak membebankan rakyat serta berpandangan jauh.

Tuan Yang di-Pertua, tiga strategi Belanjawan 1990 iaitu mengekalkan pertumbuhan di tahap yang tinggi, mengawal kenaikan harga dan meneruskan kawalan ke atas awam adalah bukti jelas bahawa Kerajaan Barisan adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan sentiasa memberi perhatian serius terhadap keperluan setiap golongan masyarakat di negara ini. Dasar Belanjawan ini juga adalah bukti bahawa Kerajaan adalah peka atas masalah sosio-ekonomi semasa seperti kemiskinan, pengangguran dan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tepat bagi masanya bagi Kerajaan untuk mengambil tindakan membendung inflasi di negara ini. Walaupun kadar inflasi di negara kita hanya dalam lingkungan 4 peratus, tetapi pertambahan tahun hadapan telah memberi isyarat bahawa inflasi akan menjadi masalah ekonomi utama negara jika tindakan yang positif dan tegas tidak diambil sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk mencadangkan penurunan duti import dan menghapuskan cukai tokok untuk tahun 1990 untuk barang-barang termasuk barang-barang makanan seperti keperluan rumahtangga dan bahan-bahan pertanian. Langkah-langkah ini pasti akan membantu usaha Kerajaan membendung inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, hasil penurunan dan pengecualian ini kita berharap harga-harga barang seperti baja dan racun serangga bukan hanya tetap atau stable, dengan izin, tetapi menurun sekurang-kurangnya sekadar dengan penurunan dan pengecualian tersebut. Bagaimanapun, adalah pendapat umum bahawa penurunan harga barang adalah sticky, dengan izin. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mengawal dan mengawasi harga barang yang bersabit

supaya kesan cadangan ini dirasi langsung oleh pengguna-pengguna khasnya pengguna-pengguna di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan bahawa penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mempergiatkan lagi usaha mereka mengawal harga barang khasnya di luar bandar di negeri Sarawak. Di sinilah masalah sentiasa timbul mengenai harga barang, walaupun cukai telah diturunkan dan dikecualikan, ia jarang-jarang dinikmati oleh rakyat luar bandar, tetapi jika cukai sudah naik serta-merta, kadang-kadang dahulu dari yang ditetapkan, pengguna di luar bandar termasuk di pendalaman merasa bebannya.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru akan berakhir tahun hadapan 1990. Soalan yang sentiasa ditimbulkan dan dibincangkan dalam Dewan ini ialah sama ada dasar ini ataupun dasar matlamat yang sama akan diteruskan selepas 1990. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional atas kejayaannya melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Angka-angka seperti kadar kemiskinan yang telah menurun kepada kadar 18.6 peratus pada tahun 1988, begitu juga matlamat-matlamat mengenai penyusunan semula masyarakat, perubahan memang jelas adalah bukti bahawa Dasar Ekonomi Baru ini telah berjaya dilaksanakan, walaupun demikian matlamat-matlamat sepenuhnya belum dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting adalah kejayaan kita mengekal perpaduan nasional di negara ini. Dalam 20 tahun kita melihat persefahaman serta perpaduan di segenap lapisan masyarakat berbagai kaum yang mengamalkan berbagai agama walaupun kita menyaksikan dalam era political and social unrest, dengan izin, di seluruh dunia. Di beberapa negara di dunia di mana bermacam pergaduhan, kekacauan, peperangan berlaku, tetapi kita di Malaysia berjaya mengekalkan keamanan yang kita sama-sama banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa ketika kita mengalami keadaan yang genting dan mencabar, tetapi ia masih boleh dikawal

dan dibendung. Pada keseluruhannya persefahaman di antara rakyat Malaysia dari Perlis ke Sabah dan Sarawak adalah bertambah lebih baik, lebih aman dan ber-satu membina negara bersama-sama demi kepentingan kita. Dalam pandangan saya, inilah pencapaian Dasar Ekonomi Baru yang paling besar. Oleh yang demikian, maka nyatalah Dasar Ekonomi Baru telah berjaya mengeratkan perpaduan di negara kita

Yang kedua, matlamat serampang dua mata belum dicapai sepenuhnya. Maka dalam pendapat saya, Dasar Ekonomi Baru atau dasar yang bermatlamat yang sama mesti diteruskan selepas 1990. Hanya dengan cara mengamalkan dasar itu, kita yakin bahawa perpaduan yang sedia ada terus dikekalkan dan dipelihara. Perpaduan adalah asas utama bagi kita membina negara kita terus aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan masih menjadi masalah utama yang dihadapi oleh rakyat khususnya rakyat luar bandar. Mengikut laporan bahawa jumlah keluarga miskin tahun 1987 adalah 483,000 di Semenanjung Malaysia, 76,000 di Sabah dan 90,000 di Sarawak. Saya pasti angka yang sebenarnya mungkin tinggi lebih dari ini, kerana banciaan khasnya untuk luar

bandar negeri Sarawak tidak menyeluruh akibat masalah perhubungan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya, kebanyakan mereka yang miskin ini adalah duduk di luar bandar terdiri dari nelayan dan petani. Ini ternyata apabila kita melawat ke kawasan-kawasan luar bandar seperti dalam kawasan negeri Sarawak seperti kawasan saya di Betong.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya mengalu-alukan peruntukan \$1,693 juta yang merupakan 18.3 peratus dari jumlah Anggaran Pembangunan 1990. Ini bukti keazaman Kerajaan Barisan Nasional untuk meneruskan usaha membasmi kemiskinan khasnya di luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila sambungkan besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau sekiranya ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap, maka pada hari esok kita akan terpaksa memanjangkan masa mesyuarat kita sehingga malam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*